



LAPORAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI MALAYSIA

2010



Kementerian
Perdagangan Antarabangsa
dan Industri
Malaysia



LAPORAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI MALAYSIA



2010



Kementerian
Perdagangan Antarabangsa
dan Industri
Malaysia

ISSN 0128-7524

Jun 2011

© Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia 2011

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa keizinan bertulis daripada penerbit. Semua fakta dan maklumat adalah tepat semasa penerbitan.

Untuk membeli naskhah ini atau untuk maklumat lain, sila hubungi:

Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan Strategik
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia
Tingkat 15, Blok 8
Kompleks Pejabat Kerajaan
Jalan Duta, 50622 Kuala Lumpur
Tel: +603-6203 4571 Faks: +603-6201 2573
Laman web MITI: www.miti.gov.my
E-mel: mitiweb@miti.gov.my

Cetakan oleh

Sasyaz Holdings Sdn. Bhd. (219275-V)
29, Jalan PJU 3/48
Sunway Damansara Technology Park
47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
Tel: +603-7803 3754
Faks: +603-7804 8245
E-mel: sasyaz88@streamyx.com

Harga: RM60.00

Ekonomi Malaysia mengalami pertumbuhan 7.2% pada 2010, sekali lagi membuktikan kekuatan dan daya tahan yang mendasarinya. 2009 adalah tahun yang mencabar apabila krisis kewangan global terus dirasai dan ekonomi menguncup sebanyak 1.7%. Bagaimanapun permintaan domestik yang kukuh dan pemulihan berterusan perdagangan global telah membantu pemulihan kukuh pada 2010.

Sepanjang tahun 2010, jumlah dagangan berkembang 18% mencecah RM1.2 trillion, menyamai paras sebelum krisis 2008. Keyakinan pelabur bertambah baik dengan pelaburan langsung asing meningkat 500.3% kepada AS\$8.58 bilion berbanding AS\$1.43 bilion tahun sebelumnya. UNCTAD melalui laporan *Investment Trends Monitor* 2010 menegaskan bahawa Malaysia merupakan salah sebuah ekonomi yang mencatatkan kemajuan tertinggi dalam kemasukan pelaburan langsung asing diantara 153 ekonomi yang diliputi dalam penyiasatannya.

Pertumbuhan dalam perdagangan dan pelaburan adalah objektif-objektif utama dasar ekonomi negara. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan terus meneroka peluang-peluang baru dalam pasaran bagi menyokong industri berasaskan domestik, termasuk perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Perjanjian-perjanjian perdagangan bebas adalah mekanisme yang berkesan bagi memperluaskan jangkauan pasaran, sehingga kini Malaysia telahpun memuktamadkan sebelas perjanjian tersebut: enam perjanjian serantau dengan negara-negara seperti Republik Rakyat China (PRC) dan Republik Korea (ROK) melalui Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) serta lima perjanjian dua hala dengan Jepun, Pakistan, New Zealand, India dan Chile.

Pada 2010, Malaysia memperluaskan lagi perjanjian perdagangannya dengan memulakan rundingan-rundingan mengenai Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPP), Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Kesatuan Eropah (MEUFTA), dan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turki (MTFTA). Perjanjian-perjanjian ini menawarkan laluan-laluan tambahan kepada perdagangan dan pelaburan merentasi sempadan. Pengeksport-pengeksport kita, termasuk ahli-ahli komuniti perusahaan kecil dan sederhana, harus bekerja secara agresif bagi merebut peluang-peluang daripada akses pasaran yang luas yang disediakan menerusi perjanjian-perjanjian tersebut.

Prospek bagi 2011 dijangka positif. Menurut Bank Negara Malaysia, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dijangka berkembang diantara 5% dan 6%. Pertumbuhan marginal dijangka dalam sektor perkhidmatan (5.9%), berbanding sektor pembuatan (5.7%). Bank Negara seterusnya meramalkan lebihan dagangan negara akan melebihi RM144 bilion (2010: RM110 bilion).

Sektor swasta akan terus memainkan peranan penting memacu pertumbuhan ekonomi. Bagi memudahkan penyertaan sektor swasta, MITI akan melipatgandakan usaha kearah penambahbaikan persekitaran perniagaan negara dengan memperkenalkan lebih banyak dasar yang pro-perniagaan dan mengkaji semula serta mengemaskini peraturan dan ketetapan sedia ada. Sektor swasta juga perlu terus berdaya saing dengan cara sentiasa menambah baik produk dan proses serta senantiasa inovatif dan cekap.

Di bawah Program Transformasi Ekonomi, suatu usaha komprehensif yang dipelopori Unit Pengurusan Prestasi dan Penyampaian (PEMANDU), sebanyak 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) telah dikenal pasti bagi mentransformasi Malaysia kearah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. NKEA yang merangkumi sektor elektrik dan elektronik, perkhidmatan perniagaan, dan perniagaan borong dan runcit dijangka memberi sumbangan besar kepada prestasi ekonomi Malaysia. Untuk itu, MITI akan terus memandu negara kearah ekonomi berpendapatan tinggi yang berpaksikan ilmu dan industri berasaskan teknologi tinggi. Tumpuan akan diberikan kepada usaha-usaha menarik pelaburan berkualiti dan menggalakkan industri sedia ada yang mempunyai produk dan perkhidmatan tambah nilai rendah beralih kepada melbur semula dalam produk serta perkhidmatan tambah nilai tinggi dan berintensifkan pengetahuan. Penekanan akan diberikan kepada penyediaan pekerjaan berkualiti, kerjasama dengan pembekal tempatan dan sumbangan kepada pertumbuhan eksport.

Untuk bergerak maju, keutamaan MITI adalah menambahbaik daya saing ekonomi negara secara menyeluruh. Kerajaan dan sektor swasta perlu sentiasa menggembangkan usaha bagi memastikan Malaysia kekal berdaya maju dalam pasaran ekonomi global.

DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia

BAB 1	7
PERKEMBANGAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN PELABURAN DUNIA	
 BAB 2	15
PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA	
 BAB 3	23
PELABURAN	
 BAB 4	35
PRESTASI SEKTOR PEMBUATAN	
 BAB 5	53
PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN	
 BAB 6	59
PRODUKTIVITI DAN DAYA SAING	

BAB 7	67
PKS: PENERAJU TRANSFORMASI PERNIAGAAN	
BAB 8	77
PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN	
BAB 9	87
PERJANJIAN PERDAGANGAN BEBAS DUA HALA DAN SERANTAU	
BAB 10	95
KERJASAMA EKONOMI ASEAN	
BAB 11	105
PERKEMBANGAN SISTEM PERDAGANGAN PELBAGAIHALA	
BAB 12	111
PERKEMBANGAN KUMPULAN SERANTAU	



- *Ekonomi global mencatatkan pertumbuhan 3.6%*
- *Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan 7.2%*
- *Jumlah dagangan ASEAN mencecah AS\$1.6 trilion*
- *Jumlah dagangan Malaysia mencecah AS\$362.9 bilion*
- *FDI ke ASEAN mencatatkan peningkatan 89.6%*
- *FDI ke Malaysia meningkat lebih 500%*

B
A
B

1

**PERKEMBANGAN
EKONOMI,
PERDAGANGAN
DAN
PELABURAN
DUNIA**

TINJAUAN

Ekonomi global kembali pulih daripada krisis ekonomi pada 2010. Pertumbuhan di negara-negara pesat membangun seperti Republik Rakyat China (PRC), Singapura dan India melonjak tinggi manakala negara-negara maju seperti Jepun, Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat (AS) mengalami pertumbuhan lembab. Malaysia, sebaliknya mencatatkan pertumbuhan yang lebih sederhana dan lestari pada 7.2%.

Ekonomi global mencatatkan pertumbuhan positif 3.6% berbanding penguncutan 2.4% pada 2009. Tindakan-tindakan pihak Kerajaan menggalakkan permintaan dan mengurangkan ketidaktentuan serta risiko sistemik dalam pasaran kewangan telah membawa kepada peningkatan sebanyak 14.5% dalam eksport berbanding 2009.

Pertumbuhan diantara negara adalah tidak setara. Pertumbuhan purata bagi negara berpendapatan rendah adalah 6.3%, manakala negara berpendapatan tinggi 2.8%. Negara-negara yang pantas berkembang seperti PRC, Chinese Taipei dan India, mencatatkan pertumbuhan 10.3%, 9.3% dan 9.7%. Manakala, negara-negara maju mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan seperti Jepun (3.9%), AS (2.8%) dan EU (1.8%).

Kadar pengangguran global terus meningkat, mencecah paras 8.8% pada 2010. Selepas mengalami penurunan yang signifikan pada tahun 2009, pelaburan tetap kasar global kembali stabil pada kadar 23% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Perdagangan dunia dilihat kembali kepada perkembangan seperti pada tahun-tahun sebelum 2009, dengan lebihan atau defisit akaun semasa bagi kebanyakan negara meningkat dan hutang luar bagi dunia susut kepada 5%.

PRESTASI NEGARA SERANTAU

Pertumbuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)

Berdasarkan rekod Laporan Prospek Ekonomi Asia Tenggara 2010 oleh Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), enam negara utama ASEAN (Singapura, Thailand, Viet Nam, Malaysia, Indonesia dan Filipina) telah beransur pulih dengan prospek pertumbuhan jangka sederhana.

Jadual 1.1: Pertumbuhan KDNK Enam Negara Utama ASEAN

Negara	2009 (%)	2010 (%)
Indonesia	4.5	6.1
Malaysia	-1.7	7.2
Filipina	1.1	7.3
Singapura	-0.8	14.5
Thailand	-2.3	7.8
Viet Nam	5.2	6.5
Purata	1.3	7.3

Sumber: Pejabat statistik negara terpilih dan Pusat Pembangunan

Semua negara utama di rantau ini mencatatkan pertumbuhan positif di mana Singapura mencatatkan pertumbuhan dua digit pada 14.5%. Malaysia kembali pulih dengan pertumbuhan 7.2% setelah penguncutan 1.7% pada 2009.

Menurut Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), ASEAN yang terdiri daripada 10 negara anggota mencatatkan KDNK AS\$1.9 trillion pada 2010 berbanding AS\$1.5 trillion pada 2009, iaitu kenaikan sebanyak 23.9%. Kadar pertumbuhan purata pada 2010 adalah 7.3% berbanding 1.5% tahun sebelumnya. Pada 2011, ASEAN dijangka mencatatkan pertumbuhan purata 5.5%.

Dagangan ASEAN berjumlah AS\$1.6 trillion, meningkat 7.3% berbanding AS\$1.5 trillion pada 2009. Negara perdagangan terbesar ialah Singapura (AS\$661.6 bilion), diikuti Malaysia (AS\$362.9 bilion) dan Thailand (AS\$337.7 bilion).

Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD) menjangkakan aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) global ke ASEAN pada 2010 melebihi AS\$1.1 trillion. FDI ke ASEAN meningkat 89.6% kepada AS\$69.6 billion berbanding AS\$36.7 billion pada 2009. Malaysia mencatatkan pertumbuhan paling kukuh 500.3% kepada AS\$8.58 billion daripada AS\$1.43 billion pada 2009. FDI Indonesia meningkat 146.1% kepada AS\$12.8 billion berbanding AS\$4.9 billion pada 2009, manakala FDI Singapura mencatat peningkatan 122.6% kepada AS\$37.4 billion berbanding AS\$16.8 billion pada 2009.

Bagi merealisasikan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) menjelang 2015, negara-negara anggota ASEAN perlu bekerjasama dan meningkatkan kesepadan. Perdagangan antara negara-negara anggota ASEAN mengalami perkembangan pesat sejak 10 tahun yang lepas dengan Kadar Pertumbuhan Tahunan Bertambah (CAGR) 9.5%. Jumlah dagangan Malaysia dengan ASEAN pada 2010 meningkat kepada AS\$95 bilion berbanding AS\$45.8 bilion pada tahun 2000.

Jadual 1.2: Aliran Masuk FDI ke Negara-negara ASEAN

Negara	2009 (AS\$ bilion)	2010 (AS\$ bilion)
Singapura	16.8	37.4
Thailand	5.9	6.8
Viet Nam	4.5	4.3
Indonesia	4.9	12.8
Malaysia	1.4	7.0
Filipina	1.9	0.7
Myanmar	0.3	n.a.
Kemboja	0.5	0.3
Brunei	0.3	0.2
Lao PDR	0.2	0.1

Sumber: UNCTAD dan Sekretariat ASEAN

Singapura

Ekonomi Singapura berkembang 14.5% setelah penguncutan 0.8% pada 2009. Sektor pembuatan kembali pulih dengan pertumbuhan 29.7% berbanding penguncutan 4.2% pada 2009, hasil peningkatan output produk elektrik dan elektronik (E&E) serta pengeluaran produk bioperubatan. Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan sederhana 6.1% berbanding 17.1% pada 2009.

Jumlah dagangan meningkat 28.5% mencecah AS\$662.7 bilion berbanding AS\$515.8 bilion pada 2009. Eksport dan import berkembang pada kadar 30.4% dan 26.4%. Destinasi utama eksport Singapura ialah Malaysia, Hong Kong SAR dan PRC manakala sumber utama import ialah Malaysia, AS dan PRC. Aliran FDI ke Singapura berjumlah AS\$37.4 bilion iaitu peningkatan 122.6% berbanding AS\$16.8 bilion pada 2009.

Industri perkhidmatan berkembang 10.5% berbanding penguncutan 0.7% pada 2009, hasil perluasan semua sub-sektor. Perdagangan borong dan runcit mengalami perkembangan kukuh sebanyak 15.1%, manakala perkhidmatan kewangan 12.2%. Peningkatan 20.2% dalam ketibaan pelancong kepada 11,638,700 pelancong pada 2010 telah memperkuatkan perkhidmatan berkaitan pelancongan. Pembukaan resort integrasi di Pulau Sentosa telah mendorong peningkatan ini.

Malaysia terus menarik minat para pelabur Singapura terutama di Wilayah Pembangunan Iskandar, Johor. Pelaburan dari Singapura bertambah AS\$75.9 bilion daripada AS\$565 bilion pada 2009. Singapura kekal sebagai rakan dagang terbesar Malaysia dan destinasi pelaburan kedua terpenting Malaysia, sebagai tanda hubungan ekonomi yang terjalin antara kedua-dua negara sejak dahulu lagi.

Republik Rakyat China (PRC)

Ekonomi PRC berkembang 10.5% kepada AS\$5.7 trillion berbanding AS\$4.9 trillion pada 2009. Paket rangsangan ekonomi dua tahun berjumlah AS\$586 bilion yang diumumkan pada 2008, telah meningkatkan pertumbuhan ekonomi PRC sebanyak 11.9% pada suku pertama 2010, paling pesat dalam tempoh tiga tahun. PRC telah mengatasi Jepun sebagai ekonomi terbesar dunia selepas AS.

Ekonomi PRC kembali pulih pada 2010 hasil daripada permintaan domestik yang kukuh kerana jumlah penduduk yang ramai dan pakej ransangan ekonomi yang dilaksanakannya. Eksport meningkat 31.3% kepada AS\$1.6 trillion, manakala import meningkat 38.7% kepada AS\$1.4 trillion. Kedua-dua eksport barang dan perkhidmatan menyumbang 39.7% kepada KDNK. Lebihan dagangan 2010 menguncup kepada AS\$182.7 bilion berbanding AS\$195.7 bilion pada 2009. EU, AS, Hong Kong SAR dan Republik Korea (ROK) ialah rakan dagang utama PRC.

Menurut laporan *World Investment Prospects Survey* 2010-2012 oleh UNCTAD, PRC kekal sebagai destinasi utama FDI. Jumlah perusahaan biaya asing yang baru diluluskan berjumlah 27,406, peningkatan tahunan 16.9%.

PRC sedang memberi tumpuan kepada kestabilan sosial dalam agenda pembangunan ekonomi 2011. Langkah ini adalah penting disebabkan kadar inflasi terutamanya harga makanan yang meningkat mungkin membawa kepada ketidakpuasan pengguna.

Kerajaan PRC telah merancang untuk menyederhanakan pertumbuhan sekitar 8% dan memastikan kadar inflasi tidak melebihi 4%. Pertumbuhan sederhana ini dijangka mempunyai impak kepada eksport Malaysia ke PRC. Kini Malaysia mengeksport 12.6% daripada eksportnya ke PRC, menjadikan PRC destinasi eksport kedua terbesar Malaysia.

Jepun

KDNK berkembang 3.9% pada 2010, mencecah AS\$6.1 trillion berbanding AS\$5.6 trillion pada 2009. Jumlah dagangan meningkat 29.2% kepada AS\$1.5 trillion berbanding AS\$1.1 trillion pada 2009. Rakan dagang utama terdiri daripada PRC, AS, ROK, Chinese Taipei dan Australia, manakala Malaysia sebagai rakan dagang ke-17.

Eksport utama Jepun termasuk kenderaan bermotor, semikonduktor, produk besi dan keluli serta komponen dan alat ganti kenderaan. Jumlah eksport meningkat 32.6% kepada AS\$769.8 bilion berbanding AS\$580.7 bilion pada 2009. Import juga mencatat peningkatan 25.5% kepada AS\$692.6 bilion daripada AS\$552 bilion pada 2009.

Eksport perkhidmatan komersil pada 2010 meningkat 9.2% kepada AS\$137.6 bilion sementara import menguncup 5.6% kepada AS\$155.2 bilion. Aliran masuk FDI ke Jepun berjumlah AS\$2 bilion, menurun 83.2% berbanding AS\$11.9 bilion pada 2009.

Kelembapan pertumbuhan ekonomi Jepun sejak 20 tahun lepas terus menjadi kebimbangan kepada pengekspor Malaysia. CAGR eksport Malaysia ke Jepun kekal mendatar pada kadar 8.7%. Gempa bumi dan tsunami yang melanda pesisir pantai Pasifik bahagian Timur Laut Jepun pada 11 Mac 2011 memberi kesan berganda seperti berikut: kemasuhan akibat gempa bumi dan tsunami serta kekurangan bekalan tenaga kesan daripada kerrosakan loji tenaga nuklear dan penapis minyak. Kebimbangan terhadap pencemaran radiasi susulan daripada kebocoran loji nuklear Fukushima dilihat akan menjaskan keyakinan para pelabur. Walau bagaimanapun, pengurangan pengeluaran awal dijangka dapat diimbangi oleh pembangunan semula yang bakal dilaksanakan.

India

KDNK bagi tahun fiskal April 2010 hingga Mac 2011 berkembang sebanyak 8.6% kepada AS\$1.7 trillion berbanding 8% tahun sebelumnya. Eksport meningkat 31.1% kepada AS\$216.2 bilion berbanding AS\$164.9 bilion manakala import turut meningkat 25.5% kepada AS\$322.7 bilion berbanding AS\$257.2 bilion pada tahun sebelumnya. Eksport terbesar India ialah batu permata dan barang perhiasan, barang teknik, produk kejuruteraan, bahan kimia dan pembuatan kulit. Rakan dagang utama terdiri daripada EU, AS, PRC, dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE).

Menurut laporan *World Investment Prospects Survey* 2010-2012 oleh UNCTAD, India berada di kedudukan kedua dalam FDI global pada 2010 dan dijangka kekal sebagai lima destinasi utama kepada para pelabur antarabangsa. Bagi tempoh 2010-2011, aliran masuk FDI ke India dijangka menurun kepada AS\$27.6 bilion sementara aliran keluar FDI dijangka meningkat kepada AS\$18.2 bilion.

Pada 2010, India merupakan rakan dagang ke-12 terbesar Malaysia, iaitu 3.3% daripada jumlah eksport negara sementara Malaysia merupakan rakan dagang ke-13 terbesar India. Hubungan perdagangan diantara Malaysia dengan India diperkuuhkan dengan termeterainya Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Malaysia-India (MICECA) pada 18 Februari 2011. MICECA yang akan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2011, merupakan perjanjian komprehensif merangkumi liberalisasi perdagangan barang dan perkhidmatan serta rejim pelaburan yang lebih stabil dan berdaya saing bagi mempromosikan pelaburan asing.

MICECA merupakan penambahbaikan kepada Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN-India (AITIG) sedia ada, di mana Malaysia dan India memberikan komitmen liberalisasi tarif yang lebih mendalam terhadap bilangan produk yang lebih banyak berbanding AITIG. MICECA juga mempercepatkan tempoh masa pelaksanaan di bawah AITIG dengan manfaat paling besar diperolehi Malaysia menerusi konsesi bagi minyak sawit dan produk sawit yang telah diterima daripada India.

Arab Saudi

Bank Dunia dalam laporannya *Doing Business* 2011 mengiktiraf Arab Saudi sebagai ekonomi paling kukuh dikalangan negara-negara Arab dari segi KDNK dan International Finance Corporation (IFC) pula menempatkannya pada kedudukan ke-11 Negara Paling Berdaya Saing.

Dengan pemilikan 20% rizab petroleum dunia, Arab Saudi merupakan pengekspor terbesar petroleum dan memainkan peranan penting dalam Pertubuhan Negara-Negara Pengeluar Minyak (OPEC). Eksport minyak merupakan 90% jumlah perolehan eksport Arab Saudi.

KDNK Arab Saudi bagi tahun 2010 meningkat 3.8% kepada AS\$622.5 bilion berbanding AS\$599.7 bilion pada 2009 manakala jumlah perdagangan meningkat 23.7% kepada AS\$356 bilion. Eksport meningkat 32.1% kepada AS\$254 bilion dan import 6.7% kepada AS\$102 bilion.

Ekonomi Arab Saudi dijangka berkembang 4.3% pada 2011 berbanding 3.8% pada 2010. Kenaikan harga minyak dan perbelanjaan kerajaan yang besar dijangka menggalakkan pertumbuhan ekonomi pada 2011. Arab Saudi juga sedang membina lima bandar ekonomi baharu.

Dengan bermulanya rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) diantara Malaysia dengan Majlis Kerjasama Negara-Negara Teluk (GCC) yang turut dianggotai Arab Saudi, ia dijangka dapat mempereratkan ikatan perdagangan antara Malaysia dengan Arab Saudi, memandangkan terdapat potensi besar dalam industri perkhidmatan kewangan Islam dan industri halal. Pasaran halal global merupakan industri paling pantas berkembang di dunia dengan jumlah dagangan AS\$2.7 trillion setahun.

Australia

KDNK berkembang 3.3% mencecah AS\$1.2 trillion pada 2010. Meskipun sektor perkhidmatan merupakan sektor utama dalam ekonomi Australia, kejayaan ekonominya adalah berdasarkan limpahan sumber pertanian dan mineral.

Pada 2010, jumlah dagangan Australia meningkat 29.5% kepada AS\$414.1 bilion dengan eksport berjumlah AS\$212.4 bilion dan import AS\$201.6 bilion. Eksport mencatatkan peningkatan 37.6% dan import 21.9%.

Perdagangan perkhidmatan komersil meningkat 19.5% kepada AS\$97.6 bilion berbanding AS\$81.6 bilion pada 2009. Eksport meningkat 16.6% kepada AS\$47.7 bilion berbanding AS\$40.9 bilion pada 2009, manakala import meningkat 22.5% kepada AS\$49.8 bilion berbanding AS\$40.7 bilion pada 2009.

Jumlah dagangan diantara Malaysia dengan Australia mencatatkan trend peningkatan, AS\$10.6 bilion pada 2010 berbanding AS\$6.9 bilion pada 2005. Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Australia (MAFTA) yang masih di peringkat perbincangan dijangka dapat mempertingkatkan lagi hubungan perdagangan dua hala. Keanggotaan kedua-dua negara dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) juga dijangka dapat mempertingkatkan lagi hubungan perdagangan dan pelaburan diantara kedua-dua negara.

New Zealand

Pemulihan ekonomi New Zealand telah terjejas pada pertengahan 2010 apabila KDNK benar bagi suku ketiga menurun buat pertama kali semenjak kemelesetan 2008/2009. Aktiviti-aktiviti ekonomi menguncup 0.2% pada suku ketiga kesan daripada kemusnahan prasarana dan gangguan perniagaan akibat gempa bumi yang melanda Christchurch pada September 2010. Walau bagaimanapun, KDNK New Zealand kembali berkembang 0.2% pada suku keempat. Sektor pembuatan, hartanah dan perkhidmatan perniagaan mencatatkan peningkatan terbesar. New Zealand mencatatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 3% kepada AS\$138 bilion.

Eksport (terutama daging, produk tensus, keluaran hutan, buah-buahan dan sayur-sayuran, ikan dan bulu biri-biri) meningkat 25.8% kepada AS\$31.4 bilion berbanding AS\$24.9 bilion pada 2009. Import meningkat 19.8% kepada AS\$30.6 bilion berbanding AS\$25.6 bilion pada 2009. Rakan dagang utama ialah EU, AS, PRC dan Jepun.

Aliran masuk FDI New Zealand meningkat 69.3% kepada AS\$589 juta pada 2010 berbanding AS\$348 juta pada 2009.

Jumlah dagangan antara Malaysia dengan New Zealand berjumlah AS\$1.5 billion pada 2010. Perdagangan dan pelaburan kedua-dua negara dijangka meningkat 80% dengan pemeteraian Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-New Zealand pada 26 Oktober 2009, berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2010. Keanggotaan kedua-dua negara dalam TPP dijangka dapat mempertingkatkan lagi hubungan perdagangan dan pelaburan diantara kedua-dua negara.

Amerika Syarikat (AS)

KDNK 2010 mencatatkan pertumbuhan 2.7% berbanding penguncupan 2.6% pada 2009. Pertumbuhan 3.2% KDNK pada suku keempat 2010 merupakan peningkatan tertinggi sejak 2005. Pertumbuhan menyeluruh adalah disebabkan pengukuhan pendapatan bersih eksport, penguncupan import yang ketara, peningkatan eksport dan perbelanjaan pengguna.

Jumlah dagangan barang dan perkhidmatan bernilai AS\$4.1 trillion. Eksport meningkat 17% kepada AS\$1.8 trillion daripada AS\$1.5 trillion pada 2009. Eksport utama termasuk bahan mentah dan pembekalan industri, barang modal dan kenderaan, alat ganti dan enjin automotif.

Import meningkat 19.9% kepada AS\$2.3 trillion berbanding AS\$1.6 trillion pada 2009, tertinggi sejak 2008. Import utama termasuk bekalan dan bahan industri, barang modal dan kenderaan, alat ganti dan enjin automotif.

Aliran masuk FDI AS meningkat 43.3% kepada AS\$186.1 billion daripada AS\$129.9 billion pada 2009. Kanada terus menjadi rakan dagang terbesar AS diikuti PRC, Mexico, Jepun dan Jerman.

Ekonomi AS sedang pulih tetapi pada kadar sederhana. Peningkatan kadar inflasi dan pengangguran yang tinggi menjadi cabaran kepada pemulihan segera. Hubungan ekonomi dua hala antara Malaysia dengan AS kekal kukuh dengan prospek yang memberangsangkan. AS kekal sebagai ekonomi terbesar dunia dan rakan dagang kelima terbesar Malaysia. Malaysia bekerjasama secara aktif dengan para peniaga AS dalam memperluaskan peluang perdagangan dan akses pasaran perusahaan kecil dan sederhana Malaysia serta pengeksport, terutamanya menerusi rundingan-rundingan dalam Perjanjian TPP yang dianggotai kedua-dua negara.

Chile

Gempa bumi yang melanda Chile pada Februari 2010 menyebabkan pertumbuhan ekonomi susut sebanyak 1.5%. Kerugian akibat bencana berjumlah hampir 17% daripada KDNK dan dijangka mengambil masa sehingga empat tahun untuk mencapai imbalan bajet jangka masa panjang. Kerajaan Chile telah merangka rancangan pembiayaan bernilai hampir AS\$30 bilion bagi kos pembinaan semula.

Chile merupakan pengeluar terbesar tembaga dunia yang membekalkan satu per tiga daripada pasaran dunia. Industri tembaga Chile tidak terjejas teruk daripada bencana yang melanda dan dijangka mencatatkan peningkatan nilai sebanyak 30% pada 2011.

Pada 2010, ekonomi Chile berkembang pada kadar 4%. Perdagangan berjumlah AS\$127.9 bilion, yang mana eksport berjumlah AS\$69.6 bilion dan import AS\$58.2 bilion. Eksport utama ialah bijih, sanga dan tembaga manakala import utama termasuk bahan api mineral, minyak dan jentera. Rakan dagang utama terdiri daripada AS, Jepun, Brazil dan Argentina. Eksport utama Malaysia ke Chile terdiri daripada produk E&E, getah, kayu serta kimia dan produk kimia. Import utama terdiri daripada produk buatan logam, bijih logam besi dan sisa-sisa logam, kimia dan produk kimia serta produk kertas dan pulpa.

FTA dua hala antara Malaysia dengan Chile dimeterai pada 13 November 2010 dan akan dilaksanakan setelah kedua-dua negara menyelesaikan isu-isu dalaman. Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Chile (MCFTA) memberikan tumpuan khusus kepada Perdagangan Barang dan Kerjasama. Rundingan berkaitan perkhidmatan dan pelaburan akan dimulakan dalam tempoh dua tahun selepas pelaksanaan Perjanjian Perdagangan Barang.

MCFTA merupakan FTA dua hala pertama yang dimuktamadkan Malaysia dengan negara Amerika Latin dan dijangka meningkatkan perdagangan dua hala kedua-dua negara disamping menyediakan peluang kepada peniaga tempatan untuk menembusi pasaran Amerika Latin. Keanggotaan kedua-dua negara dalam TPP dijangka dapat mempertingkatkan lagi hubungan perdagangan dan pelaburan diantara kedua-dua negara.

Kesatuan Eropah (EU)

KDNK meningkat 1.8% berbanding penguncutan 4.2% pada 2009. Perdagangan global EU berjumlah AS\$10.5 trillion iaitu peningkatan 12.3% berbanding 2009. Eksport meningkat 12% kepada AS\$5.1 trillion manakala import meningkat 12.5% kepada AS\$5.3 trillion. Produk utama yang diperdagangkan termasuk jentera

dan kelengkapan pengangkutan, produk tenaga, bahan kimia, makanan, minuman dan tembakau. Rakan dagang utama EU ialah AS, PRC, Rusia, Switzerland dan Norway.

EU merupakan penerima terbanyak FDI pada 2010 dengan pelaburan berjumlah AS\$289.8 bilion, iaitu 25.8% daripada jumlah FDI dunia.

Pada 2010, perdagangan EU dengan Malaysia berjumlah AS\$38.1 bilion. Eksport meningkat 6.7% kepada AS\$16.8 bilion sementara import melonjak 11.2% kepada AS\$21.3 bilion. Malaysia merupakan sumber import ke-14 terbesar EU (2009: kedudukan ke-16) dan destinasi eksport ke-26 terbesar EU (2009: kedudukan ke-27).

Menurut Suruhanjaya Eropah (EC), KDNK bagi rantau Eropah dianggar meningkat sebanyak 1.6% pada 2011. Inflasi dijangka berada pada purata 2.2%, kesan daripada pengukuhan ekonomi serantau serta kenaikan harga tenaga dan komoditi yang disebabkan oleh ketidakstabilan berterusan di rantau Afrika Utara dan Timur Tengah.

FTA dua hala antara Malaysia dengan EU yang masih di peringkat perbincangan dijangka dapat memacu perkembangan ekonomi Malaysia pada kadar 7.5%. Sektor pembuatan dan perkhidmatan dijangka menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan tersebut. EU merupakan rakan dagang keempat terbesar Malaysia untuk 2010 dengan jumlah dagangan mencatatkan pertumbuhan kukuh 11% mencapai AS\$40.7 bilion. EU juga merupakan satu daripada sumber pelaburan asing Malaysia, di mana Jerman, Belanda dan United Kingdom (UK) merupakan sumber kepada FDI utama sektor pembuatan dan perkhidmatan.

PROSPEK

Selepas setahun mengalami pemulihan yang rapuh dan tidak setara, pertumbuhan ekonomi global pada 2011 dan 2012 dijangka lebih stabil tetapi perlahan memandangkan terdapatnya kelemahan-kelemahan dalam negara maju utama yang menyebabkan pemulihan global tergendala dan menimbulkan risiko kepada kestabilan ekonomi dunia. Langkah-langkah baru yang dilaksanakan oleh Kerajaan pada peringkat awal krisis kewangan 2009 membantu menstabilkan pasaran kewangan dan mempercepatkan proses pemulihan. Walau bagaimanapun, tindak balas kepada polisi ini berkurangan pada 2010 dan dijangka kurang berkesan dalam jangka masa pendek terutama defisit fiskal bertambah dan meningkatkan hutang awam yang melemahkan rangsangan fiskal.

KDNK global dijangka meningkat 4.2% pada 2011 dan 4.5% pada 2012 di mana negara sedang membangun diunjurkan berkembang sekurang-kurangnya 6% setahun, iaitu melebihi dua kali ganda daripada kadar pertumbuhan 2.1%-2.6% yang diramalkan bagi negara-negara berpendapatan tinggi. Tetapi, kadar pertumbuhan tidak dapat mengurangkan kadar pengangguran dengan ketara dan melemahkan sektor ekonomi dan negara yang teruk dilanda krisis. Pemulihan dijangka disokong oleh pengukuhan aliran modal ke negara-negara sedang membangun pada 2011 dan 2012.

Jumlah dagangan global Malaysia pada 2010 meningkat kepada 1.2% berbanding 1.1% pada 2009. Walaupun terjejas teruk akibat krisis ekonomi global 2009, Malaysia tidak melaksanakan sebarang langkah perlindungan. Malah, Malaysia terus meliberalisasikan ekonominya. Misalnya, Malaysia telah menandatangani FTA dengan Chile dan sedang dalam peringkat rundingan dengan Turki, EU dan TPP. Sebagai negara perdagangan ke-24 di dunia, usaha pengukuhan perdagangan dan ekonomi dengan sebanyak mungkin negara amat penting. Selain mencari pasaran baru dan baru muncul, Malaysia meneruskan usaha memperkuatkan hubungan perdagangan dan ekonomi dengan rakan dagang tradisi iaitu AS, EU dan Jepun.

Menurut *Trade Ranking 2010* Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Malaysia telah memperbaiki kedudukannya ke tangga ke-24 daripada ke-26 dalam senarai negara-negara perdagangan global pada tahun sebelumnya. Antara negara-negara ASEAN, Singapura mendahului Malaysia (Malaysia di kedudukan ke-13) dan Thailand (kedudukan ke-22). Malaysia tersenarai pada kedudukan ke-23 sebagai pengekspor utama dan ke-26 sebagai pengimpor pada tahun 2010. Sejak 1970-an, Malaysia memberi tumpuan utama kepada sektor perladangan dan komoditi, dengan getah dan bijih timah merupakan eksport utama. Pada awal 1980-an, eksport dipelbagaikan meliputi minyak sawit, kayu tropika, petroleum dan gas asli serta barang pembuatan. Sejak 1983, Malaysia memperbaiki kedudukannya sebagai salah satu negara perdagangan dan pengekspor utama global. Peningkatan signifikan FDI pada pertengahan 1980-an menyumbang kepada penambahbaikan dan transformasi sektor pembuatan. Menjelang pertengahan 1990-an, sektor pembuatan menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan ekonomi Malaysia. Produk E&E, kimia dan produk kimia, jentera dan kelengkapan am perindustrian menjadi eksport utama negara.

Tahun 2010 merupakan tahun pemulihan ekonomi global. Kerajaan Malaysia telah merangka dan melancarkan Program Transformasi Ekonomi (ETP) untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Sebanyak 131 projek telah dikenal pasti sebagai Projek Permulaan (*Entry Point Project, EPP*). Ini termasuk Transit Aliran Massa (MRT) di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Greater KL dan Wilayah Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIFD) di bawah NKEA Perkhidmatan Kewangan, kerjasama antara Mubadala Development Company dan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Projek-projek EPP akan menyediakan peluang pelaburan yang luas. Menerusi dasar baru ini, 2011 dijangka menjadi tahun yang memberangsangkan apabila Kerajaan memulakan pelaksanaan ETP. Sementara sektor pembuatan menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan KDNK, sektor perkhidmatan turut akan berkembang sebagai nadi pertumbuhan, menyumbang 57.7% pada 2011. Kerajaan akan terus memainkan peranan penting sebagai penggerak dan pemudahcara bagi mewujudkan persekitaran kondusif bagi membolehkan perniagaan berkembang.



B
A
B

2


**PERDAGANGAN
LUAR
MALAYSIA**

- *Jumlah dagangan meningkat 18.4% mencecah RM1.17 trilion*
- *52.2% daripada jumlah eksport negara (RM610.17 bilion) adalah ke Singapura, Republik Rakyat China (PRC), Jepun, AS dan Thailand*
- *Destinasi eksport terbesar Malaysia: Timur Laut Asia (RM224 bilion)*

TINJAUAN

Jumlah dagangan berkembang 18.4% kepada RM1.17 trillion, hampir mencapai paras sebelum krisis ekonomi 2008 iaitu RM1.18 trillion. Jumlah eksport berkembang 15.7% kepada RM639.43 bilion manakala import turut berkembang 21.8% kepada RM529.19 bilion dengan nilai lebihan dagangan berjumlah RM110.23 bilion.

Carta 2.1: Jumlah Perdagangan, 2009-2010



Sumber: DOSM

PRC, Singapura, Jepun, AS dan Thailand merupakan lima rakan dagang utama Malaysia dengan dagangan berjumlah RM610.17 atau 52.2% daripada jumlah perdagangan. PRC kekal sebagai rakan dagang terbesar Malaysia untuk dua tahun berturut-turut dengan jumlah dagangan RM147.03 bilion atau 12.6% daripada jumlah dagangan negara.

EKSPORT

Eksport bagi produk pembuatan meningkat 11.6% kepada RM460.96 bilion, menyumbang 72.1% kepada jumlah eksport negara. Eksport produk perlombongan meningkat 28.5% kepada RM101.9 bilion manakala eksport barang pertanian berkembang 29.6% kepada RM71.8 bilion.


Eksport utama terdiri daripada produk E&E, minyak sawit, kimia dan produk kimia, gas cecair asli (LNG) dan petroleum mentah. Eksport E&E yang telah berkembang sebanyak 8.6% kepada RM249.80 bilion iaitu 39.1% daripada jumlah eksport disumbangkan oleh eksport yang lebih tinggi ke PRC, Singapura dan Jepun. AS kekal sebagai

pasaran terbesar negara bagi produk E&E, walaupun mencatatkan penurunan 11.2% kepada RM35.47 bilion. Alat terima isyarat televisyen, peranti semikonduktor peka cahaya dan transistor yang merupakan 12.1% daripada eksport E&E negara mencatatkan nilai eksport RM30.25 bilion iaitu lonjakan sebanyak 93.2%.

Dalam sektor pertanian, minyak sawit mentah (CPO) merupakan eksport utama iaitu 67.4% dan menyumbang 7.6% daripada jumlah eksport negara. Eksport CPO berjumlah RM48.42 bilion meningkat 26% hasil daripada kenaikan sebanyak 20.5% harga purata CPO kepada RM2,704.50 bagi setiap tan metrik.

Jumlah eksport bagi tiga produk utama sektor perlombongan iaitu LNG, petroleum mentah dan produk petroleum bertapis berkembang 27.6% kepada RM97.84 bilion, menyumbang 96% kepada jumlah eksport sektor tersebut dan 15.3% kepada jumlah eksport negara. Sumbangan setiap produk tersebut adalah diantara 28% hingga 37%.

Carta 2.2: Sepuluh Eksport Utama Mengikut Bidang Produk, 2010



Eksport negara ke lima destinasi utama iaitu Singapura, PRC, Jepun, AS dan Thailand secara kolektif menyumbang 51.2% kepada jumlah eksport. Jepun mengatasi AS sebagai destinasi eksport ketiga terbesar bagi Malaysia setelah mencatatkan peningkatan 24.3% jumlah eksport kepada RM66.29 bilion.


Eksport ke Chinese Taipei mencatatkan peningkatan signifikan sebanyak 39% kepada RM20.18 bilion di mana penyumbang utama adalah peningkatan dalam eksport produk E&E. Pasaran eksport lain yang mencatatkan peningkatan memberangsangkan adalah Viet Nam (37.6%, RM11.41 bilion), Filipina (43.8%, RM10 bilion), Pakistan (31.3%, RM7.52 bilion) dan Perancis (30.5%, RM7.11 bilion).

IMPORT

Import bagi barang perantara meningkat 22.1% kepada RM363.15 bilion, barang modal 16.2% kepada RM76.44 bilion dan barang kepentingan 10.1% kepada RM34.59 bilion yang mana masing-masing mewakili 68.6%, 14.4% dan 6.5% daripada jumlah import.


Jepun mengatasi PRC sebagai sumber import terbesar negara dengan nilai import RM66.55 bilion (12.6%) daripada jumlah import negara. Import utama adalah produk E&E, jentera, perkakasan dan alat ganti serta kelengkapan pengangkutan merangkumi 57.6% jumlah import. Import daripada PRC meningkat sebanyak RM66.43 bilion (12.6%), Singapura RM60.44 bilion (11.4%), AS RM56.31 bilion (10.6%) dan Thailand RM32.98 bilion (6.2%).

Carta 2.3: Lima Destinasi Utama Eksport, 2010




Sumber: DOSM

Carta 2.4: Eksport Mengikut Rantau, 2010




Sumber: DOSM

Carta 2.5: Lima Destinasi Utama Import, 2010



Carta 2.6: Import Mengikut Rantau, 2010



ARAH PERDAGANGAN

Timur Laut Asia adalah rakan dagang serantau terbesar yang mencatatkan jumlah dagangan sebanyak RM422.15 mewakili 36.1% daripada jumlah dagangan Malaysia. ASEAN mencatatkan jumlah dagangan RM305.93 bilion (26.2%), Amerika Utara RM123.26 bilion (10.5%) dan EU mencatatkan RM122.85 bilion (10.5%).


Timur Laut Asia adalah destinasi terbesar eksport Malaysia dengan nilai eksport RM223.93 bilion (35%) daripada eksport negara, diikuti oleh ASEAN dengan RM162.45 bilion (25.4%), EU RM68.69 bilion (10.7%) dan Amerika Utara RM64.09 bilion (10%). Timur Laut Asia juga merupakan sumber import terbesar dengan jumlah RM198.22 bilion (37.5%) daripada jumlah keseluruhan import, diikuti oleh ASEAN RM143.48 bilion (27.1%), Amerika Utara, RM59.17 bilion (11.2%) dan EU, RM54.16 bilion (10.2%).

Timur Laut Asia

Jumlah eksport ke Timur Laut Asia meningkat 21.2%. Eksport utama terdiri daripada produk E&E, LNG, kimia dan produk kimia, minyak sawit, serta perkakasan optik dan saintifik yang merangkumi 74.7% daripada jumlah eksport ke rantau ini.


PRC adalah pasaran eksport terbesar negara dengan nilai eksport RM80.60 bilion, kenaikan sebanyak 19.7% hasil daripada peningkatan dalam aktiviti sektor pembuatan di republik ini. Produk-produk E&E yang terdiri daripada 50.8% jumlah eksport meningkat 11.7% kepada RM40.93 bilion. Antara produk-produk utama E&E adalah peralatan semikonduktor, litar bersepadau (IC), transistor dan injap merangkumi RM21.18 bilion atau 51.7% daripada jumlah eksport produk E&E.

Carta 2.7: Eksport ke Timur Laut Asia Mengikut Negara




Sumber: DOSM

Carta 2.8: Komposisi Eksport ke Timur Laut Asia



Sumber: DOSM

Carta 2.9: Komposisi Import daripada Asia Timur Laut




Sumber: DOSM


ASEAN

ASEAN menyumbang RM305.93 bilion (26.2%) kepada jumlah dagangan Malaysia, iaitu kenaikan 21% berbanding tahun sebelumnya. Singapura merupakan rakan dagang terbesar Malaysia dengan jumlah dagangan RM145.87 bilion (47.7%), diikuti Thailand (22%), Indonesia (15.5%), Filipina (7%) dan Viet Nam (6.5%).


Carta 2.11: Komposisi Eksport ke ASEAN



Carta 2.10: Eksport ke ASEAN Mengikut Negara



Carta 2.12: Komposisi Import daripada ASEAN



AMERIKA UTARA dan KESATUAN EROPAH (EU)

Jumlah perdagangan diantara Malaysia dan Amerika Utara meningkat 7.5% kepada RM123.3 billion dengan peningkatan 0.8% jumlah eksport kepada RM64.1 billion.

EU menyumbang RM122.85 billion atau 10.5% kepada jumlah dagangan Malaysia, iaitu kenaikan 10.8% berbanding tahun sebelumnya, menjadikan EU rakan dagang serantau keempat terbesar Malaysia. Lima rakan dagang utama dikalangan negara-negara EU adalah Jerman menyumbang 31.5%, diikuti Belanda (19.2%), Perancis (10.9%), UK (10.6%) dan Itali (6.5%).

PROSPEK

Bank Dunia meramalkan jumlah dagangan dunia akan berkembang 11.2% pada 2010. IMF telah meramalkan pertumbuhan sebanyak 6.2% dalam jumlah eksport bagi negara-negara maju dan 9.2% bagi ekonomi-ekonomi membangun dan baru muncul pada 2011. Jumlah import dijangka berkembang pada kadar 5.5% bagi negara-negara maju dan 11.9% bagi ekonomi-ekonomi membangun dan baru muncul.

Berdasarkan kepada prospek ekonomi dan perdagangan global, perdagangan Malaysia dijangka berkembang pada 2011, namun pada kadar yang lebih perlahan berbanding 2010. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), eksport Malaysia diramal meningkat pada kadar tahunan 10.6%. Pencapaian sasaran tersebut amat bergantung kepada perkembangan ekonomi dan politik dikalangan negara-negara maju dan pasaran baru muncul bagi tempoh Rancangan ini.


Eksport ke pasaran-pasaran membangun dan baru muncul dijangka menyumbang kepada pertumbuhan dalam 2011. Eksport ke PRC dijangka terus berkembang dilihat dari pertumbuhan kukuh pada 8.7% yang diramalkan. Meskipun PRC mensasarkan pertumbuhan yang sederhana pada 8%, ia masih menjanjikan potensi pasaran eksport yang baik kepada Malaysia. Dengan pemeteraian FTA diantara Malaysia dengan India serta pertumbuhan kukuh 8% ekonomi India, eksport Malaysia ke India dijangka terus mencatat pertumbuhan dua digit pada 2011.

Eksport Malaysia ke ASEAN dijangka mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan seiring dengan pertumbuhan yang diramal bagi Singapura, Indonesia dan Thailand. Integrasi ekonomi lebih bersepada dikalangan anggota ASEAN akan menggalakkan pertumbuhan eksport ke rantau ini.

Kedua-dua barang pembuatan dan komoditi akan terus menyumbang kepada pertumbuhan eksport pada 2011. Bagi barang pembuatan, produk E&E diramal mengekalkan dominasi sebagai penyumbang utama eksport. Walau bagaimanapun, pertumbuhan bagi eksport E&E dijangkakan sederhana pada suku pertama 2011 kesan daripada kelembapan industri semikonduktor global.

Eksport bagi minyak sawit, LNG, petroleum bertapis, petroleum mentah dan getah mentah dijangka meneruskan pertumbuhan kukuh dalam 2011 didorong oleh peningkatan permintaan dan harga yang tinggi. Harga purata minyak sawit dijangka terus bertahan pada 2011 kesan daripada penawaran global yang terhad dan sekatan-sekatan eksport oleh negara-negara pengeluar. Meskipun Indonesia mengenakan sekatan eksport ke atas minyak sawit, namun ia masih selaras dengan ketetapan WTO.

Bagi memastikan syarikat-syarikat Malaysia mendapat faedah maksimum daripada pemulihan ekonomi global pada 2010, MATRADE akan meneruskan pelaksanaan lebih 200 program dalam bidang-bidang berkaitan Pembangunan Penyeeksport dan Promosi Eksport. Akitiviti-aktiviti promosi luar negara oleh Malaysia akan memberi tumpuan kepada mengekalkan sumbangannya dalam pasaran tradisi disamping memperluaskan pasaran ke negara-negara yang pantas berkembang seperti Brazil, Rusia, India dan PRC (negara-negara BRIC) serta mempelbagaikan eksport kepada pasaran baru muncul di Asia Barat, Asia Tengah dan Afrika.



- *FDI dalam sektor pembuatan meningkat 31.2% (RM29.06 bilion)*
- *DDI meningkat sehingga 72.7% (RM18.12 bilion)*
- *RM47.18 bilion nilai pelaburan diluluskan, 910 projek pembuatan dan 97,319 peluang pekerjaan*
- *Lima negeri utama untuk pelaburan yang diluluskan: Pulau Pinang, Selangor, Johor, Sarawak dan Perak*
- *FDI sektor perkhidmatan berjumlah RM3.95 bilion, DDI mencecah RM32.79 bilion dengan 53,435 peluang pekerjaan*

B

A

B

3

PELABURAN

TINJAUAN

Malaysia mencatat peningkatan yang signifikan dalam bilangan projek dan pelaburan dalam sektor pembuatan. Sejumlah 910 buah projek pembuatan dengan jumlah pelaburan bernilai RM47.18 bilion telah diluluskan berbanding 766 buah projek pembuatan dengan jumlah pelaburan bernilai RM32.64 bilion pada 2009. Projek-projek yang diluluskan pada 2010 dijangka mewujudkan sebanyak 97,319 peluang pekerjaan, di mana 74.2% adalah dalam kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan serta pekerja mahir.

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif untuk memperbaiki persekitaran perniagaan dan menggalakkan kemasukan pelaburan ke Malaysia. Langkah-langkah ini merangkumi Program Transformasi Ekonomi (ETP), insentif yang diumumkan di bawah Bajet 2011, kajian semula Senarai Produk/Aktiviti Yang Digalakkan (Senarai Umum) di bawah Akta Penggalakan Pelaburan (PIA) 1986, pemerksaan dan pengkorporatan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) serta penubuhan Jawatankuasa Pelaburan.

INISIATIF DASAR UNTUK MENINGKATKAN PELABURAN

ETP merupakan agenda ekonomi Kerajaan sebagai menyahut cabaran-cabaran dalam persekitaran global yang pantas berkembang. Oleh kerana pelaburan adalah penting kepada ETP, sejumlah 131 Projek Permulaan (EPP) bernilai AS\$138 bilion telah dikenal pasti yang melibatkan 60 peluang perniagaan. Ini akan menyumbang kearah pembentukan ekonomi berdasarkan perkhidmatan dengan meningkatkan pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan daripada 58% kepada 65%. Projek-projek tersebut dijangka mewujudkan 3.3 juta peluang pekerjaan yang akan menjana Pendapatan Negara Kasar (PNK) berjumlah AS\$523 bilion (RM1.63 trillion) menjelang 2020. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan MIDA akan memainkan peranan penting bagi memastikan perubahan signifikan dalam aktiviti pelaburan di dalam 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan sektor-sektor utama yang lain.

Inisiatif yang Diumumkan di bawah Bajet 2011

Tenaga Boleh Diperbaharui

- Tarikh penguatkuasaan bagi permohonan insentif cukai dilanjutkan sehingga 31 Disember 2015 yang melibatkan syarikat-syarikat berikut:
 - menjana tenaga dari sumber boleh diperbaharui dan yang menyediakan khidmat pemuliharaan tenaga; dan
 - menjana tenaga boleh diperbaharui untuk kegunaan sendiri dan yang menyediakan modal perbelanjaan untuk pemuliharaan tenaga bagi kegunaan sendiri.

Kenderaan Hibrid dan Elektrik

- Pengecualian sepenuhnya ke atas duti import dan duti eksais dilanjutkan sehingga 31 Disember 2011 bagi kereta hibrid dan motosikal hibrid/elektrik.

Industri Minyak dan Gas

- Elaun Cukai Pelaburan antara 60% sehingga 100% daripada perbelanjaan modal akan ditolak daripada pendapatan berkanun bagi mendorong pembangunan projek berintensifikasi modal (Perolehan Minyak Tertingkat (EOR), lapangan gas CO₂ tinggi, Tekanan Tinggi Suhu Tinggi (HPHT), Projek Laut Dalam dan Infrastruktur untuk Operasi Petroleum);

- Penurunan kadar cukai dari 38% kepada 25% bagi pembangunan medan minyak marginal baru bagi meningkatkan pengkomersilan pembangunan;
- Pengurangan tempoh Elaun Modal dari 10 tahun ke 5 tahun bagi pembangunan medan minyak marginal di mana penggunaan penuh kos modal boleh meningkatkan daya maju projek;
- Pemindahan *Qualifying Exploration Expenditure* diantara perjanjian petroleum tanpa sempadan melalui perkongsian atau milikan tunggal bagi meningkatkan keupayaan menangani risiko oleh para kontraktor bagi menggalakkan aktiviti penerokaan minyak ke tahap lebih tinggi; dan
- Pengecualian duti eksport ke atas minyak yang dihasilkan dan dieksport daripada pembangunan lapangan minyak pinggiran bagi meningkatkan pengkomersilan projek.

Industri Pelancongan

- Hotel-hotel yang menjalankan pembaharuan/pengubahsuaian/pembesaran akan diberi Elaun Cukai Pelaburan (ECP) kali ketiga sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal selama 5 tahun dan pengecualian sehingga 70% daripada pendapatan berkanun.

Lain-lain

- Peruntukan sebanyak RM857 juta kepada industri E&E bagi membolehkan syarikat tempatan untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti bernilai ditambah tinggi;
- Peruntukan sebanyak RM127 juta untuk menyokong syarikat *oleo derivatives* domestik dan RM23.3 juta untuk mengembangkan industri hiliran kelapa sawit termasuk penghasilan produk vitamin;

- Pengecualian duti setem sebanyak 50% ke atas dokumen pemindahan dan perjanjian pinjaman untuk pembelian rumah kali pertama bagi rumah yang berharga tidak melebihi RM350,000;
- Peruntukan dana untuk Projek Perkongsian Awam-Swasta (PPP) berjumlah RM12.5 bilion di mana RM1 bilion dibiayai Dana Fasilitasi, bagi mempertingkatkan penglibatan sektor swasta dalam aktiviti ekonomi. Antara projek yang telah dikenal pasti adalah pembinaan lebuh raya, pusat janakuasa gabungan kitaran gas dan hospital;
- Penghapusan duti import ke atas produk pelancongan seperti kamera, jam tangan dan minyak wangi; dan
- Pelanjutan tempoh insentif selama dua tahun bermula 1 Januari 2011 sehingga 31 Disember 2012 kepada syarikat-syarikat yang membuat pelaburan dalam infrastruktur jalur lebar sambungan terakhir.

Langkah-langkah yang Melibatkan Dasar

- i. Penubuhan Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) di bawah MIDA untuk menilai dan melulus projek pelaburan pada waktu nyata;
- ii. Pemerkasaan dan pengkorporatan MIDA untuk meningkatkan fleksibiliti organisasi bagi menarik pelaburan dan menjadi Agensi Penggalakan Pelaburan yang lebih berkesan;
- iii. Kajian semula senarai produk/aktiviti yang digalakkan (Senarai Umum) di bawah Akta Penggalakan Pelaburan (PIA) 1986 daripada 413 kepada 224 produk/aktiviti yang digalakkan melibatkan 26 sub-sektor;
- iv. Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang dipengerusikan bersama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Ketua Pegawai Eksekutif, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) untuk meningkatkan penyelaras dalam bidang berkaitan pelaburan diantara Kerajaan dan sektor swasta;
- v. Perbincangan dan konsultasi berterusan diantara pelabur asing dan domestik bagi mencapai nisbah FDI kepada DDI 50:50; dan
- vi. Perbincangan dengan Pihak Berkuasa Koridor Wilayah berkenaan pembangunan dan pelaburan.

PERJANJIAN PELABURAN

Perjanjian Perlindungan dan Penggalakan Pelaburan (IGA) meningkatkan perlindungan kepada pelabur serta pelaburan mereka dan memudahkan aliran pelaburan diantara kedua-dua negara. Ia juga memastikan semua pelabur asing dan pelaburan mereka diberi layanan adil seperti yang ditetapkan di bawah artikel Layanan Negara Istimewa (MFN).

Pelabur dijamin ganti rugi segera dan berpatutan di bawah IGA jika berlaku pengambilalihan atau proses nasionalisasi terhadap pelaburan mereka. IGA menyediakan mekanisme penyelesaian pertikaian pelaburan diantara pelabur dan pihak berkaitan dalam isu yang melibatkan kehilangan atau kerugian terhadap pelaburan mereka.

Pada 2010, Kerajaan telah memberi mandat untuk meneruskan IGA dengan lapan negara baru yang dikenal pasti mempunyai potensi bagi kerjasama pelaburan dengan Malaysia, iaitu Mauritius, Qatar, Cameroon, Mexico, Nigeria, Kenya, Oman dan Chad.

Malaysia juga telah menandatangani beberapa FTA yang merangkumi ‘Bab Pelaburan’ (*Investment Chapter*) atau Perjanjian Pelaburan berasingan berkaitan elemen perlindungan, liberalisasi, promosi dan fasilitasi pelaburan.

PELABURAN DALAM SEKTOR PEMBUATAN

Malaysia kekal sebagai lokasi pelaburan yang kompetitif dengan jumlah pelaburan asing RM29.06 bilion (61.6% daripada jumlah pelaburan).

Pelaburan domestik meningkat 72.7% kepada RM18.12 bilion berbanding RM10.49 bilion pada 2009, iaitu 38.4% daripada jumlah pelaburan yang telah diluluskan. Ini adalah bagi menyahut seruan Kerajaan untuk memastikan pelabur domestik terus memainkan peranan penting di bawah ETP.

Projek-projek Baru

Sebanyak 537 projek baru dengan pelaburan bernilai RM23.89 bilion telah diluluskan, di mana pelaburan domestik berjumlah RM12.18 bilion dan pelaburan asing bernilai RM11.71 bilion.

Projek Pembesaran dan Pelbagai

Sebanyak 373 projek melibatkan pelaburan sebanyak RM23.28 bilion telah diluluskan.

Pelaburan Diluluskan Mengikut Industri pada 2010

Lapan industri utama mencatatkan pelaburan berjumlah RM38.81 bilion (82.3%) daripada jumlah pelaburan yang diluluskan (sila rujuk Jadual 3.1 untuk maklumat terperinci projek-projek yang telah diluluskan).

	Industri	Pelaburan (RM bilion)
i.	Elektrik dan elektronik	13.29
ii.	Produk petroleum (termasuk petrokimia)	5.75
iii.	Produk logam asas	5.24
iv.	Kelengkapan pengangkutan	3.53
v.	Produk galian bukan logam	3.21
vi.	Kimia dan produk kimia	2.83
vii.	Produk logam fabrikasi	2.53
viii.	Pengilangan makanan	2.44

Projek Berorientasikan Eksport pada 2010

Daripada 910 projek yang diluluskan, 305 projek (33.5%) adalah berorientasikan eksport yang melibatkan sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah pengeluarannya. Pelaburan dalam projek berorientasikan eksport ini berjumlah RM23.13 bilion (48.9%) daripada jumlah pelaburan. Pelaburan asing dalam projek berorientasikan eksport berjumlah RM17.13 bilion manakala pelaburan domestik bernilai RM5.99 bilion.

	Industri	Pelaburan (RM bilion)
i.	Elektrik dan elektronik	6.07
ii.	Produk petroleum (termasuk petrokimia)	3.73
iii.	Produk logam asas	2.41
iv.	Peralatan pengukuran dan saintifik	2.11
v.	Produk logam fabrikasi	1.52
vi.	Kimia dan produk kimia	1.28

Projek Berintensifkan Modal

Nisbah *capital-intensity per employee* (CIPE) diukur mengikut pelaburan modal bagi setiap pekerja. Nisbah CIPE bagi projek yang diluluskan adalah RM484,767. Nisbah CIPE dalam projek pembuatan menunjukkan trend menaik sejak 1990 (RM167,638). Ini menggambarkan pergerakan pelaburan kearah projek yang lebih berintensif modal, mempunyai nilai tambah yang tinggi dan berteknologi tinggi. Sebanyak 69 projek, dengan setiap pelaburan bernilai RM100 juta atau lebih, telah diluluskan, termasuk sembilan projek dengan pelaburan melebihi RM1 billion setiap satu. Jumlah pelaburan keseluruhan projek adalah bernilai RM36.26 bilion (76.9%). Projek berintensifkan modal terdiri daripada sektor-sektor berikut:

	Industri	Pelaburan (RM bilion)
i.	Elektrik dan elektronik	11.97
ii.	Produk petroleum (termasuk petrokimia)	5.67
iii.	Produk logam asas	4.46
iv.	Produk galian bukan logam	2.63
v.	Kelengkapan pengangkutan	2.56

Peluang Pekerjaan

Peralihan tenaga kerja dalam sektor pembuatan telah berlaku dengan peningkatan kadar guna tenaga bagi pekerjaan berkemahiran tinggi. Projek-projek yang telah diluluskan dijangka menjana sebanyak 97,319 peluang pekerjaan, di mana 72,221 (74.2%) adalah dari kategori pengurusan, teknikal, penyeliaan dan tenaga kerja mahir. Industri-industri yang dijangka menjana peluang pekerjaan tinggi merangkumi E&E (29,212), kelengkapan pengangkutan (13,159), produk logam asas (6,901), produk getah (6,764) serta jentera dan kelengkapan (6,653).

PROJEK DILULUSKAN MENGIKUT HAK MILIK

Pelaburan Domestik

Pelaburan domestik meningkat RM18.12 bilion (38.4% dari jumlah pelaburan diluluskan) daripada RM10.49 bilion pada 2009, menunjukkan minat berterusan para pelabur untuk melabur dalam sektor pembuatan. Sebahagian besar daripada RM12.18 bilion terdiri daripada projek baru, manakala RM5.94 bilion adalah dari projek pembesaran/pelbagai. Pelaburan domestik utama merangkumi pelaburan dalam produk petroleum termasuk petrokimia (RM4.66 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM2.78 bilion), produk logam asas (RM1.65 bilion), E&E (RM1.45 bilion), pengilangan makanan (RM1.22 bilion) serta kimia dan produk kimia (RM1.09 bilion).

Pelaburan Asing

Malaysia telah berjaya menarik lebih banyak pelaburan asing ke dalam sektor pembuatan yang berjumlah RM29.06 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 31.2% berbanding hanya RM22.14 bilion pada 2009. Pelaburan asing dalam projek-projek baru dan projek pembesaran/pelbagai masing-masing berjumlah RM11.71 bilion dan RM17.35 bilion. Sektor-sektor utama pelaburan terdiri daripada produk E&E (RM11.84 bilion), produk logam asas (RM3.60 bilion), produk galian bukan logam (RM2.24 bilion), peralatan pengukuran dan saintifik (RM2.18 bilion) serta kimia dan produk kimia (RM1.74 bilion).

Lima sumber utama pelaburan asing adalah AS, Jepun, Hong Kong SAR, Singapura dan Jerman. Jumlah pelaburan bagi negara-negara tersebut secara kolektif adalah 77.9% dari jumlah pelaburan yang diluluskan pada 2010.

Amerika Syarikat (AS)

AS merupakan sumber FDI terbesar dengan jumlah pelaburan sebanyak RM11.74 bilion melibatkan 47 projek, RM2.45 bilion ialah 12 projek baru dan RM9.29 bilion ialah 35 projek pembesaran/pelbagai. Pelaburan terbesar sebanyak RM4.26 bilion ialah menerusi projek pembesaran/pelbagai bagi pembuatan cakera filem nipis magnetik menggunakan teknologi terkini.

Jepun

Jepun merupakan sumber FDI kedua terbesar dan telah melabur sejumlah RM4.03 bilion dalam 61 projek, dengan RM3.25 bilion dalam projek pembesaran/pelbagai dan RM775.3 juta dalam 17 projek baru. Pelaburan terbesar berjumlah RM1.48 bilion dibuat bagi projek pembesaran pembuatan gentian kaca.

Hong Kong SAR

Hong Kong SAR ialah sumber FDI ketiga terbesar bagi Malaysia dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.77 bilion dalam 11 projek yang terdiri daripada sembilan projek baru dan dua projek pembesaran/pelbagai. Pelaburan terbesar berjumlah RM1.51 bilion bagi projek baru untuk pembuatan mangan silikon, ferosilikon, feromangan karbon tinggi, feromangan karbon sederhana dan bijih mangan.

Singapura

Singapura ialah sumber FDI keempat terbesar, dengan pelaburan berjumlah RM2.16 bilion dalam 81 buah projek, dengan RM730.4 juta dalam 41 projek baru dan RM1.43 bilion dalam 40 projek pembesaran/pelbagai. Pelaburan terbesar sebanyak RM491 juta adalah daripada projek perluasan untuk menghasilkan asid lemak, alkohol berlemak, stearate logam, sulphonate ester metil, gliserin (mentah dan bertapis), sabun pencuci, sabun mandi dan *soap noodle*.

Jerman

Jerman ialah sumber FDI kelima terbesar dengan pelaburan berjumlah RM1.94 bilion dalam 16 projek, di mana RM116.4 juta adalah untuk lima projek baru dan RM1.82 bilion untuk 11 projek pembesaran/pelbagai. Pelaburan terbesar sebanyak RM1.70 bilion adalah projek pembesaran dan pemodenan untuk menghasilkan IVC-produk baru keselamatan pendedahan darah dan produk perubatan lain, serta perluasan kapasiti dan pelarasan kitaran hayat.

PROJEK DILULUSKAN MENGIKUT LOKASI

Selangor (325 projek bernilai RM10.64 bilion), Johor (172 projek bernilai RM7.46 bilion) dan Pulau Pinang (128 projek bernilai RM12.24 bilion) kekal sebagai negeri-negeri utama dari segi projek yang diluluskan dalam sektor pembuatan. Pulau Pinang mencatatkan pelaburan tertinggi hasil daripada penerimaan projek pembesaran bernilai sehingga RM4.26 bilion untuk menghasilkan cakera magnetik filem nipis dan substrat. Sarawak dan Perak masing-masing menerima nilai pelaburan RM3.95 bilion dan RM3.04 bilion (sila rujuk Jadual 3.2).

PELAKSANAAN PROJEK PEMBUATAN YANG DILULUSKAN

Sebanyak 5,648 projek pembuatan telah diluluskan sepanjang tempoh 2005-2010, di mana 4,185 projek (74.1%) telah memulakan pengeluaran pada 31 Disember 2010 manakala 258 (4.6%) adalah dalam tahap pembinaan kilang dan pemasangan jentera. Jumlah pelaburan modal daripada 4,443 projek tersebut adalah sebanyak RM155.09 bilion.

Kebanyakkannya projek yang dilaksanakan terletak di Selangor (1,445 projek/RM39.34 bilion), Johor (955 projek/RM37.09 bilion), Pulau Pinang (646 projek/RM21.88 bilion), Perak (261 projek/RM6.09 bilion), Kedah (230 projek/RM13.03 bilion) dan Melaka (205 projek/RM10.75 bilion). Projek-projek utama yang dilaksanakan dalam tempoh 2005-2010 terdiri daripada pembuatan produk E&E, produk logam fabrikasi, peralatan dan jentera, produk plastik, pembuatan makanan serta kimia dan produk kimia.

Jadual 3.1: Projek Pembuatan yang Diluluskan Mengikut Industri, 2010

Industri	Baru					Pembesaran/Pelbagai					Jumlah				
	Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Pelaburan Domestik (RM juta)	Bilangan Projek	Pekerjaan	Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Pelaburan Domestik (RM juta)	Bilangan Projek	Pekerjaan	Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Pelaburan Domestik (RM juta)	Bilangan Projek	Pekerjaan
JUMLAH	23,894.7	11,710.7	12,184.0	537	47,560	23,282.3	17,345.8	5,936.5	373	49,759	47,177.0	29,056.6	18,120.4	910	97,319
Produk Elektrik & Elektronik	3,270.4	2,272.0	998.4	47	5,641	10,023.3	9,570.3	453.0	79	23,571	13,293.6	11,842.3	1,451.3	126	29,212
Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)	3,752.5	753.6	2,998.9	7	558	2,000.2	335.7	1,664.5	5	60	5,752.9	1,089.4	4,663.5	12	618
Produk Logam Asas	5,168.0	3,572.9	1,595.1	37	6,634	77.2	22.7	54.5	11	267	5,245.1	3,595.5	1,649.6	48	6,901
Kelengkapan Pengangkutan	2,145.8	540.9	1,604.9	52	6,680	1,384.4	204.6	1,179.8	38	6,479	3,530.1	745.4	2,784.7	90	13,159
Produk Galian Bukan Logam	945.0	94.1	850.9	15	1,178	2,267.2	2,143.3	123.9	15	2,088	3,212.2	2,237.4	974.8	30	3,266
Kimia & Produk Kimia	1,014.6	246.9	767.7	47	1,261	1,815.5	1,488.7	326.8	42	963	2,830.2	1,735.6	1,094.6	89	2,224
Produk Logam Fabrikasi	1,764.1	1,330.9	433.2	59	3,126	765.0	193.3	571.7	14	2,451	2,529.2	1,524.3	1,004.9	73	5,577
Pembuatan Makanan	1,335.4	552.8	782.6	49	3,341	1,105.0	662.8	442.2	24	1,214	2,440.4	1,215.5	1,224.9	73	4,555
Peralatan Saintifik & Pengukuran	828.9	667.2	161.7	15	1,836	1,526.6	1,512.6	14.0	19	1,616	2,355.5	2,179.8	175.7	34	3,452
Jentera & Kelengkapan	1,442.1	587.7	854.4	71	5,209	473.9	431.7	42.2	21	1,444	1,916.0	1,019.4	896.6	92	6,653
Produk Getah	282.5	105.7	176.8	17	2,677	633.1	66.9	566.2	17	4,087	915.6	172.6	743.0	34	6,764
Produk Plastik	382.4	108.6	273.8	32	2,175	398.3	147.3	251.0	40	1,516	780.6	255.8	524.8	72	3,691
Tekstil dan Produk Tekstil	135.0	55.6	79.4	10	884	490.7	444.9	45.8	11	505	625.6	500.5	125.1	21	1,389
Perabot & Hiasan	281.6	151.7	129.9	29	2,890	161.5	89.5	72.0	13	2,273	443.0	241.2	201.8	42	5,163
Kertas, Percetakan dan Penerbitan	273.8	49.9	223.9	6	485	20.9	20.0	0.9	4	42	294.7	70.0	224.7	10	527
Kayu & Produk Kayu	253.3	42.3	211.0	30	2,132	34.8	6.9	27.9	12	1,001	288.2	49.3	238.9	42	3,133
Minuman & tembakau	19.8	1.5	18.3	5	314	91.4	0.6	90.8	2	110	111.2	2.1	109.1	7	424
Lain-lain	599.5	576.4	23.1	9	539	13.3	4.0	9.3	6	72	612.9	580.5	32.4	15	611

Sumber: MIDA

Jadual 3.2: Projek Pembuatan yang Diluluskan Mengikut Negeri, 2010

Negeri	Jumlah		Baru		Pembesaran/ Pelbagai	
	Bilangan	Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)	Bilangan	Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)	Bilangan	Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)
JUMLAH	910	47,177.0	537	23,894.7	373	23,282.3
Pulau Pinang	128	12,238.0	64	2,846.0	64	9,392.0
Selangor	325	10,641.8	207	4,354.9	118	6,286.9
Johor	172	7,464.9	94	5,559.5	78	1,905.5
Sarawak	43	3,945.0	26	3,488.8	17	456.3
Perak	49	3,039.7	33	2,764.4	16	275.3
Terengganu	9	2,327.9	7	662.9	2	1,665.0
Kedah	49	1,960.6	28	291.7	21	1,668.9
Melaka	37	1,631.1	16	885.6	21	745.5
Sabah	39	1,325.6	29	1,227.2	10	98.4
Negeri Sembilan	35	1,292.6	17	593.5	18	699.1
Pahang	13	1,038.7	7	979.9	6	58.8
Kelantan	5	169.6	3	139.0	2	30.6
W.P. Kuala Lumpur	4	55.0	4	55.0	-	-
Perlis	1	31.4	1	31.4	-	-
W.P. Labuan	1	14.9	1	14.9	-	-

Sumber: MIDA

PELABURAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN

Sektor perkhidmatan meliputi spektrum yang luas termasuk pertubuhan serantau, khidmat sokongan, syarikat berstatus *Multimedia Super Corridor* (MSC), hartanah (perumahan), tenaga, telekomunikasi, perniagaan pengedaran, hotel dan pelancongan, perkhidmatan kewangan, perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan pendidikan.

Sejumlah 3,281 projek dengan pelaburan sebanyak RM36.74 billion telah diluluskan. Pelaburan domestik berjumlah RM32.79 billion (89.2%) sementara pelaburan asing berjumlah RM3.95 billion (10.8%). Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan 53,435 peluang pekerjaan terutama dalam bidang pengurusan, profesional dan teknikal.

Pertubuhan Serantau

Pertubuhan serantau meliputi Ibu Pejabat Operasi (OHQ), Pusat Pengedaran Serantau (RDC), Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC), Pejabat Serantau (RO) dan Pejabat Perwakilan (RE). Trend semasa bagi MNC terutama dalam sektor E&E adalah bergerak kearah aktiviti perkhidmatan dengan menubuhkan operasi global di rantau ini. Sebanyak 183 pertubuhan serantau baru dengan pelaburan RM374.2 juta diluluskan pada 2010 dengan kelulusan terdiri daripada 22 OHQ, lima IPC, lima RDC, 55 RO dan 96 RE. Persatuan serantau tersebut terlibat dalam sektor-sektor E&E, minyak dan gas, makanan, petrokimia dan industri automotif.

Perkhidmatan Sokongan

Sebanyak 89 projek berjumlah RM1.09 billion telah diluluskan dalam bidang perkhidmatan sokongan. Perkhidmatan sokongan merangkumi bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), tenaga boleh diperbaharui dan kecekapan/penjimatkan tenaga, reka bentuk kejuruteraan, perkhidmatan logistik bersepadu, perkhidmatan sokongan pasaran bersepadu, kemudahan rangkaian sejuk, sterilisasi dan kemudahan utiliti berpusat.

Jadual 3.3: Pelaburan dalam Sektor Perkhidmatan yang Diluluskan, 2010

Sub-Sektor Perkhidmatan	2010				
	Bil	Guna Tenaga	Pelaburan Domestik	Pelaburan Asing	Jumlah Pelaburan
			(RM juta)		
Pertubuhan Serantau	183	1,499	78.9	295.3	374.2
Perkhidmatan Sokongan	89	2,466	832.8	256.5	1,089.3
Hartanah (Perumahan)	1,328	0	6,502.5	50.1	6,552.6
Telekomunikasi (termasuk pos)	50	0	6,376.0	0.0	6,376.0
Pengangkutan	54	282	5,556.4	76.6	5,633.0
Tenaga	0	0	5,059.5	0.0	5,059.5
Hotel dan Pelancongan	50	18,105	2,060.2	498.1	2,558.3
Perdagangan Pengedaran	857	12,845	658.0	1,725.1	2,383.1
Perkhidmatan Pendidikan	327	1,933	2,268.1	72.6	2,340.7
Perkhidmatan Kewangan	70	227	1,676.8	176.3	1,853.1
Syarikat Berstatus MSC	218	12,797	887.7	597.0	1,484.7
Perkhidmatan Kesihatan	15	818	447.3	108.6	555.9
Status Bionexus dan Perisian	40	2,463	390.2	91.7	481.9
Jumlah	3,281	53,435	32,794.4	3,947.9	36,742.3

Sumber: MIDA

Tenaga Boleh Diperbaharui (RE)

Kerajaan telah mengenal pasti teknologi hijau sebagai bidang pembangunan baru dan sedang aktif mempromosikan RE. Sumber utama untuk penghasilan RE termasuk biomass seperti sisa sawit, padi, dan hampasan tebu, biogas dari tapak pelupusan sampah, sisa kilang minyak sawit dan mini-hidro dan tenaga solar.

Sebanyak 21 projek RE telah diluluskan dengan insentif cukai, dibandingkan dengan hanya 19 projek pada 2009 dengan pelaburan meningkat kepada RM563.8 juta daripada hanya RM381.6 juta pada 2009. Pelaburan domestik berjumlah RM541.9 juta (96.1%) manakala pelaburan asing berjumlah RM21.8 juta (3.9%). Projek-projek ini dijangka dapat mewujudkan 493 peluang pekerjaan.

Sasaran yang ditetapkan bagi RE di bawah RMK-10 adalah penjanaan 985MW (5.5%) daripada jumlah penjanaan campuran elektrik sehingga 2015. Untuk menggalakkan penjanaan RE, Bajet 2011 menyediakan insentif cukai selama lima tahun yang akan berakhir pada 31 Disember 2015. Akta RE juga menggabungkan mekanisme Feed-in-Tariff (FiT) untuk membolehkan penjualan RE kepada syarikat utiliti oleh Penyedia Kuasa Bebas (IPP) termasuk isi rumah.

Kecekapan/Penjimatan Tenaga

Tujuh projek kecekapan/penjimatan tenaga telah diluluskan untuk insentif cukai berbanding dengan hanya enam pada 2009. Jumlah pelaburan yang diluluskan ialah RM37.5 juta berbanding RM375 juta pada 2009. Peratusan terbesar telah disumbangkan oleh pelaburan domestik (97.1%). Penjimatan tenaga daripada projek ini berjumlah 1,614 MWj, bersamaan penjimatan sebanyak RM872,649 setahun. Kerajaan telah melanjutkan tempoh insentif cukai bagi penjimatan/kecekapan tenaga selama lima tahun berakhir 31 Disember 2015 untuk menggalakkan penggunaan meluas kelengkapan dan sistem tenaga yang efisien oleh syarikat-syarikat.

Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Aktiviti R&D meliputi reka bentuk industri (produk dan pembangunan proses melibatkan reka bentuk dan penyediaan model) dan perkhidmatan kajian yang ditawarkan oleh pereka pelan rumah, syarikat R&D kontrak, syarikat R&D, dan institut/syarikat R&D yang diiktiraf.

Tiga projek berkaitan R&D dalam E&E dan industri peralatan ujian dan projek bidang R&D dilaksanakan oleh syarikat pembuatan untuk memperbaiki salutan produk telah diluluskan dengan memperolehi Taraf Perintis (TP) atau insentif Elaun Cukai Pelaburan (ECP). Jumlah pelaburan adalah RM15.4 juta di mana pelaburan asing bernilai RM14.8 juta (95.9%) dan pelaburan domestik, RM0.6 juta (4.1%).

Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS)

Aktiviti utama ILS ialah penghantaran kargo, pergudangan, pengangkutan dan lain-lain yang berkaitan perkhidmatan tambah nilai seperti pengedaran, perolehan dan pengurusan rantaian penawaran berdasarkan konsep bersepadu. Syarikat yang menjalankan ILS adalah layak untuk menerima TP atau ITA bagi menggalakkan mereka untuk mengembang dan menceburkan diri dalam perkhidmatan tambah nilai tinggi supaya lebih berdaya saing di peringkat global.

Tiga syarikat hak milik Malaysia telah diberi kelulusan untuk mengusahakan projek baru dan mengembangkan projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM102.5 juta. Projek ini melibatkan aktiviti seperti membina Depoh Kontena dalam negeri, menambahbaik gudang penyimpanan dan kelengkapan ICT serta menggabungkan perkhidmatan tambah nilai tinggi secara menyeluruh termasuk pengedaran, pembungkusan, pembungkusan semula, melabel semula, penggredan dan membuat pemeriksaan.

Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (IILS)

Kerajaan menggalakkan pembangunan yang lebih meluas dalam sektor logistik di mana akses diberikan kepada syarikat IILS untuk memperoleh Lesen Agen Kastam. Lesen ini dahulunya hanya dikhurasukan kepada penyedia perkhidmatan logistik domestik. Kini, ia turut dikeluarkan kepada IILS yang berkelayakan dan menawarkan perkhidmatan logistik bersepadu dan tanpa sempadan dalam rantai nilai sama ada sebagai sebuah entiti serantau atau global.

Salah satu projek pembesaran yang dikenali sebagai *One Logistic Hub* yang diuruskan oleh sebuah syarikat tempatan di Selangor dengan jumlah pelaburan RM58 juta telah diberi status IILS. Hab tersebut terdiri daripada dua gudang moden dilengkapi dengan kemudahan bertaraf antarabangsa dan menawarkan gabungan logistik bersepadu dan perkhidmatan tambah nilai seperti pembrokeran kastam, *non-vessel operating common carrier* (NVOCC), pengangkutan barang dan kenderaan pengangkutan.

Hartanah

Hartanah meliputi industri perumahan tidak termasuk bangunan komersil, ialah sub-sektor perkhidmatan terbesar di kalangan pelaburan yang diluluskan pada 2010. Jumlah pelaburan bernilai RM6.55 bilion bagi 1,328 projek telah diluluskan, mengatasi rekod 2009 pada RM4.59 bilion untuk 901 projek. Pelaburan domestik bagi sub-sektor harta tanah direkodkan sebanyak 99.2% (RM6.50 bilion).

Telekomunikasi

Sub-sektor merangkumi industri komunikasi dan multimedia termasuk penyedia perkhidmatan telekomunikasi, penyiaran dan penghantaran. Kesemua pelaburan diperolehi daripada sumber domestik berjumlah RM6.38 bilion.

Pengangkutan

Pengangkutan merangkumi pengangkutan maritim, penerbangan serta pembinaan dan penyelenggaraan lebuhraya. Sejumlah 54 projek telah diluluskan dengan jumlah pelaburan mencecah RM5.63 bilion. Pelaburan domestik dan asing masing-masing berjumlah RM5.56 bilion (98.7%) dan RM76.6 juta (1.3%).

Tenaga

Sub-sektor tenaga meliputi Pengeluar Kuasa Bebas (IPP) dan penghasilan transmisi dan pengagihan tenaga elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad. (TNB), Syarikat SESCO Bhd. (SESCO) dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB). Pelaburan berjumlah RM5.06 bilion telah diluluskan di mana kesemuanya adalah daripada sumber pelaburan domestik.

Hotel dan Pelancongan

Sebanyak 50 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.56 bilion telah diluluskan bagi sub-sektor ini. Pelaburan domestik dan asing masing-masing berjumlah RM2.06 bilion (80.5%) dan RM498.1 juta (19.5%). Secara perbandingan, pelaburan yang diluluskan pada 2009 berjumlah RM1.67 bilion dan kesemuanya adalah dari pelaburan domestik.

Perdagangan Pengedaran

Sub-sektor ini merangkumi perdagangan borong, perdagangan runcit, pasaraya besar/pasaraya, *departmental store*, simpanan, jualan langsung, *francais* dan projek-projek yang diluluskan dibawah Akta Pembangunan Petroleum 1974. Sebanyak 857 projek dengan pelaburan RM2.38 bilion telah diluluskan. Pelaburan asing dan pelaburan domestik masing-masing bernilai RM1.73 bilion (72.7%) dan RM658 milion (27.6%).

Perkhidmatan Pendidikan

Sub-sektor ini meliputi kolej/universiti swasta, institusi pengajian tinggi swasta dan pusat kemahiran. Sebanyak 327 projek melibatkan pelaburan sebanyak RM2.34 bilion telah diluluskan. Pelaburan domestik bernilai RM2.27 bilion (97%) dan pelaburan asing RM72.6 juta (3.1%). Jumlah pelaburan tersebut terdiri daripada RM29.2 juta dalam lima buah kolej/universiti swasta, RM6.1 juta dalam 159 buah institusi pendidikan swasta dan RM17.4 juta dalam 81 buah pusat kemahiran.

Bagi meneruskan promosi dan pembangunan sub-sektor ini, insentif istimewa kepada sekolah antarabangsa telah diluluskan pada bulan Mei 2010, contohnya 100% ITA bagi perbelanjaan modal berkelayakan ke atas projek baru atau pembesaran boleh diimbangi berbanding 70% daripada pendapatan berkanun untuk tempoh selama lima tahun.

Perkhidmatan Kewangan

Pelaburan dalam perkhidmatan kewangan meliputi perbankan, insurans dan pasaran modal (modal teroka, pengurusan dana, penasihat pelaburan dan pembrokeran). Sebanyak 70 projek telah diluluskan dalam sub-sektor perkhidmatan kewangan dengan pelaburan sebanyak RM1.85 bilion terdiri daripada pelaburan domestik sebanyak RM1.68 bilion (80.8%) dan pelaburan asing sebanyak RM176.3 juta (9.2%). Perbankan menarik pelaburan terbesar sebanyak RM520.7 juta iaitu RM285 juta dalam perbankan Islam, insurans sebanyak RM169.4 juta dan pasaran modal sebanyak RM63.5 juta.

Syarikat Berstatus MSC

Sebanyak 218 syarikat dengan pelaburan diluluskan bernalil RM1.48 bilion telah diberikan status MSC. Dari jumlah ini, 174 (79.8%) hak milik Malaysia, 38 (17.4%) hak milik asing dan enam (2.8%) ialah projek usaha sama hak milik sama rata. Pelaburan domestik dan asing masing-masing direkodkan berjumlah RM887.7 juta (59.8%) dan RM597 juta (40.2%). Sebanyak 12,797 peluang pekerjaan dijangka dapat diwujudkan melalui pelaburan tersebut.

Perkhidmatan Kesihatan

Sub-sektor ini memainkan peranan utama dalam pengurusan kelulusan bagi institusi perubatan swasta. Kelulusan telah diberikan kepada 15 institusi perubatan (termasuk klinik dan hospital swasta) melibatkan pelaburan sebanyak RM555.9 juta dengan pecahan pelaburan domestik pada RM447.3 juta (80.5%) dan pelaburan asing pada RM108.6 juta (19.5%).

PROSPEK

Pihak Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi:

- menujuhan Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) di MIDA;
- memperkasakan MIDA dengan keupayaan membuat keputusan secara masa nyata; dan
- menujuhan pasukan petugas bagi promosi pelaburan di MIDA untuk menyelaras semua aktiviti promosi pelaburan agensi.

Aliran masuk FDI ke Malaysia dijangka akan bertambah pada 2011 dan tahun-tahun berikutnya dengan keyakinan baru dalam perniagaan dan minat yang kukuh daripada pihak pelabur untuk melaksanakan peluasan pelaburan asing seperti yang dinyatakan oleh UNCTAD. Kerajaan akan melipatgandakan usaha untuk mengekalkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan dengan menarik pelaburan berkualiti ke dalam sektor-sektor pembuatandan perkhidmatan.

Kerajaan akan meneruskan usaha mempromosi pelaburan domestik dan menggalakkan syarikat tempatan untuk menjadi pengusaha industri di peringkat global. Prestasi pelaburan oleh syarikat domestik dalam sektor pembuatan pada tahun 2010 adalah dilihat sebagai tindak balas positif kepada ETP.

Meliberalisasi sektor perkhidmatan akan mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif bagi menarik pelaburan, mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih bernilai tinggi dan menambahbaik daya saing.

Cabarannya kepada RMK-10 adalah merangsang pelaburan sektor swasta untuk berkembang pada 12.8% atau RM115 bilion setahun. MIDA telah diamanahkan untuk memastikan sektor swasta memainkan peranan yang lebih dinamik dalam menggiatkan aktiviti pelaburan.

Artikel 3.1: Malaysia Trustmark

Malaysia Trustmark (MT) ialah inisiatif Kerajaan untuk mempromosi perdagangan elektronik, terutamanya pembayaran elektronik. Skim pensijilan MT akan memberi pengguna keyakinan dan kepercayaan untuk menggunakan transaksi elektronik iaitu e-Bayar dalam kemudahan e-Dagang.

Aplikasi dan Pensijilan MT melibatkan empat pihak utama:

- Peniaga (syarikat), iaitu pemohon logo MT daripada Operator perkhidmatan;
- Operator, iaitu pemproses permohonan, menguruskan hal berkaitan dengan MT dan penganugerahan logo MT;
- Certifier, iaitu pihak yang menilai permohonan Peniaga yang memohon untuk mendapatkan logo MT dan membuat laporan kepada Operator; dan
- Consumer, iaitu pengguna laman sesawang Peniaga.

MT menyediakan logo yang akan dianugerahkan kepada syarikat yang memenuhi standard perkhidmatan pelanggan yang tinggi dan mematuhi kod etika berikut:

- menyediakan maklumat yang tepat dan boleh didapati melalui laman sesawang e-Dagang;
- menyediakan komunikasi antara pelanggan dan memenuhinya, termasuk pembatalan dan polisi pembayaran balik;
- dilengkapkan dengan infrastruktur sekuriti ICT dan mengamalkan pemeliharaan dan penyimpanan maklumat sulit dan maklumat peribadi pelanggan; dan
- menyelesaikan pertikaian seperti bayaran balik atau pemulangan barang.

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia masing-masing telah dilantik sebagai Operator dan Certifier untuk sektor awam dan sektor swasta. Kerajaan mewajibkan agensi awam menujuhkan kemudahan e-Bayar untuk menyertai Skim MT. Bagi sektor swasta, penyertaan adalah secara sukarela.

Majlis Trustmark Malaysia bertanggungjawab untuk memantau aktiviti MT Operators dan Certifiers, menyediakan garis panduan dan mencadangkan perubahan polisi untuk meningkatkan keselamatan dalam talian dan membina keyakinan pelanggan dengan transaksi dalam talian. Jawatankuasa Kecil Teknikal MT dan Jawatankuasa Kecil Perundungan MT sedang memuktamadkan butiran terperinci bagi pelaksanaan MT.



B
A
B

4

PRESTASI SEKTOR PEMBUATAN

- *Sektor pembuatan menyumbang 27.7% kepada KDNK benar Malaysia*
- *Eksport barang pembuatan meningkat sebanyak 11.6% mencecah RM461 bilion*
- *Eksport E&E meningkat sebanyak 8.6% mencecah RM249.8 bilion*
- *Eksport peralatan perubatan meningkat sebanyak 22% mencecah RM12.2 bilion*

TINJAUAN

Sektor pembuatan telah menyumbang 27.7% kepada KDNK benar Malaysia. Indeks pengeluaran meningkat kepada 112.2 hasil daripada peningkatan permintaan domestik dan asing yang telah melonjakkan nilai jualan sebanyak 13.8% kepada RM534.4 bilion (maklumat lanjut di Lampiran 1).

Pengeluaran

Bagi industri berorientasikan eksport, sub-sektor jentera dan kelengkapan mencatatkan pertumbuhan tertinggi sebanyak 39%, diikuti sub-sektor getah pada kadar 20.8%, dan E&E pada kadar 15.8%. Bagi industri berorientasikan domestik, sub-sektor kelengkapan pengangkutan mencatatkan pertumbuhan tertinggi sebanyak 29.7%, diikuti sub-sektor galian bukan logam 22.6% dan sub-sektor pembuatan logam 17.2%.

Jualan

Pemulihan ekonomi global telah meningkatkan nilai jualan secara signifikan sebanyak 13.8% kepada RM535.5 bilion, dengan industri berorientasikan eksport menyumbang RM406.5 bilion (75.9%), manakala industri berorientasikan domestik RM129 bilion (24.1%).

Tumpuan Kerajaan dalam menggalakkan perbelanjaan tempatan telah meningkatkan penggunaan domestik yang menyumbang kepada aliran tunai yang lebih baik. Pemulihan terhadap persekitaran ekonomi global memberi impak positif kepada sektor pembuatan di Malaysia memandangkan ekonomi Malaysia adalah berorientasikan eksport. Hasil daripada permintaan tinggi yang berterusan terhadap produk berasaskan getah dan lateks dalam sektor kesihatan, sub-sektor pengilangan semula getah dan pemprosesan lateks mencatatkan peningkatan signifikan sebanyak 70.1%.

Guna Tenaga

Guna tenaga dalam sektor pembuatan mencatatkan pertumbuhan 5.7% kepada 997,643 pekerja berbanding 943,586 pekerja pada 2009, kesan daripada pemulihan pretasi sektor tersebut. Permintaan barang pembuatan yang tinggi dalam beberapa industri telah menggalakkan pengambilan pekerja untuk meningkatkan pengeluaran. Sektor E&E mencatatkan bilangan pekerja yang tertinggi seramai 330,020 pekerja, diikuti oleh kimia dan produk kimia (116,819) dan kayu dan produk kayu (108,916).

PRESTASI PERDAGANGAN

Eksport

Eksport barang pembuatan meningkat 11.6% kepada RM461 bilion berbanding RM413 bilion pada 2009. Sektor E&E terus kekal sebagai penyumbang utama kepada jumlah eksport keseluruhan negara sebanyak RM249.8 bilion, diikuti oleh kimia dan produk kimia (RM40.82 bilion) dan jentera, perkakasan dan alat ganti (RM21.45 bilion). Singapura dan PRC terus kekal sebagai destinasi eksport utama negara. Walau bagaimanapun, eksport ke AS dan EU masih sukar ditembusi disebabkan permintaan yang rendah terhadap produk E&E serta produk logam dan kelengkapan pengangkutan (maklumat lanjut di Lampiran 2).

Import

Import barang pembuatan meningkat 19.9% kepada RM430.5 bilion berbanding RM359 bilion pada 2009. Produk E&E merupakan import utama bernilai RM189.1 bilion, diikuti produk logam (RM50.4 bilion), kimia dan produk kimia (RM45.3 bilion) serta jentera, perkakasan dan alat ganti (RM43.9 bilion). Jepun, PRC dan AS merupakan sumber import terbesar Malaysia.

INDUSTRI ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E&E)

Perkembangan

Nilai eksport bagi sub-sektor E&E meningkat sebanyak 8.6% sejajar dengan peningkatan permintaan untuk peralatan semikonduktor, audio visual dan peralatan komunikasi serta jentera elektrik. Peningkatan perbelanjaan global ke atas peralatan elektronik, khususnya produk-produk terkini seperti telefon pintar, komputer *tablet* dan aplikasi automotif telah menyumbang kepada pertumbuhan 17.9% dalam sub-sektor peralatan semikonduktor.

Peralatan penjimatan tenaga seperti diod pemancar cahaya (LEDs) dan suria fotovoltan menyumbang kepada prestasi kukuh industri semikonduktor. Peningkatan nilai eksport sebanyak RM4.9 bilion mencerminkan jualan kukuh semikonduktor global. Jualan global melonjak 31.8% dengan pemulihan menyeluruh dalam permintaan kebanyakan kategori produk semikonduktor.

Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA) bagi E&E telah menyenaraikan lima sub-sektor yang berpotensi menjana penambahan RM50 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) dan menyediakan 157,000 peluang pekerjaan menjelang 2020. NKEA bagi E&E memberi tumpuan kepada sub-sektor semikonduktor, solar, LED, elektronik perindustrian dan perkakasan elektrik rumah.

Prospek

Prospek industri semikonduktor dijangka kekal positif pada 2011 dengan anggaran pertumbuhan diantara 5% hingga 7%. Malaysia dijangka menjadi hab pembuatan sel solar hasil daripada pembukaan operasi pembuatan sel solar di Malaysia oleh pengeluar utama. Pada tahun 2011, pertumbuhan sektor E&E dijangka didorong oleh peningkatan permintaan luar terhadap semikonduktor, kelengkapan elektronik pengguna serta komputer dan kelengkapan berkaitan komputer. Permintaan dijangka daripada segmen PC, telefon mudah alih, telefon pintar, peralatan tanpa wayar, kamera digital, HDTV dan televisyen panel rata.

INDUSTRI AUTOMOTIF

Perkembangan

2010 merupakan tahun yang cemerlang bagi industri automotif Malaysia dengan catatan jualan kenderaan tertinggi sebanyak 600,000 unit berbanding jualan 552,316 unit pada 2005.

Liberalisasi Lesen Pengilangan (MLL) bagi aktiviti pengilangan dan pemasangan kenderaan dalam segmen terpilih di bawah kajian semula Dasar Automotif Nasional (NAP), khususnya kenderaan komersil dan kenderaan hibrid/elektrik telah menggalakkan pelaburan baru dan pengembangan pelaburan sedia ada dalam negara.

Kerjasama Industri Automotif Malaysia-Jepun (MAJAICO) melalui Perjanjian Kerjasama Ekonomi Malaysia-Jepun (MJEPA) merupakan inisiatif penting dalam usaha meningkatkan keupayaan domestik menerusi pembangunan modal insan. Kerajaan sedang mengkaji keperluan untuk meneruskan projek tersebut memandangkan ia akan tamat pada Jun 2011.

Misi Pelaburan dan Pemasaran Khusus ke Thailand, Australia dan AS telah dianjurkan. Beberapa syarikat asing telah menyatakan minat untuk menjalin kerjasama dengan syarikat pengeluar Malaysia bagi pasaran luar negara.

Institut Automotif Malaysia (MAI) yang ditubuhkan pada 16 April 2010 merupakan sebuah organisasi bebas tanpa keuntungan di bawah pengawasan MITI. MAI berperanan sebagai pusat koordinasi bagi pembangunan industri automotif tempatan. Ia membantu MITI dalam usaha merangka dasar automotif nasional, mengurus program pembangunan tenaga kerja serta merangka dan menyelaras penyelidikan dan pembangunan berkaitan automotif.

MAI menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan kemahiran teknikal bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor automotif tempatan. Salah satu daripada sumbangannya adalah usahasama dengan universiti-universiti untuk menyediakan tenaga kerja terlatih dan kompeten yang dapat memainkan peranan dan memberi sumbangan kepada industri automotif negara.

Prospek

Sektor automotif dijangka mengalami pertumbuhan lebih perlahan kesan daripada pertumbuhan ekonomi yang sederhana pada 2011. Walau bagaimanapun, segmen kenderaan hibrid dijangka berkembang pesat hasil pengenalan model baru kenderaan hibrid dan pengecualian duti import dan eksais sehingga 31 Disember 2011.

Liberalisasi menyeluruh pasaran automotif ASEAN yang telah dilaksanakan bermula 1 Januari 2010 telah memberi peluang kepada Malaysia untuk muncul sebagai hab industri automotif serantau dengan memberi fokus kepada bidang-bidang khusus. Dengan bantuan MAI, pengeluar komponen dan alat ganti automotif tempatan akan berupaya menembusi pasaran eksport baru seperti AS dan Australia. Kestabilan guna tenaga dan impak marginal akibat kenaikan kadar faedah akan membantu perkembangan pasaran automotif Malaysia pada 2011.

INDUSTRI JENTERA DAN KELENGKAPAN (M&E)

Perkembangan

Industri M&E terus mengekalkan aliran menaik dengan peningkatan indeks pengeluaran (39%), jualan (29.1%) dan perdagangan (eksport 13.7% dan import 14.9%).

MIDA telah menjalankan kajian mengenai ‘Penggalakan Pembangunan Industri Jentera dan Kelengkapan di Malaysia’ dalam usaha membantu Kerajaan merumuskan strategi untuk menggalakkan perkembangan industri M&E tempatan. Standard Mandatori (MS) telah diperkenalkan bagi melindungi pengguna daripada produk jentera yang berkualiti rendah. Sehingga 31 Disember 2010, sejumlah 342 (MS) bagi produk M&E telah diperkenalkan. Satu garis panduan standard mandatori bagi lif, eskalator dan kren menara sedang disediakan.

Prospek

Industri M&E akan menerima faedah daripada projek infrastruktur yang bakal dilaksanakan di bawah Bajet 2011, RMK-10 dan EPP di bawah inisiatif NKEA seperti projek MRT dan projek stesen janakuasa di Sabah. Pemulihian ekonomi global yang bermula sejak pertengahan 2009 dijangka berterusan pada 2011. Penubuhan persatuan bagi industri M&E, pembangunan modal insan serta bantuan dari Kerajaan akan terus memacu perkembangan industri M&E.

INDUSTRI TEKSTIL DAN PAKAIAN

Perkembangan

Dalam Bajet 2011, Kerajaan bersetuju untuk menghapuskan duti import diantara 5% hingga 30% terhadap 328 jenis produk termasuk 259 produk berkaitan pakaian, kasut dan hiasan kepala. Pelaksanaan langkah ini bertujuan untuk meningkatkan perbelanjaan pelancong disamping mempromosikan Malaysia sebagai pusat membeli belah di Asia dalam mencapai sasaran NKEA.

AS dan Jepun kekal sebagai destinasi eksport utama sektor ini dengan jumlah eksport sebanyak 26.6%. Eksport ke PRC, ROK, Jerman dan Turki mencatatkan peningkatan diantara 25.4% dan 62.9%. Peningkatan dalam permintaan pengguna dan kualiti hidup yang lebih tinggi adalah antara penyumbang utama kepada peningkatan permintaan eksport bagi industri tekstil dan pakaian.

Harga kapas meningkat lebih 100% disebabkan spekulasi, penyorokan dan bekalan terhad daripada pengeluar utama seperti Pakistan, yang dilanda bencana alam; dan PRC dan India, yang mengalami cuaca buruk. Harga kapas dijangka terus meningkat sehingga Ogos/September 2011.

Prospek

Dari 2006 hingga 2010, industri tekstil dan pakaian secara puratanya telah menyumbang sebanyak RM9.9 bilion (1.6%) daripada keseluruhan eksport produk pembuatan. Walaupun sektor ini dijangka mengalami penurunan minima dalam sumbangannya terhadap eksport industri pembuatan pada 2011, ia akan terus kekal sebagai salah satu daripada 10 penyumbang utama kepada eksport sektor pembuatan hasil daripada peningkatan permintaan pasaran antarabangsa.

Kerajaan secara aktif memberi bantuan kepada industri supaya lebih berdaya saing dan menembusi pasaran antarabangsa menerusi FTA. Pada masa yang sama, syarikat-syarikat Malaysia perlu berusaha untuk memperkenalkan suatu jenama yang dikenali dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

INDUSTRI PERALATAN PERUBATAN

Perkembangan

Industri peralatan perubatan terus berkembang dengan eksport meningkat 22% kepada RM12.2 bilion daripada RM10 bilion pada 2009. Pertumbuhan industri ini disokong oleh peningkatan permintaan terhadap penjagaan kesihatan berkualiti dan inisiatif Kerajaan untuk membangunkan industri ini.

Antara sub-sektor bagi industri peralatan perubatan ialah sarung tangan pemeriksaan dan pembedahan, tiub, picagari, jarum dan benang jahitan, peralatan x-ray perubatan dan pembedahan, kanta *oftalmik* termasuk kanta lekap serta perkakasan dan peralatan pergigian dan *oftalmik*. Sarung tangan pembedahan dan pemeriksaan kekal sebagai eksport utama sektor tersebut.

Kerajaan telah memberi penekanan tentang kepentingan industri ini menerusi ETP di mana NKEA bagi penjagaan kesihatan telah menyenaraikan enam EPP seperti berikut:

- EPP1: Mewajibkan insuran kesihatan swasta untuk pekerja asing
- EPP2: Mewujudkan ekosistem yang menyokong pembangunan penyelidikan
- EPP3: Meneroka dan mengejar peluang eksport generik
- EPP4: Menceraskan semula pelancongan kesihatan
- EPP5: Mewujudkan *nexus* perkhidmatan diagnostik
- EPP6: Membangunkan metropolis kesihatan, iaitu sebuah kampus penjagaan kesihatan dan biosains bertaraf dunia

EPP dijangka menjana kenaikan PNK sebanyak RM35.3 bilion menjelang 2020 dan industri peralatan perubatan akan memainkan peranan penting bagi memastikan sasaran ini dicapai. MIDA telah mewujudkan direktori yang mengandungi 150 pengeluar, industri sokongan, pembekal, pengedar dan pengimport peralatan perubatan bagi menyediakan maklumat dan rangkaian promosi dalam usaha memudahkan perdagangan dan pelaburan sub-sektor ini.

103 Standard Malaysia telah dibangunkan menjadikan jumlah keseluruhan standard bagi industri peralatan perubatan pada 31 Disember 2010 sebanyak 310, manakala 45 draf Standard Malaysia lagi sedang dibangunkan. Program penerangan akan diteruskan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Biro Peralatan Perubatan, persatuan industri dan lain-lain agensi berkaitan bagi memudahkan proses peralihan kepada standard ini.

Bagi membangunkan industri dan pasaran serantau, draf Petunjuk Peralatan Perubatan ASEAN (AMDD) sedang disediakan oleh ASEAN. Malaysia terlibat secara aktif dalam usaha merangka AMDD yang bertujuan menyeragamkan peraturan-peraturan peralatan kesihatan bagi menjamin keselamatan dan prestasi.

Prospek

Pindaan Peraturan Peralatan Perubatan yang bakal dilaksanakan oleh KKM dijangka dapat memaju dan mengawal selia industri tersebut. Peraturan ini akan dapat memastikan keperluan semasa dan akses kepada peralatan perubatan yang selamat dan efektif di samping menghalang peralatan yang tidak memenuhi syarat piawaian, keselamatan dan keberkesanan daripada memasuki pasaran. Dalam konteks perdagangan, peraturan ini akan menyediakan persekitaran yang baik kepada pertumbuhan industri melalui mekanisme yang membolehkan persaingan perdagangan yang adil.

INDUSTRI AEROANGKASA

Perkembangan

Aeroangkasa merupakan salah satu industri yang semakin berkembang di Malaysia terutama dalam bidang pembuatan dan penyelengaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO). Industri aeroangkasa Malaysia akan terus menerima pelaburan baru dan kontrak penyumberan luar.

Walaupun urusniaga MRO adalah mencabar, peningkatan bilangan penerbangan komersil, ketenteraan dan awam yang beroperasi di Malaysia dapat menjana peningkatan pendapatan syarikat-syarikat MRO tempatan. Trend penyumberan luar kerja-kerja MRO ke pusat berkos rendah di rantau Asia Pasifik sejak akhir-akhir ini telah membantu pertumbuhan segmen MRO di Malaysia.

Kerajaan telah mengenal pasti empat bidang khusus iaitu pengeluaran alat ganti, latihan aeroangkasa, MRO serta avionik dan integrasi sistem sebagai tumpuan utama dalam pembangunan industri aeroangkasa. MRO disaraskan mencapai 5% penguasaan pasaran global menjelang 2015, berbanding 1.5% penguasaan pada ketika ini.

Pencapaian utama lain:

- penubuhan Pusat Inovasi Pembuatan Aeroangkasa (AMIC) untuk membangunkan penyelesaian teknologi inovatif bagi aerostruktur maju.
- peruntukan RM91 juta di bawah Bajet 2011 bagi pelaksanaan program latihan peningkatan kapasiti bagi MRO, aeroangkasa dan kejuruteraan aeronautik.
- pengembangan perniagaan MRO awam menerusi EPP Perkhidmatan Perniagaan di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang diterajui oleh Kejuruteraan Aeroangkasa Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS).
- penubuhan Misi Projek Spesifik (SPM) sempena Pertunjukan Udara Singapura (Februari 2010) dan Pertunjukan Udara Farnborough (Julai 2010) bagi menggiatkan promosi pelaburan dalam industri aeroangkasa; dan

- pembangunan keupayaan integrasi sistem penerbangan menerusi pengkorporatan CTRM System Integration Sdn. Bhd. (CSI) modal permulaan berjumlah RM20 juta bagi melaksanakan program pemerolehan teknologi dengan Afrika Selatan.

Prospek

Industri aeroangkasa Malaysia dijangka menghadapi persaingan sengit daripada negara-negara berkos rendah seperti Mexico, Maghribi, Viet Nam dan Thailand dalam usaha menarik pelaburan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan dua EPP akan dapat memacu ekonomi sebanyak RM16 bilion dan mewujudkan 32,000 peluang pekerjaan. *Langkawi International and Maritim Aerospace (LIMA)* 2011 akan menyediakan platform yang efektif bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan industri aeroangkasa tempatan selain mempromosi Malaysia sebagai pilihan utama pusat penyumberan luar aktiviti MRO di rantau Asia Pasifik.

INDUSTRI LOGAM

Perkembangan

Perkembangan utama industri ini ialah pelancaran Persatuan Keluli Malaysia (MSA), yang akan memberi tumpuan kepada perkembangan industri hulu (*upstream industry*) bagi besi dan keluli disamping peranan Persekutuan Industri Keluli dan Besi Malaysia (MISIF) yang akan meneruskan peranan sebagai pihak yang bertanggungjawab terhadap pembangunan industri hiliran (*downstream industry*). Kedua-dua organisasi ini bekerjasama dengan Kerajaan bagi memacu industri logam untuk lebih berdaya saing dalam pasaran antarabangsa.

Prospek

Industri logam sedang memperluaskan proses pengeluaran kearah produk yang lebih berkualiti tinggi dan telah menarik pelaburan domestik dan asing menerusi projek relau bagas terutama kepada produk kepingan. Dengan adanya pelaburan baru ini, pengusaha industri ini akan terus maju dalam aspek penambahbaikan kualiti produk dan seterusnya membolehkan mereka menawarkan produk berkualiti.

Pelaksanaan pelbagai perjanjian FTA telah berjaya menyediakan peluang dan cabaran baru kepada industri besi dan keluli tempatan. Perdagangan diantara negara-negara ASEAN terutama Malaysia, Thailand dan Indonesia menjadi lebih kompetitif kesan daripada pemansuhan duti import ke atas produk besi dan keluli yang dikuatkuasakan di bawah AFTA bermula Januari 2010. Pembangunan pesat industri besi PRC menjadi cabaran kepada negara-negara lain termasuk Malaysia dalam aspek pengeluaran, kawalan harga dan bekalan bahan mentah seperti bijih besi. Malaysia bergerak kearah liberalisasi yang lebih besar bagi industri besi dengan pengurangan duti import produk panjang dan kepingan pada 2010.

BAHAN KIMIA INDUSTRI

Perkembangan

Sektor ini meneruskan aliran menaik dengan hampir kesemua sub-sektornya seperti baja, sabun dan pencuci, bahan organik dan produk kimia lain mencatatkan kenaikan dalam pengeluaran dan jualan. Eksport meningkat diantara 10% sehingga 30% bagi setiap sub-sektor tersebut.

Malaysia meneruskan usaha kearah pengurusan kimia dan program keselamatan yang efektif bagi perlindungan terhadap manusia dan alam sekitar. Pembangunan sektor ini memberi tumpuan kepada aktiviti berkaitan perlindungan alam sekitar, kesihatan dan keselamatan pekerjaan, keselamatan proses, pengawasan produk dan program pembangunan kapasiti, latihan dan kesedaran.

Malaysia telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Institut Latihan dan Penyelidikan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNITAR) untuk Projek Pembangunan Kapasiti bagi Program Kesaksamaan Global (GHS) *Classification and Labelling of Chemicals*. Pembiayaan akan digunakan untuk melatih tenaga kerja utama dalam GHS untuk sektor industri, pertanian, pengangkutan dan industri pengguna; meningkatkan kesedaran dan mewujudkan laman sesawang GHS.

Prospek

Prestasi sub-sektor bahan kimia industri bagi 2011 bergantung kepada keadaan keseluruhan ekonomi kerana sub-sektor ini diperlukan dalam kebanyakan sektor industri dan bukan industri dalam penyediaan bahan mentah dan perantara kepada hampir kesemua sub-sektor tersebut.

INDUSTRI PRODUK PETROLEUM, PETROKIMIA DAN PLASTIK

Perkembangan

Industri petrokimia merangkumi aktiviti-aktiviti pengangkutan minyak dan gas, penapisan dan pemprosesan, pemasaran dan perdagangan keluaran akhir. Aktiviti sub-sektor ini diperluaskan kepada bahagian pertengahan dan hiliran rantai nilai. Industri ini akan mendapat faedah daripada ETP bagi minyak, gas dan sektor tenaga disamping penubuhan sebuah badan Kerajaan, Unit Perkhidmatan Telaga Minyak (OFSU) di bawah seliaan MIDA.

Dua EPP telah dikenal pasti dalam sub-sektor hiliran bagi penambahbaikan penawaran minyak dan gas kepada pengguna, iaitu:

- mewujudkan simpanan minyak serantau dan hab perdagangan bagi menyokong infrastruktur sedia ada di Singapura; dan
- membekalkan kira-kira 320 juta kaki padu standard (mscfd) setiap hari bagi memenuhi permintaan yang belum dipenuhi, bersamaan 16% daripada jumlah permintaan pada 2009. Permintaan ini dapat dipenuhi dengan mengimport gas asli cecair (LNG) melalui terminal penyahsgaan LNG.

Prospek

Bagi 2011, industri dijangka terjejas akibat kadar inflasi yang tinggi, kecairan yang terhad, kenaikan kadar faedah dan harga komoditi. Industri dan pasaran eksport Asia juga dijangka mengalami kesan daripada pemulihan ekonomi yang perlahan dan kadar pengangguran yang tinggi di AS dan EU.

INDUSTRI FARMASEUTIKAL

Perkembangan

Sebanyak 255 syarikat farmaseutikal yang mewakili 68 syarikat pengeluar ubat-ubatan moden dan 187 syarikat bagi ubat-ubatan tradisional telah diluluskan lesen oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, KKM. Para pemimpin ASEAN berusaha mempercepatkan integrasi 11 sektor utama meliputi ubat-ubatan tradisional dan produk makanan kesihatan tambahan serta menubuhkan Kumpulan Kerja Produk (TMHS-PWG) bagi mengkaji rangka kerja kawal-selia untuk menangani cabaran global.

Di bawah RMK-10, usaha penambahbaikan terhadap akses penjagaan kesihatan, perlindungan dan kualiti penjagaan kesihatan dalam sektor awam dan swasta akan diteruskan. Inisiatif utama adalah pembinaan hospital yang merangkumi lapan hospital pakar, 197 klinik dan 50 klinik 1Malaysia. ETP telah menggariskan dua peluang strategik utama untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam rantaian nilai penjagaan kesihatan, iaitu meningkatkan eksport ubat-ubatan generik dan mempergiatkan pelancongan kesihatan.

Prospek

Industri farmaseutikal berpotensi untuk berkembang dalam pasaran domestik dan eksport menerusi keupayaan pengeluaran ubat-ubatan generik. Ia juga merupakan satu daripada tiga sub-sektor di bawah industri penjagaan kesihatan yang dikenal pasti untuk dibangunkan di bawah NKEA. Peluang yang luas juga dapat diperolehi daripada kepelbagaian flora dan fauna negara untuk membangunkan ubat-ubatan sumber asas dan bio-generik.

INDUSTRI PEMPROSESAN MAKANAN DAN MINUMAN

Perkembangan

Eksport dan import produk makanan dan minuman Malaysia berjumlah RM13.8 bilion dan RM12 bilion. Industri makanan laut yang sebahagian besarnya berorientasikan eksport merangkumi produk tambah nilai tinggi dan produk makanan tambahan. Ketika ini terdapat 16 buah ladang akuakultur yang diluluskan sebagai pembekal kepada 18 syarikat makanan laut yang mengeksport produk ke Eropah. Kini, Malaysia boleh mengeksport semula produk makanan laut ke Rusia setelah penarikan balik larangan eksport pada akhir 2010.

Malaysia kini merupakan pengeluar kelima terbesar dunia bagi segmen pemprosesan koko dan produk berasaskan koko seperti lemak koko, serbuk koko, pes koko dan coklat yang dieksport ke lebih 80 negara. Nilai eksport produk koko dan sediaan koko pada 2010 ialah RM3.9 bilion berbanding RM3.1 bilion pada 2009.

Agensi Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memperkenalkan *1Malaysia Best* sebagai simbol pengenalan bagi produk industri pertanian dan asas tani yang memperakui keselamatan dan kualiti produk untuk pasaran tempatan dan global. Kaedah pengenalan ini dapat membantu dalam mempertingkatkan jualan produk asas tani.

Malaysia dikenali sebagai pengeluar sarang burung berkualiti tinggi. Pasaran utama negara ialah PRC, Hong Kong SAR, Chinese Taipei dan Singapura. Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walit Negara (1GP) diperkenalkan bagi menyelia industri secara holistik termasuk perlesenan, pensampelan, pengeluaran dan eksport sarang burung walit. Sub-industri sarang burung walit dikenal pasti sebagai salah satu bidang utama NKEA industri pertanian.

Prospek

NKEA sektor pertanian menerusi 16 EPP dan 11 peluang perniagaan akan memberi tumpuan kepada sub-sektor terpilih bagi menggandakan sumbangan industri ini terhadap PNK kepada RM49.1 bilion menjelang 2020. Kerajaan telah memperuntukkan pelaburan tambahan sebanyak RM16.2 bilion untuk sektor ini bagi tempoh 2011-2020.

INDUSTRI MINYAK SAWIT

Perkembangan

Malaysia merupakan pengeluar minyak sawit dan produk berkaitan minyak sawit kedua terbesar dunia dengan jumlah eksport bernilai RM59.8 bilion pada 2010. Peningkatan sebanyak 20.6% berbanding 2009 adalah dipengaruhi oleh harga minyak sawit mentah yang tinggi dan permintaan global yang kukuh. Minyak sawit merupakan minyak masak utama yang didagangkan dengan 55% minyak dan 26% lemak diguna di seluruh dunia. Industri minyak sawit merupakan satu daripada 12 NKEA.

Pelaksanaan sepenuhnya FTA ASEAN-China pada 1 Januari 2010 telah membantu melonjakkan eksport minyak sawit dan produk berkaitan minyak sawit ke PRC. Tarif bagi minyak sawit yang dikategorikan sebagai produk sensitif telah dikurangkan kepada 9% berkuatkuasa 1 Januari 2010.

FTA diantara Malaysia-Chile (MCFTA) juga akan memberikan akses pasaran yang lebih besar kepada minyak sawit. Dijangka 90.2% daripada senarai tarif akan dimansuhkan termasuk bagi produk minyak sawit, apabila MCFTA mula berkuat kuasa pada suku keempat 2011.

Sebanyak 28 teknologi baru diperkenalkan bagi tujuan komersil dan penggunaan. 12 teknologi yang telah dikomersil dan diguna pakai oleh industri termasuk *biomass briquettes*, *palm-based adjuvant formulated dalam glyphosate isopropylamine* dan *herbisid glyphosate monoammonium*.

Akta Industri Biobahan Api Malaysia 2007 melengkapkan pembangunan biodiesel berasaskan kelapa sawit. Akta ini memperuntukkan pengadunan mandatori biobahan api dengan diesel petroleum dan pengeluaran lesen bagi aktiviti-aktiviti pengeluaran, pengadunan, penyimpanan, pengangkutan dan perdagangan. Penggunaan minyak sawit dalam pengeluaran bio bahan api dapat membantu mengurangkan kadar stok dan mengukuhkan harga di pasaran.

Prospek

Industri minyak sawit merupakan penyumbang keempat terbesar kepada ekonomi negara dengan sumbangan sebanyak RM53 bilion kepada PNK. Ia merangkumi rantai nilai daripada perladangan ke aktiviti hiliran. NKEA bagi minyak sawit dijangka meningkatkan sumbangan kepada pendapatan negara sebanyak RM125 bilion kepada RM178 bilion menjelang 2020. Kerajaan akan memberi tumpuan utama kepada aktiviti hiliran dan membantu pekebun kecil sementara dan pada masa yang sama mengukuhkan peranan sektor swasta.

Pada 2011, FELDA, FELCRA Berhad dan RISDA akan menuahkan satu konsortium yang dikenali sebagai Synergy Perdana bagi menjana pendapatan dan pulangan yang lebih tinggi menerusi projek usaha sama pertanian. Aktiviti pengilangan dan pemprosesan perlu diperluaskan bagi menjana pendapatan tambahan. Biomass kelapa sawit yang banyak dihasilkan daripada proses pengilangan mempunyai pelbagai kegunaan seperti produk gantian kayu, makanan haiwan, pulpa, kertas dan biontenaga.

INDUSTRI PRODUK GETAH

Perkembangan

Pengeluaran dan penggunaan getah dunia terdiri daripada 44.3% getah asli dan 55.7% getah sintetik. Malaysia pada ketika ini adalah pengeluar ketiga terbesar bagi getah asli, pengguna kesembilan terbesar bagi semua jenis getah dan juga pengguna kelima terbesar di dunia bagi penggunaan getah asli.

Malaysia merupakan pembekal utama bagi produk sarung tangan pembedahan dan pemeriksaan pada kadar 50% daripada jumlah permintaan dunia. Malaysia juga merupakan pengeksport global bagi getah tambah nilai tinggi dan produk getah seperti komponen automotif, tali sawat dan hos.

Sebagai anggota *World Forum for Harmonisation of Vehicle Regulations* (WP29), Malaysia perlu melaksanakan standard mandatori ke atas tayar. Bermula 1 Januari 2010, Kementerian Pengangkutan (MOT) menguakuasakan standard mandatori ke atas tayar baru seperti diwartakan di bawah Jadual Keempat, Bahagian II,

Perintah Kastam (Larangan Import) 2009 yang memerlukan kombinasi salah satu daripada standard berikut:

- E Mark (Suruhanjaya Ekonomi untuk Eropah bagi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu); atau
- DOT (*Federal Motor Vehicle Safety Standard-FMVSS USA*); atau
- MS Standard (Malaysia).

Kerajaan juga telah menguakuasakan Permit Import (AP) ke atas tayar terpakai bermula daripada 1 Januari 2010 berdasarkan enam kod tarif: 4012.11.000, 4012.12.000, 4012.19.900, 4012.20.100, 4012.20.200 dan 4012.20.990. Ia dikuakuasakan bagi menghalang kemasukan tayar terpakai bermutu rendah dan murah daripada sumber asing yang akan memberi kesan kepada pasaran pencelup tayar dan membahayakan keselamatan pengguna jalan raya.

Prospek

Pada 2011, harga getah dijangka meningkat ke paras paling tinggi ekoran daripada bekalan terhad, spekulasi, cess baru yang diperkenalkan Thailand bermula 1 Oktober 2010 dan penyusutan stok negara-negara pengeluar dan pengguna utama.

Harga getah asli dijangka kekal kukuh pada 2011. Para pelabur optimis tentang pemulihan ekonomi global dan pertumbuhan permintaan bagi industri komoditi. Persatuan Negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) menyatakan bahawa bekalan getah asli pada 2011 dilihat akan meningkat 5.3% kepada 9.918 tan metrik.

PROSPEK BAGI SEKTOR PEMBUATAN

Prestasi keseluruhan bagi sektor pembuatan pada 2010 meningkat secara signifikan berbanding 2009. Pertumbuhan sektor ini diterajui

oleh peningkatan permintaan luar dan disokong oleh prestasi kukuh industri berorientasikan domestik. Momentum pertumbuhan ini dijangka kekal pada 2011 selari dengan keadaan ekonomi dunia yang bertambah baik. Industri berorientasikan eksport dijangka terus berkembang hasil daripada peningkatan aktiviti perdagangan serantau. Penggunaan tempatan juga dijangka meningkat dengan signifikan pada 2011 dan akan memberi faedah kepada industri berorientasikan domestik.

Industri E&E akan terus menerajui pertumbuhan pada 2011 dengan peningkatan permintaan daripada pasaran tradisi kesan daripada pemulihan ekonomi global. Perbelanjaan global ke atas alat-alat elektronik akan terus berkembang dan ini akan menyumbang kepada peningkatan permintaan terhadap semikonduktor.

Permintaan bagi produk-produk M&E dijangka berkembang kesan daripada penyelenggaraan dan pengantian kelengkapan M&E dalam sektor pembuatan. Prestasi M&E juga diunjurkan meningkat hasil daripada pengaktifan semula projek perluasan sektor pembuatan yang tertangguh akibat daripada kemerosotan ekonomi.

Kimia dan produk kimia diunjur berkembang pada 2011 ekoran pemulihan keseluruhan di dalam aktiviti pembuatan pada 2010. Bahan-bahan kimia asas turut digunakan secara meluas dalam proses pembuatan.

Prospek bagi industri farmaseutikal kekal positif pada 2011. Inisiatif Kerajaan dalam mempromosikan pelancongan kesihatan dan peningkatan kesedaran tentang faedah gaya hidup sihat di peringkat global dan tempatan akan terus memacu pertumbuhan industri farmaseutikal.

Industri automotif dijangka meneruskan prestasi positifnya. Dengan keadaan ekonomi yang bertambah baik disokong oleh kedudukan kewangan yang meningkat, pengguna dijangka membuat perbelanjaan yang lebih kepada pembelian kenderaan baru. Sektor ini juga dilihat akan mencatat pertumbuhan jualan kenderaan hibrid sejajar dengan kesedaran mengenai teknologi hijau dan tenaga alternatif.

Industri produk besi dan keluli dijangka memperlihatkan prestasi baik pada 2011 disokong oleh peningkatan permintaan global dan jangkaan pertumbuhan dalam aktiviti pembinaan serta pelaksanaan NKEA dan projek-projek RMK-10.

Industri minyak sawit dan getah dilihat akan meneruskan prestasi yang memberangsangkan hasil daripada peningkatan harga komoditi sejak kebelakangan ini. Permintaan tinggi daripada pasaran luar dan domestik bakal menjadi peneraju kepada peningkatan eksport bagi tahun 2011. Di sebalik kempen negatif terhadap industri minyak sawit, permintaan daripada PRC, India dan Pakistan akan berkembang pesat bagi tahun-tahun mendatang. Peningkatan kesedaran tentang kebersihan serta peraturan baru serta ketat bagi penjagaan kesihatan akan meningkatkan lagi permintaan bagi sarung tangan getah. Segmen tayar getah dan tiub akan meneruskan prestasi kukuh hasil daripada pertumbuhan industri automotif.

Sektor pembuatan diunjur berkembang pada 2011 hasil daripada pelaburan tinggi dan peningkatan kepenggunaan. Pertumbuhan bagi negara-negara destinasi utama eksport Malaysia terutamanya negara-negara anggota ASEAN, PRC, AS dan UAE akan membantu peningkatan permintaan produk-produk sektor pembuatan. Prospek keseluruhan sektor pembuatan pada 2011 adalah positif.

PERKEMBANGAN INDUSTRI HALAL

Tinjauan

Pasaran halal global yang kini dianggarkan bernilai AS\$2.1 trillion menawarkan pelbagai peluang perniagaan kepada pengusaha industri halal Malaysia. Malaysia mendapat pengiktirafan global terhadap kepakaran dan pengalaman dalam persijilan dan pembangunan standard halal dan sekaligus menjadi penanda aras kepada negara yang berhasrat untuk maju dalam industri halal global.

Pelan Induk Industri Halal menggariskan strategi untuk membangunkan Malaysia sebagai Hab Halal Global dan memacu pertumbuhan industri tersebut. Program-program yang telah dijalankan pada 2010 termasuk:

i. Penggalakan pelaburan

- Usahasama dengan kerajaan-kerajaan negeri dan agensi berkaitan bagi menyelaras pembangunan Taman Halal untuk menarik FDI dan DDI. Setakat ini, sembilan Taman Halal beroperasi di beberapa lokasi di Malaysia dengan enam daripadanya menerima pentaulahan HALMAS oleh Halal Industry Development Corporation (HDC) bagi membuktikan pematuhan Garis Panduan Pembangunan Taman Halal. Sebanyak 80 projek dengan nilai pelaburan RM4.696 bilion dengan jangkaan 1500 peluang pekerjaan telah diterima untuk kelulusan.

ii. Pembangunan Industri

- *Halal Champion Awards* dan *Halal Roadshow* bagi memberi pengiktirafan kepada usahawan industri halal tempatan disamping menyediakan platform bagi mempamerkan produk dan perkhidmatan halal kepada syarikat multinasional.
- *Halal Excellence Dialogue* bagi memajukan pasaran sedia ada dan pengembangan peluang perniagaan dan perluasan pasaran di Timur Tengah.
- Program Pemantauan IKS Halal bagi meningkatkan kapasiti serta pembangunan kemahiran IKS yang berpotensi agar dapat menjadi pembekal berkelayakan bagi produk dan perkhidmatan halal kepada syarikat multinasional dan dapat menembusi pasaran global.

iii. Pengetahuan Integriti Halal

- Direktori Pengekspor Produk dan Perkhidmatan Halal Malaysia membantu pembeli antarabangsa mencari pengeluar produk dan penyedia perkhidmatan halal yang diiktiraf.
- Penerbitan Buku Panduan Halal dengan kerjasama MATRADE dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menyediakan garis panduan operasi kepada pengeluar dan pembuat makanan.
- Portal sesawang HDC dan kiosk HDC-I ditempatkan di *hypermarket* tempatan dan antarabangsa. Pusat Maklumat Halal (*Halal Knowledge Centres*) dan aplikasi iPhone menyediakan pengguna global dengan maklumat tentang industri halal.
- Standard Halal Malaysia memperluaskan skopnya kepada Logistik Halal yang telah diterima pakai oleh Kontena Nasional, Malaysia Integrated Logistics dan Nippon Express.

iv. Penjenamaan dan Promosi

- Lawatan Kesedaran Halal ke Semenanjung, Sabah dan Sarawak;
- Kempen *1Malaysia Departmental Store Halal*;
- *3rd World Halal Research Summit 2010*;
- Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS);
- Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur (KLIFF);
- Forum Ekonomi Islam Dunia (WIEF);
- Pertunjukan Pertanian, Hortikultur dan Agro-pelancongan Malaysia (MAHA);
- *Dubai Gulfood, Groom Big*, Pameran Perdagangan Thailand; dan
- SME Bank- Ekspos Usahawan.

Aktiviti-aktiviti promosi menerusi bahan percetakan, iklan, mel terus, risalah perdagangan, papan iklan, sidang media, pelancaran produk telah berjaya mencapai nilai RM8 juta.

Pembangunan industri halal memberi tumpuan kepada pembinaan ekosistem yang dijangka menjana pulangan dan menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal Global.

PEMBANGUNAN STANDARD

Sehingga 31 Disember 2010, sejumlah 6,260 *Standard Malaysia* (MS) telah dibangunkan:

- 3,759 standard adalah sejar dengan standard antarabangsa (60.1% daripada jumlah MS yang telah dibangunkan); dan
- 328 standard dijadikan mandatori (5.3% daripada jumlah MS yang telah dibangunkan).

Produk-produk yang ingin dijadikan standard mandatori dikenal pasti oleh empat pasukan petugas di bawah Jawatankuasa Standard Mandatori Industri (CMIS), iaitu bahan binaan, peralatan mesin dan jentera, komponen dan peralatan automotif serta wayar dan kabel.

INISIATIF-INISIATIF UNTUK MEMPROMOSIKAN ICT BAGI FASILITASI PERDAGANGAN

ASEAN Single Window (ASW)

ASEAN Single Window merupakan satu inisiatif bagi memudahkan lagi perdagangan dikalangan negara-negara anggota ASEAN dengan bertindak sebagai satu persekitaran di mana sistem *National Single Window* (NSW) negara-negara anggota ASEAN beroperasi dan berintegrasi secara elektronik.

Di bawah ASW, dua dokumen telah dikenalpasti bagi pertukaran secara elektronik :

- Persetujuan Perdagangan Barang ASEAN Form D – Sijil Tempasal Berkeutamaan; dan
- *ASEAN Custom Declaration Document (ACDD)* yang mengandungi elemen data yang sama diantara negara-negara anggota ASEAN.

Projek Perintis ASW

Kerja-kerja bagi pelaksanaan Kajian Perintis ASW sudah dimulakan dan akan diteruskan menerusi tiga komponen :

- Komponen 1: Menjalankan kajian mengenai reka bentuk rangkaian yang paling sesuai;
- Komponen 2: Membina infrastruktur rangkaian termasuk perisian dan peralatan; dan
- Komponen 3: Menilai keputusan Projek Perintis.

Pada Jun 2010, sebuah syarikat perunding telah ditugaskan untuk melaksanakan Komponen 1. Apabila kajian tersebut siap dijalankan, infrastruktur teknikal yang dipersetujui akan dibangunkan dan diuji di bawah Komponen 2 dan dijangka siap pada 2012.

Malaysia–Indonesia–Philippines Technical Feasibility Initiative on Electronic Exchange of ATIGA Form D

Malaysia menyertai inisiatif kebolehlaksanaan teknikal kepada pertukaran secara elektronik ATIGA Form D bersama Indonesia dan Filipina. Ianya bertujuan untuk menguji kebolehlaksanaan teknikal dan keupayaan bagi pertukaran jangka panjang jumlah data yang besar diantara negara-negara anggota ASEAN. Malaysia, Indonesia dan Filipina telah menjalankan pertukaran data secara langsung sejak 2009. Brunei mula menjalankan pertukaran data ujian dengan Malaysia dan Indonesia pada 2010 dan akan memulakan pertukaran langsung sebaik sahaja sistem domestik beroperasi penuh pada 2011.

National Single Window Business Process Reengineering (NSW BPR)

NSW BPR telah mengkaji proses kerja pihak-pihak berkepentingan yang terlibat dalam NSW kearah pembangunan aliran proses kerja yang lengkap untuk keseluruhan rantaian nilai. Ia akan merumus dan membuat cadangan penyusunan semula proses kerja yang sesuai bagi NSW dan persekitaran elektronik tanpa kertas.

Sejumlah 18 aliran proses import dan eksport bagi 9 jenis aktiviti import dan eksport di Pelabuhan Klang telah diselaras dan dimuktamadkan yang mana merangkumi Kontena Muatan Penuh (FCL) bagi Import dan Eksport, Kontena Muatan Tidak Penuh bagi Import dan Eksport, Pemunggahan dan borang Zon Bebas (ZB) bagi Import dan Eksport. Kesemua aliran proses yang dimuktamadkan telah dipamerkan di portal MITI. MITI akan berurusan dengan semua pihak berkuasa pelabuhan berkenaan pematuhan 18 aliran proses ini bagi tujuan penyeragaman.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DAN KEMAHIRAN

Peluang Pekerjaan

Sejumlah 910 projek sektor pembuatan dengan nilai RM47.18 bilion dijangka akan mewujudkan sebanyak 97,319 peluang pekerjaan dan daripada jumlah peluang pekerjaan tersebut, 74% terdiri daripada kategori pengurusan, teknikal dan pekerja mahir. Pekerja kategori pengurusan, teknikal dan pekerja mahir diperlukan oleh sub-sektor produk E&E dengan jumlah tertinggi sebanyak 34%, diikuti oleh sub-sektor kelengkapan pengangkutan (14%) dan sub-sektor produk asas logam (7%).

Tenaga Kerja Berpotensi 2010

Seramai 43,124 daripada jumlah keseluruhan 101,788 pelatih yang menerima Sijil Kemahiran Malaysia (*Malaysian Skills Certificate*) telah dilatih dalam kursus yang berkaitan dengan sektor pembuatan. Seramai 60,027 daripada keseluruhan 206,631 orang graduan institusi pengajian tinggi di Malaysia mempunyai kelayakan teknikal.

Peningkatan Kemahiran

- *Training Matching Grant* di bawah *Pre-Packaged Incentive*: RM43 juta telah dibelanjakan oleh MIDA dan disalurkan kepada syarikat-syarikat bagi pelaksanaan program latihan untuk pekerja tempatan.
- Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF): RM319.67 juta telah dibelanjakan untuk melatih 627,375 pekerja.
- Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN): 46 syarikat menyediakan latihan untuk 1,293 pekerja tempatan.
- Program Latihan Industri Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE): Pelan Peningkatan Strategik Universiti bagi Industri/Kerjasama Komuniti dan Dasar Latihan Industri.

Gaji Minimum Kebangsaan

Penubuhan Majlis Perundingan Gaji Kebangsaan (NWCC) yang bertujuan untuk memperkenalkan gaji minimum di Malaysia telah diumumkan di dalam Bajet 2011. Pelaksanaan Gaji Minima Kebangsaan dijangka akan :

- meningkatkan taraf hidup golongan termiskin dan paling terjejas;
- menggalakkan perbelanjaan melalui kenaikan pendapatan boleh guna;
- mengurangkan keperluan program kebajikan sosial Kerajaan dan kebergantungan terhadap buruh asing;
- menggalakkan industri-industri untuk melabur dalam program-program inovasi/modenisasi/automasi untuk meningkatkan rantaian nilai; dan
- meningkatkan produktiviti.

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Menurut International Institute for Management Development (IMD) *World Competitiveness Yearbook* 2010, Perbelanjaan Kasar Penyelidikan dan Pembangunan (GERD) Malaysia pada 2008 adalah sebanyak AS\$1.59 bilion bersamaan dengan 0.72% daripada KDNK. Malaysia berada pada kedudukan 48 daripada 58 negara yang terlibat dalam kaji selidik tersebut. GERD Malaysia pada 2008 dilihat lebih menyerlah berbanding keadaan ekonomi ketika itu. Pada tahun 2010, peruntukan berjumlah RM58 juta telah diberikan kepada syarikat-syarikat pembuatan sebagai geran di bawah Skim Galakan Istimewa, sejajar dengan inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan perkembangan R&D.

AUTOMASI

Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Modenisasi (SLSAM), yang diperkenalkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) memberi manfaat dari segi produktiviti dan jumlah jualan, peningkatan kualiti produk dan juga pengurangan pembaziran. Sejumlah 89 permohonan SLSAM yang bernilai RM187.8 juta telah diluluskan dan RM128 juta daripada jumlah tersebut telah disalurkan kepada syarikat-syarikat yang memohon. Kejayaan SLSAM pada RMK-9 telah mendorong skim ini dilanjutkan di bawah RMK-10 dengan peruntukan permulaan berjumlah RM100 juta untuk tempoh 2011-2012.

UTILITI

Gas Asli

Sejumlah 2,077 juta kaki padu standard (mmscfd) telah dibekalkan. Sektor bukan tenaga menerima sebanyak 814 mm scfd, di mana sejumlah 488 mm scfd dibekalkan oleh PETRONAS (bagi penggunaan melebihi 2 mm scfd), manakala 326 mm scfd dibekalkan oleh Gas Malaysia Sdn. Bhd. (bagi penggunaan kurang daripada 2 mm scfd). Sektor tenaga pula menerima sebanyak 1,124 mm scfd.

Kerajaan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengatasi kekurangan bekalan kepada sektor bukan tenaga termasuk mengalihkan 100 mm scfd daripada sektor tenaga sehingga Terminal Gas Asli Cecair (LNG) PETRONAS mula beroperasi pada Ogos 2012 disamping meningkatkan pengimportan gas daripada pelbagai sumber. Industri-industri adalah digalakkan untuk mendapatkan sumber tenaga alternatif dan mempraktikkan kecekapan tenaga bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan gas.

DANA PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

Kerajaan memperuntukkan RM337.78 juta di bawah RMK-9 untuk menaik taraf kemudahan asas taman-taman industri. Sehingga 31 Disember 2010 sejumlah RM296.34 juta telah dibelanjakan ke atas 506 projek di seluruh negara.

ALAM SEKITAR

Tindakan-tindakan yang telah diambil bagi mempromosikan teknologi hijau dan mengurangkan perubahan iklim adalah seperti berikut:

- memuktamadkan Terma Rujukan, Teras Strategik dan Pelan Tindakan untuk Jawatankuasa Kerja Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim (Industri);
- menganjurkan seminar Teknologi Hijau untuk PKS;
- menekankan keperluan bagi syarikat-syarikat untuk mematuhi piawaian mesra alam sekitar semasa Persidangan *Border Carbon Adjustments*;
- menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Kerjasama (CA) bagi penubuhan Pusat Kecemerlangan Tenaga Boleh Baharu (*Renewable Energy Centre of Excellence*, RECOE);
- mengkaji semula had 49% ekuiti asing ke atas Skim Dana Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS); dan
- Bekerjasama dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) untuk menganjurkan *International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia 2010* (IGEM 2010).

Artikel 4.1: Industri Elektrik dan Elektronik sebagai Sektor Dikenal Pasti bagi Bidang Ekonomi Utama Negara (E&E NKEA)

Di bawah lima sub-sektor bagi E&E NKEA, 15 EPP telah dikenal pasti untuk dilaksanakan mengikut empat kelompok geografi: Korridor Utara, Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang, Johor dan Sarawak

No	EPP	Impak	
		PNK (RM bilion)	Peluang Pekerjaan
	Semikonduktor:	11.0	13,011
1	Melaksanakan strategi pengikut pintar bagi teknologi matang kilang-kilang pembuatan semikonduktor		
2	Menbangunkan pemasangan dan ujian mengikut teknologi pembungkusan canggih		
3	Membina firma reka bentuk litar bersepadu		
4	Membantu pertumbuhan pengeluar-pengeluar substrat industri berkaitan		
	Solar :	14.2	57,344
5	Meningkatkan bilangan pengeluar silikon		
6	Membangunkan pengeluar wafer dan sel		
7	Menambah pengeluar-pengeluar modul		
	Diod Pemancar Cahaya (LED):	5.2	13,843
8	Membangunkan operasi front-end LED		
9	Memperluaskan pembungkusan LED		
10	Mencipta 'jaguh' SSL tempatan		
	Elektronik Industri:	1.4	7,468
11	Membina hab ujian dan pengukuran		
12	Memperluas Komunikasi Tanpa Wayar dan RFID		
13	Membangunkan pembuatan kelengkapan automasi		
14	Menubuhkan syarikat-syarikat penghantaran dan pengedaran	0.1	1,200
	Perkakasan Elektrik Kediaman:	0.4	426
15	Membina hab pengeluaran perkakasan kediaman dan rangkaian pengedaran antarabangsa		

Sumber: PEMANDU

Kesan berganda daripada 15 EPP juga akan memperkenalkan empat Business Opportunities (BO).

No	BO	Impak	
		PNK (RM bilion)	Peluang Pekerjaan
1	Industri sokongan kilang pembuatan, pengasingan dan substrat	1.0	24,664
2	Applikasi LED bagi peralatan perubatan, industri automotif, papan tanda dan papan iklan dan industri aeroangkasa dan pertahanan	0.7	5,040
3	Projek aplikasi pengenalpastian frekuensi radio	0.05	229
4	Peluang perniagaan pembangunan huluan solar	2.5	11,500

Sumber: PEMANDU

Jumlah pembiayaan diperlukan bermula 2010 hingga 2020 berjumlah RM78.4 bilion di mana RM66.7 bilion (85%) akan digunakan untuk EPP ini. 60% daripada jumlah peruntukan akan dilaburkan dari 2010 hingga 2013 dan baki 40% akan dilaburkan dari 2014 hingga 2020. Peruntukan bagi EPP terdiri daripada 88% sumbangan swasta dan 12% syarikat awam.

Artikel 4.2: Hab Halal Melaka

Taman Halal merupakan zon ekonomi khas yang diwujudkan di mana infrastruktur, insentif dan khidmat sokongan disediakan bagi pelabur-pelabur berpotensi. Enam taman halal telah menerima pengiktirafan Halal Malaysia ataupun HALMAS sebagai galakan kepada kualiti dan integriti para pengusaha taman halal. Dengan status HALMAS yang diterima, para pengusaha boleh memohon untuk insentif halal yang disediakan.

Hab Halal Melaka merupakan salah satu daripada taman halal yang berjaya dengan catatan jumlah pelaburan sebanyak RM121.85 juta. Dibina dengan keluasan 134.68 hektar, Hab Halal Melaka menempatkan 30 pengeluar produk dan perkhidmatan halal yang diiktiraf. HPA Industries Sdn. Bhd., Excellent Progressive Enterprise dan Kewpie Malaysia Sdn. Bhd. yang menjalankan perniagaan berkaitan makanan, penjagaan kesihatan, herba dan kosmetik adalah diantara pengeluar yang berpusat di Hab Halal Melaka ini.

Lampiran 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI), Jualan dan Guna Tenaga bagi Sektor Pembuatan

Sektor	IPI (2005=100)		Perubahan (%)	Jualan (RM bilion)		Perubahan (%)	Guna Tenaga (jumlah pekerja)		Perubahan (%)
	2010	2009		2010	2009		2010	2009	
Elektrik & Elektronik	95.3	82.3	15.8	166.8	160.6	3.8	330,020	308,409	7.0
Sub-sektor terpilih									
- semikonduktor dan elektronik	101.2	85.8	17.9	69.4	70.2	-1.1	152,587	142,866	6.8
- wayar dan kabel	140.9	85.2	65.4	11.3	8.7	30	13,412	12,678	5.8
- TV dan radio	109.7	70.0	56.7	43.1	35.4	21.7	67,385	60,799	10.8
Kelengkapan Pengangkutan	132.3	102.0	29.7	36.3	25.3	43.9	66,270	62,624	5.8
Sub-sektor terpilih									
- kenderaan motor	100.2	86.5	15.8	20.5	13.8	48.6	24,513	23,403	4.7
- motosikal	122.8	137.0	-10.4	2.8	2.5	13.0	6,193	5,927	4.5
- alat ganti/komponen	161.5	134.3	20.3	6.7	5.7	16.5	22,525	22,921	-1.7
Kimia dan Produk Kimia	115.9	110.9	4.5	170.7	144.0	18.6	116,819	116,696	0.1
Sub-sektor terpilih									
- petroleum, produk plastik	115.1	116.3	-1.0	128.8	108.4	18.8	84,289	84,485	-0.2
- kimia asas industri	117.5	101.5	15.8	40.7	34.4	18.4	26,680	26,509	0.6
Produk Farmaseutikal	105.3	116.5	-9.6	1.19	1.18	0.3	5,850	5,702	2.6
Peralatan Perubatan									
Sub-sektor terpilih									
- pembuatan kelengkapan perubatan dan pembedahan serta peralatan ortopedik	167.7	168.1	-0.2	1.4	1.2	10.7	7,249	6,803	6.6
Logam	140.5	119.9	17.2	38.1	32.8	16.1	72,714	69,730	4.3
Sub-sektor terpilih									
- logam besi	100.6	79.4	26.7	19.6	16.4	19.7	17,825	17,541	1.6
- logam bukan besi	131.3	115.9	13.3	5.9	4.2	40.0	7,040	5,858	20.2
- pembuatan logam	166.3	144.6	15.0	12.5	12.2	2.8	47,849	46,331	3.3
Jentera dan Kelengkapan	135.8	97.7	39.0	8.0	6.2	29.1	15,998	12,671	26.3
Sub-sektor terpilih									
- pam, kompresor, paip dan injap	69.2	58.1	19.1	0.9	1.0	-4.5	1,790	1,585	12.9
- penyaman udara, jentera penyejukan dan pengudaraan	154.6	115.0	34.4	4.3	3.4	25.5	6,274	5,080	23.5
- alat-alat jentera	154.7	96.7	60.0	2.7	1.7	59.3	7,358	5,270	39.6
Tekstil dan Pakaian	85.2	81.6	4.4	6.97	6.98	-0.2	44,014	47,390	-7.1
Sub-sektor terpilih									
- tekstil	83.2	79.6	4.5	4.5	4.3	4.8	15,320	16,605	-7.7
- pakaian	87.5	84.0	4.2	2.4	2.7	8.3	28,694	30,785	-6.8
Kayu dan Produk kayu	90.9	81.7	11.3	19.3	18.5	4.2	108,916	103,470	5.3
Sub-sektor terpilih									
- produk kayu	84.9	76.0	11.7	12.8	12.6	1.4	87,967	84,106	4.6
- produk kertas	112.0	101.9	9.9	6.6	5.9	10.3	20,949	19,364	8.2
Getah	150.2	124.3	20.8	13.6	11.7	16.2	61,278	56,476	8.5
Sub-sektor terpilih									
- Produk asas lateks dan produk umum getah	187.7	144.3	30.1	3.7	3.5	7.6	20,538	18,945	8.4
- Sarung tangan getah	142.2	126.2	12.7	7.8	6.4	21.1	34,590	31,814	8.7
Galian Bukan Logam	121.7	99.3	22.6	13.3	12.8	3.6	36,779	34,164	7.7
Sub-sektor terpilih									
- Kaca dan produk kaca	133.0	95.4	39.4	2.9	2.6	8.7	7,136	6,984	2.2
- simen hidraulik	124.0	123.8	0.2	4.42	4.36	1.4	3,334	3,335	-0.02
- produk seramik	170.6	87.3	95.4	2.1	2.3	-9.2	14,449	13,278	8.8
Makanan dan Minuman	141.2	127.1	11.1	25.8	22.8	12.9	45,764	43,080	6.2
Sub-sektor terpilih									
- makanan siap proses	137.5	132.2	4.0	23.9	21.4	12.2	42,921	39,959	7.4
- minuman	150.4	114.5	31.4	1.8	1.5	24.4	2,843	3,121	-8.9

Sumber: DOSM

Lampiran 2: Prestasi Dagangan bagi Sektor Pembuatan

Sektor	2010				2009				Perubahan Tahunan (%)	
	Eksport RM bil.	Peratusan (%)	Import RM bil.	Peratusan (%)	Eksport RM bil.	Peratusan (%)	Import RM bil.	Peratusan (%)	Eksport	Import
Jumlah eksport barang pembuatan	461.0	72.1	-	-	413.0	74.7	-	-	11.6	-
Jumlah import barang pembuatan	-	-	430.5	81.3	-	-	359.0	82.6	-	19.9
Elektrik & Elektronik	249.8	39.1	189.1	35.7	230.1	41.6	159.8	36.8	8.6	18.4
Sub-sektor terpilih - telekomunikasi dan kelengkapan pengeluar bunyi - jentera, peralatan dan perkakasan elektrik	43.3	9.4	22.6	5.2	36.0	8.7	18.3	5.1	20.1	23.5
131.3	28.5	137.7	32.0	118.6	28.7	109.8	30.6	10.8	25.4	
Automotif dan Kelengkapan	9.5	1.5	28.5	5.4	9.7	1.8	24.3	5.6	-1.9	17.1
Sub-sektor terpilih - kenderaan motor - motosikal - alat ganti/komponen	0.7	0.2	8.1	1.9	0.5	0.1	5.5	1.5	46.0	45.3
1.2	0.2	1.0	0.2	1.1	0.2	0.2	0.9	0.2	12.6	16.3
2.6	0.4	5.5	1.3	2.0	0.4	0.4	4.4	1.2	29.6	23.5
Kimia										
Sub-sektor terpilih - petrokimia, produk plastik - kimia asas industri	41.5	6.5	34.9	6.6	33.1	6.0	21.9	5.0	25.4	59.4
29.4	4.6	30.9	5.8	23.9	4.3	24.8	5.7	23.0	23.0	24.6
Produk Farmaseutikal	0.5	0.1	0.96	0.2	0.4	0.1	0.99	0.3	34.7	-3.6
Peralatan Perubatan	12.2	1.9	2.2	0.4	10.0	1.8	2.6	0.6	22.0	-15.4
Sub-sektor terpilih - sarung tangan pemeriksaan dan pembedahan - picagari, jarum, benang jahitan - kelengkapan elektromedikal	8.9	1.4	0.2	0.0	7.1	1.3	0.2	0.0	25.4	-
1.1	0.2	0.3	0.1	1.0	0.2	0.2	0.2	0.0	10.0	50.0
0.3	0.05	0.3	0.06	0.2	0.04	0.3	0.3	0.07	50.0	-
Logam	26.8	4.2	50.4	9.5	23.3	4.2	39.6	9.1	15.0	27.3
Sub-sektor terpilih - logam besi - logam bukan besi - pembuatan logam	8.8	1.3	22.0	4.0	9.0	1.6	18.4	4.1	-2.2	19.6
8.0	1.7	18.1	4.2	5.5	1.3	12.5	3.5	45.7	44.8	
10.0	2.2	10.3	2.4	8.8	2.1	8.7	2.1	13.7	13.7	18.1
Jentera dan Kelengkapan	21.5	3.4	44.0	8.3	18.9	3.4	38.3	8.8	13.7	14.9
Sub-sektor terpilih - pam, kompresor, paip dan injap - penyaman udara, jentera penyejukan dan pengudaraan - alat-alat jentera	3.1	0.5	6.8	1.3	2.9	0.5	6.4	1.5	6.9	6.2
4.7	0.7	2.7	0.5	4.5	0.8	2.7	0.6	4.4	4.4	0.0
1.2	0.2	4.6	0.9	1.0	0.2	3.0	0.7	20.0	53.3	
Tekstil dan Pakaian	9.4	1.5	5.2	1.0	9.0	1.6	4.5	1.0	4.4	15.6
Sub-sektor terpilih - Tekstil - Pakaian	5.8	1.2	4.1	0.9	5.1	1.2	3.4	1.0	3.6	15.6
3.6	0.8	1.1	0.2	3.9	0.9	1.0	0.3	-7.7	4.8	
Kayu dan Produk kayu	17.9	2.8	8.1	1.5	17.0	3.1	6.7	1.5	5.8	20.5
Sub-sektor terpilih - produk kayu - produk kertas	14.8	2.3	1.4	0.3	14.2	2.6	1.1	0.3	4.8	21.6
3.1	0.5	6.7	1.3	2.8	0.5	5.5	1.3	10.8	10.8	20.3
Getah	16.0	2.5	4.4	0.8	12.5	2.3	3.3	0.8	28.4	33.5
Sub-sektor terpilih - Produk asas lateks dan produk umum getah - Sarung tangan getah	7.1	1.1	4.2	0.8	5.4	1.0	3.1	0.7	31.5	35.5
8.9	1.9	0.2	0.0	7.1	1.3	0.2	0.0	24.8	24.8	12.2
Galian Bukan Logam	5.0	0.8	4.8	0.9	5.2	0.9	3.9	0.9	-4.9	20.3
Sub-sektor terpilih - Kaca dan produk kaca - simen hidraulik - produk seramik	2.4	0.5	2.4	0.6	2.5	0.6	2.0	0.5	-5.1	21.4
0.9	0.1	0.6	0.1	1.2	0.2	0.5	0.1	-25.0	20.0	
0.6	0.1	0.5	0.1	0.6	0.1	0.3	0.1	3.6	3.6	54.9
Makanan dan Minuman	13.8	2.2	12.0	2.3	12.1	2.2	10.0	2.3	14.0	20.0
Sub-sektor terpilih - makanan siap proses - minuman	12.0	1.9	10.8	2.0	10.7	1.9	9.0	2.1	11.6	20.2
1.8	0.3	1.2	0.2	1.4	0.3	1.0	0.2	28.6	28.6	20.0
Minyak Sawit	59.8	9.4	5.7	1.1	49.6	9.0	3.7	0.9	20.6	54.1

Sumber: DOSM



B
A
B

- Sektor Perkhidmatan menyumbang 57.4% kepada KDNK benar 2010 – disasar untuk menyumbang 61% kepada KDNK pada penghujung RMK-10
- EPP berkaitan perkhidmatan untuk menjana peningkatan PNK sebanyak RM549.4 bilion
- Pelaburan berjumlah RM36.74 bilion dengan 3,281 projek diluluskan dan mewujudkan 53,435 peluang pekerjaan

5

**PRESTASI
SEKTOR
PERKHIDMATAN**

TINJAUAN

Sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi Malaysia, sektor perkhidmatan disasarkan untuk menyumbang 61% kepada KDNK pada penghujung RMK-10. Pada 2010, jumlah sumbangan sektor perkhidmatan (termasuk perkhidmatan Kerajaan) kepada KDNK benar adalah 57.4% dengan nilai pelaburan berjumlah RM36.74 bilion. Jumlah nilai dagangan dalam perkhidmatan bukan kerajaan bernilai RM207.4 bilion.

INISIATIF DASAR

Kerajaan telah melancarkan beberapa pelan nasional yang menekankan kepentingan untuk mempercepatkan pembangunan dalam sektor perkhidmatan. Sebagai contoh, lapan daripada 12 NKEA mempunyai kaitan langsung dengan sektor perkhidmatan. Sejumlah 82 EPP dikenal pasti untuk dilaksanakan ke atas lapan NKEA ini bagi memacu pertumbuhan industri perkhidmatan. EPP berkaitan perkhidmatan dijangka menjana lebih RM549.4 bilion kepada PNK menjelang 2020.

Tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) meliputi proses daripada ingin memulakan perniagaan sehingga menutup perniagaan telah berjaya mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih baik dan menarik. Langkah-langkah pembentukan polisi baru seperti penghapusan had umur ekspatriat dan kelulusan automatik bagi ekspatriat yang berpendapatan RM8,000 ke atas telah memberi faedah besar kepada sektor ini terutama kepada perkhidmatan yang bergantung kepada pergerakan individu seperti IT, perundingan dan pendidikan.

MITI meneruskan kerjasama dengan kementerian-kementerian serta agensi berkaitan dalam usaha mempercepatkan liberalisasi unilateral industri perkhidmatan seiring dengan matlamat Model Baru Ekonomi (MBE). MITI merupakan penyelaras bagi inisiatif ini, terutama dalam bidang berkaitan pelonggaran sekatan ekuiti asing seperti yang dijanjikan seiring dengan perkembangan sektor perkhidmatan.

Kementerian-kementerian dan agensi berkaitan akan menjalankan kajian semula terhadap peraturan domestik sedia ada dan mengenal pasti program pembinaan kapasiti terutama bagi PKS yang berkaitan dengan perkhidmatan bertujuan membantu inisiatif liberalisasi ini menangani cabaran yang bakal muncul. Aktiviti-aktiviti lain merangkumi program promosi pelaburan dan eksport bagi sub-sektor yang dikenal pasti serta memperkasakan pangkalan data berkaitan.

PRESTASI KESELURUHAN

Sektor perkhidmatan terus menjadi penyumbang terbesar kepada KDNK dengan 57.4%, di mana perkhidmatan bukan kerajaan 49.8% dan perkhidmatan berkaitan kerajaan 7.6% kepada KDNK. Tambah nilai meningkat 6.8% kepada RM320.6 bilion.

Sub-sektor perdagangan borong, perdagangan runcit dan kenderaan bermotor merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK iaitu 13.4%, diikuti oleh sub-sektor kewangan dan insuran (11.6%), sub-sektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan (5.5%) dan sub-sektor komunikasi (4.2%). Sub-sektor komunikasi mencatatkan peningkatan tertinggi dalam tambah nilai iaitu 8.5%, diikuti

sub-sektor utiliti (8.2%) dan sub-sektor perdagangan borong, perdagangan runcit dan kenderaan bermotor (7.9%).

Perdagangan sektor perkhidmatan (tidak termasuk urus niaga Kerajaan) mencatat lebihan dagangan berjumlah RM1.4 bilion, hasil daripada terima bersih yang tinggi bagi sub-sektor perjalanan. Eksport dan import mencatatkan nilai dagangan masing-masing sebanyak RM104.4 bilion dan RM103 bilion.

Pelaburan dalam sektor perkhidmatan berjumlah RM36.74 bilion, terdiri daripada RM32.79 bilion (89.2%) pelaburan domestik dan pelaburan asing RM3.95 bilion (10.8%). Sebanyak 3,281 projek telah diluluskan. Pelaburan utama adalah harta tanah (17.8%), telekomunikasi (17.4%), pengangkutan (15.3%), tenaga (15%) serta perhotelan dan pelancongan (7.6%). Sebanyak 53,453 peluang pekerjaan telah diwujudkan terutamanya dalam sektor perhotelan dan pelancongan, teknologi komunikasi dan maklumat serta sub-sektor pengedaran perdagangan.

PRESTASI SUB-SEKTOR PERKHIDMATAN STRATEGIK TERPILIH

Perkhidmatan Perniagaan dan Profesional

Sub-sektor ini adalah yang paling cepat berkembang yang mana sumbangannya kepada pembangunan industri sebahagian besarnya dipacu oleh kemajuan yang dicapai dalam bidang ICT. Sub-sektor ini juga dikenal pasti sebagai salah satu daripada NKEA di bawah MBE. Menjelang 2020, Malaysia berhasrat untuk menuju kearah tanda aras negara maju, yang mana sumbangannya adalah sebanyak 20% kepada KDNK dan guna tenaga, serta 14% jumlah eksport menjelang 2020.

Sub-sektor perkhidmatan perniagaan dan profesional mensasarkan untuk meningkatkan sumbangan PNK sebanyak RM59 bilion untuk mencapai RM79 bilion dan menambah bilangan pekerjaan 246,000 pada 2020.

Pada 2010, sebanyak 22 Ibu Pejabat Operasi (OHO) telah diluluskan. Modal berbayar adalah berjumlah RM1.1 bilion dengan cadangan belanjawan tahunan perniagaan sebanyak RM197.5 juta. Sebanyak 55 Pertubuhan Serantau (pejabat) yang menyediakan perkhidmatan perantaraan kepada operasi syarikat multinasional dan sekutu di peringkat global dan 96 pejabat-pejabat perwakilan telah diluluskan.

Perdagangan Pengedaran

Perdagangan borong dan runcit merupakan salah satu daripada sub-sektor paling aktif di dalam sektor perkhidmatan. Pada 2010, sub-sektor perdagangan pengedaran mencatatkan RM1.7 bilion pelaburan asing dan RM658 juta pelaburan domestik, di mana sebanyak 857 projek bernilai RM2.4 bilion telah diluluskan. Pada 2015, perdagangan pengedaran dijangka mencatatkan kadar pertumbuhan 8.3% setahun ataupun 15.1% kepada KDNK.

Sub-sektor perdagangan runcit sedang melalui perubahan struktur bagi mendorong permodenan sub-sektor perdagangan pengedaran. Selari dengan dasar-dasar liberalisasi, pindaan garis panduan bagi penyertaan pelaburan asing di dalam Perkhidmatan Perdagangan Pengedaran telah dikuatkuaskan mulai 12 Mei 2010 bagi membuka ruang kepada pasaran untuk menarik lebih banyak pelaburan asing dan menggalakkan gabungan di kalangan peruncit-peruncit tempatan untuk meningkatkan kecekapan dan ekonomi bidangan.

Perkhidmatan Pembinaan

RMK-10 akan memberi impak yang tinggi kepada sub-sektor pembinaan Malaysia yang dijangka bertumbuh sebanyak 3.7% setahun. Sejak 1986, syarikat-syarikat Malaysia telah ditawarkan 609 projek di 49 negara bernilai RM84.60 bilion. Fokus utama projek-projek luar negara merangkumi kerja-kerja penyediaan infrastruktur seperti jalan raya dan lebuh raya, landasan keretapi, jambatan, minyak dan gas serta kerja-kerja pembinaan.

Perkhidmatan Pendidikan

Sebanyak 327 projek untuk institusi pendidikan telah diluluskan. Pelaburan domestik berjumlah RM2.34 bilion dengan mewujudkan 1,933 peluang pekerjaan. Sehingga 31 Disember 2010, seramai 62,705 pelajar asing telah mendaftar di institusi-institusi pengajian tinggi. Empat negara dengan bilangan pelajar terbesar adalah PRC (8,046), Iran (7,009), Indonesia (6,119) dan Nigeria (5,080).

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Kerajaan dan sektor swasta bekerjasama dalam usaha meningkatkan kadar penembusan jalur lebar ke seluruh negara melalui Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) yang telah dilancarkan pada Mac 2010. Projek bernilai RM11.3 bilion yang merupakan inisiatif perkongsian awam dan swasta (PPP) diantara Kerajaan dan Telekom Malaysia Berhad (TM) adalah bagi membangunkan infrastruktur dan perkhidmatan HSBB generasi akan datang bagi negara.

Inisiatif Jalur Lebar Nasional (NBI) mensasarkan 50% kadar penembusan jalur lebar pada akhir 2010. Sehingga pertengahan bulan Oktober, kadar penembusan isi rumah telah melebihi sasaran, iaitu sebanyak 53%.

Sejumlah 50 projek-projek telekomunikasi dengan nilai pelaburan RM6.38 bilion telah diluluskan, manakala 218 projek melibatkan pelaburan RM1.5 bilion diluluskan dengan status MSC. Pelaburan domestik bernilai RM0.9 bilion, pelaburan asing RM0.6 bilion, dengan 12,979 peluang pekerjaan telah diwujudkan.

Perkhidmatan Pengangkutan

Sebanyak 54 projek dengan pelaburan RM5.63 bilion. Pelaburan domestik bernilai RM5.56 bilion, manakala pelaburan asing RM0.07 bilion. Eksport bernilai RM15.1 bilion dan import RM38.2 bilion.

- **Pengangkutan Udara**

Jumlah penumpang pengangkutan udara meningkat 17.8% kepada 62 juta penumpang, yang mana 33.4% (30 juta) merupakan penumpang antarabangsa. Pengangkutan kargo udara meningkat 14.2% kepada 924.1 juta tan metrik, hasil daripada pemuliharaan perdagangan global yang membawa kepada peningkatan sebanyak 13% dalam pengangkutan kargo udara antarabangsa.

- **Pengangkutan Laut**

Pengendalian kargo oleh lima pelabuhan utama iaitu Pelabuhan Klang, Pulau Pinang, Kuantan, Bintulu dan Tanjung Pelepas meningkat sebanyak 13.8% kepada 444.7 juta tan metrik muatan (*freight weight tonnes*). Jumlah throughput kontena dari segi jumlah muatan berdasarkan kepada unit bersamaan dua puluh kaki (TEU) adalah 18 juta TEU, peningkatan sebanyak 15.7%.

- **Pengangkutan Darat**

Pengangkutan jalan raya Malaysia terdiri terutamanya daripada pengangkutan kargo umum disediakan oleh syarikat-syarikat pemunggahan dan treler oleh *prime movers* berdaftar. Sebanyak 3,835 *prime movers* telah didaftarkan. Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang merupakan operator tunggal penghantaran kontena melalui landasan keretapi mengangkut sebanyak 238,251 kontena TEU pada 2010. KTMB juga menguruskan Perkhidmatan Keretapi Elektrik (ETS), iaitu perkhidmatan keretapi antara bandar yang mula beroperasi sepenuhnya mulai Ogos 2010. Perkhidmatan ETS pada ketika ini menghubungkan Ipoh, Kuala Lumpur dan Seremban.

Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Sebanyak lapan institusi penjagaan kesihatan melibatkan pelaburan berjumlah RM559.9 juta telah diluluskan. Perkhidmatan penjagaan kesihatan yang merupakan salah satu NKEA mensasarkan untuk meningkatkan sumbangan kepada PNK sebanyak RM50 bilion menjelang 2020, dan mewujudkan 181,000 peluang pekerjaan dengan cara menarik satu juta pelancong kesihatan dan melaksanakan 1,000 ujian klinikal.

Perkhidmatan Pelancongan

Pelancongan merupakan industri kelima terbesar selepas minyak, gas dan tenaga, perkhidmatan kewangan, perdagangan borong dan runcit serta minyak sawit. Ekspor berjumlah RM56.7 bilion, peningkatan 6.1% hasil daripada peningkatan 4.2% dalam jumlah ketibaan pelancong kepada 24.6 juta. Import pula berjumlah RM19.4 bilion. Sebanyak 50 projek dengan pelaburan bernilai RM2.6 bilion telah diluluskan dan mewujudkan 18,105 peluang pekerjaan.

PROSPEK

Sektor perkhidmatan akan terus memacu pertumbuhan ekonomi pada 2011. Tambah nilai dijangka meningkat sebanyak 7% dan seterusnya meningkatkan sumbangan 58% kepada KDNK.

Sektor perkhidmatan dijangka mencatat lebihan dagangan untuk tempoh empat tahun berturut-turut sejak 2007. Pemulihan beransur-ansur ekonomi dunia dijangka menyumbang kepada prestasi yang lebih baik bagi sub-sektor perkhidmatan terutama bidang-bidang yang dikenal pasti melalui NKEA.

Pelaburan domestik akan terus menyumbang secara ketara kepada sektor perkhidmatan. Minat pelabur asing dijangka meningkat hasil daripada inisiatif liberalisasi yang dilaksanakan Kerajaan, pelaksanaan FTA dan penambahbaikan akses pasaran yang disediakan menerusi ASEAN *Framework Agreement in Services*.



B
A
B

6


**PRODUKTIVITI
DAN
DAYA SAING**

- *Pakej rangsangan ekonomi dan GTP menghasilkan pertumbuhan 5.8% kepada produktiviti*
- *Produktiviti dalam sektor perkhidmatan meningkat sebanyak 4.7% kepada RM50,967*
- *Produktiviti dalam sektor pembuatan berkembang sebanyak 9.4% kepada RM54,932*

TINJAUAN

Ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan produktiviti 5.78% kepada RM51,591 didorong oleh dua sektor utama, iaitu sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan, yang berkembang selaras dengan permintaan domestik yang mampan terutamanya perbelanjaan sektor swasta dan pertumbuhan kukuh permintaan asing.

Carta 6.1: Pertumbuhan Produktiviti 2006-2010



Sumber:

- i. Laporan Ekonomi (pelbagai terbitan), MOF
- ii. Penyiasatan Tenaga Buruh, DOSM dan UPE

INISIATIF DAN TINDAKAN DASAR

Untuk menjadi ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2020, syarikat-syarikat perlu memberi perhatian kepada empat kunci utama produktiviti:

- penggunaan teknologi dalam proses kerja;
- penguasaan pasaran menerusi globalisasi;
- membangunkan tenaga kerja melalui peningkatan kemahiran dan melaksanakan amalan pengurusan bakat; dan
- mengguna pakai amalan pengurusan perniagaan yang baik.

PRESTASI PRODUKTIVITI SEKTOR-SEKTOR TERPILIH

Sektor Perkhidmatan

Produktiviti meningkat 4.7% kepada RM50,967. Prestasi adalah disokong oleh pertumbuhan komunikasi (6.6%), harta tanah dan perkhidmatan perniagaan (5.9%), pengangkutan dan penyimpanan (5.7%), utiliti (5.6%) serta sub-sektor kewangan dan insurans (4.3%). Pertumbuhan ini adalah hasil penggunaan swasta, permintaan pengguna yang tinggi dan pembangunan modal insan.

Sektor Pembuatan

Produktiviti berkembang 9.4% kepada RM54,392, disokong oleh industri berorientasi domestik yang bertambah baik. Empat sub-sektor dengan pencapaian tertinggi adalah logam bukan besi (40%), kelengkapan pengangkutan (37.7%), kelengkapan saintifik dan profesional (28.5%), dan besi dan keluli (23.9%).

Sektor Pembinaan


Produktiviti meningkat 4.6% kepada RM23,898. Sektor ini mendapat faedah daripada aktiviti kejuruteraan awam dan bukan kediaman bagi mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembinaan di bawah RMK-9.

Sektor Pertanian

Produktiviti berkembang sebanyak 1.8% kepada RM27,680 hasil pertambahan dalam pengeluaran minyak sawit dan getah untuk memenuhi permintaan pasaran. Sektor ini juga mendapat faedah daripada penggunaan berterusan teknologi perladangan moden serta jimat tenaga.

Sektor Perlombongan


Produktiviti berkembang 0.1% untuk mencapai RM948,181 (2009: RM946,965) hasil peningkatan dalam permintaan gas asli dari dalam dan luar, mengimbangi penyusutan pengeluaran minyak mentah.



Carta 6.2:
Pertumbuhan Produktiviti
Sektor Ekonomi, 2010

Sumber:

- Laporan Ekonomi (pelbagai terbitan), MOF
- Penyiasatan Tenaga Buruh, DOSM dan UPE



Carta 6.3:
Tahap Produktiviti
Sektor Ekonomi, 2010

Sumber:

- Laporan Ekonomi (pelbagai terbitan), MOF
- Penyiasatan Tenaga Buruh, DOSM dan UPE

PRODUKTIVITI FAKTOR MENYELURUH (TFP) SEKTOR EKONOMI TERPILIH, 2001-2010

Prestasi Nasional

TFP mengukur tahap sinergi dan kecekapan penggunaan modal dan buruh. Bagi tempoh 2001-2010, ekonomi negara mencatat pertumbuhan TFP sebanyak 1.5% dengan pertumbuhan purata KDNK sebanyak 4.6%. TFP menyumbang 36.2% kepada pertumbuhan KDNK, manakala buruh 26% dan modal 37.7%.

Jadual 6.1: Pertumbuhan TFP, KDNK, Modal dan Buruh, 2001-2005 dan 2006-2010

	Pertumbuhan TFP (%)	Pertumbuhan Pengeluaran (%)	Pertumbuhan Modal (%)	Pertumbuhan Buruh (%)	Sumbangan (%)		
					TFP	Modal	Buruh
2001-2010	1.52	4.63	1.75	1.36	32.90	37.73	29.37
2001-2005 (RMK-8)	1.39	4.70	1.77	1.53	29.66	37.77	32.58
2006-2010 (RMK-9)	1.65	4.56	1.72	1.19	36.24	37.70	26.06

Sumber: DOSM

Untuk menjadi lebih berdaya saing, sektor awam dan swasta perlu lebih memperhebatkan inisiatif-inisiatif produktiviti seperti berikut :

- memberi tumpuan terhadap aktiviti-aktiviti yang mempunyai tambah nilai yang tinggi;
- meningkatkan pelaburan dalam pembangunan modal insan;
- meningkatkan penggunaan teknologi dan ICT; dan
- menambah baik teknik pengurusan dan kecekapan organisasi .

Prestasi Sektoral

Sektor pembuatan mencatatkan pertumbuhan TFP sebanyak 0.9% menyumbang 25.4% kepada pertumbuhan output 3.7%, kesan daripada kelembapan ekonomi global ke atas sektor ini.

Jadual 6.2: Pertumbuhan TFP Sektor-sektor Ekonomi, 2001-2010


	Pertumbuhan TFP (%)	Pertumbuhan Pengeluaran (%)	Pertumbuhan Modal (%)	(%)	Sumbangan (%)		
					TFP	Modal	Buruh
Perkhidmatan	1.58	5.71	2.05	2.08	27.7	35.9	36.4
Pembuatan	0.93	3.65	1.77	0.95	25.4	48.6	26.0
Pertanian	1.38	2.89	0.75	0.77	47.4	25.9	26.5
Pembinaan	0.79	2.73	1.85	0.09	28.9	67.9	3.2
Perlombongan	0.18	0.75	0.25	0.32	24.3	33.6	42.1

Sumber: DOSM

Sektor perkhidmatan mencapai pertumbuhan TFP 1.6% hasil pengurusan strategi yang berkesan serta pelaburan berterusan dalam mempertingkatkan teknologi terutamanya ICT. ia menyumbang 27.7% kepada pertumbuhan output 5.7%.

Sektor pertanian mencatatkan pertumbuhan TFP 1.38% menyumbang 47.4% kepada output. Prestasi tersebut adalah disebabkan oleh peningkatan dalam nilai/harga minyak sawit dan produk getah.


Carta 6.4: Pertumbuhan Produktiviti-Malaysia dan Negara-negara OECD Terpilih, 2010



Sumber:

- i. Laporan Ekonomi (pelbagai terbitan), MOF
- ii. Penyiasatan Tenaga Buruh, DOSM
- iii. OECD Economic Outlook, Vol. 86 Database
- iv. National Account of OECD Countries, Detailed Tables, Vol. ii 2009

Carta 6.5: Pertumbuhan Produktiviti-Malaysia dan Negara-negara Asia Terpilih, 2010



Sumber:

- i. Laporan Ekonomi (pelbagai terbitan), MOF
- ii. Penyiasatan Tenaga Buruh, DOSM
- iii. Country Data, The Economic Intelligence Unit
- iv. Market Indicator and Forecast, The Economic Intelligence Unit

PERBANDINGAN PRODUKTIVITI ANTARABANGSA

Beberapa negara OECD mencatatkan pertumbuhan positif produktiviti pada 2010, hasil daripada pemulihan ekonomi global. Pertumbuhan diantara 1% hingga 4.9% dengan purata produktiviti 2.8%.

Produktiviti negara meningkat 5.8% hasil daripada pakej rangsangan ekonomi dan kemudahan polisi kewangan serta pelaksanaan inisiatif transformasi Kerajaan. Malaysia dianggap berdaya saing berdasarkan eksport barang melebihi 82% daripada KDNK pada tahun 2010 serta peratusan imbangan akaun semasa kepada KDNK sebanyak 16.8%. Ia adalah berikutan lebihan yang besar dalam akaun semasa, ditambah dengan lebihan yang berterusan dalam akaun sektor perkhidmatan, hasil daripada terimaan perjalanan yang lebih tinggi.

ROK mencatat pertumbuhan produktiviti 4.9% diikuti Jepun 4.1%, hasil daripada pertumbuhan eksport yang kukuh berpunca daripada peningkatan permintaan daripada pasaran Asia dan hakikat bahawa pasaran AS dan Eropah yang beransur pulih.

Dikalangan negara-negara Asia, Singapura mencatat pertumbuhan produktiviti tertinggi sebanyak 11.8%, diikuti oleh PRC 10% dan Chinese Taipei 8.2%.

Jadual 6.3: Tahap Produktiviti dan Pertumbuhan Ekonomi Terpilih, 2010

Negara	Produktiviti dalam AS\$ (pada harga malar 2000)	Pertumbuhan Produktiviti (%)
Jepun	80,307	4.1
AS	80,284	3.2
Sweden	66,020	3.4
Hong Kong SAR	63,461	6.0
UK	59,276	1.8
Singapura	54,556	11.8
Germany	51,272	3.3
Australia	50,235	1.0
Chinese Taipei	43,010	8.2
ROK	33,628	4.9
New Zealand	30,948	1.7
Malaysia	13,577	5.8
Thailand	4,854	5.9
PRC	4,087	10.0
Filipina	3,324	4.0
Indonesia	2,895	2.8
India	2,736	6.7


Sumber:

- i. Laporan Ekonomi (pelbagai terbitan), MOF
- ii. Penyiasatan Tenaga Buruh, DOSM dan UPE

PROSPEK

Malaysia dijangka mengalami aliran pertumbuhan yang lebih stabil bagi tempoh 2011-2015, dengan KDNK benar dijangka meningkat pada purata 6% setahun untuk mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2020. Untuk itu, ekonomi negara perlu mencapai pertumbuhan tahunan produktiviti (8.6%),

Diagram 6.1: Agenda Strategik–Pertumbuhan yang Dipacu oleh Produktiviti



Sumber: RMK-10

Artikel 6.1: TQM Membawa Kejayaan

Autokeen Sdn. Bhd. ditubuhkan pada 1988 dengan modal berbayar sebanyak RM50,000, telah memulakan operasi di kilang yang disewa di Jalan 215, Petaling Jaya. Ia mempunyai 30 tenaga kerja dan anggaran jualan tahunan sebanyak RM0.6 juta. Autokeen bermula dengan mengeluarkan alat ganti untuk Proton dan dilantik sebagai pembekal first-tier pada 2004 dan seterusnya dilantik sebagai pembekal Perodua. Untuk menampung perluasan operasi, Autokeen telah berpindah ke kilang milik sendiri di Kampung Melayu Subang.


Menyedari bahawa industri automotif negara semakin kompetitif, Autokeen menjadikan penambahbaikan berterusan sebagai keutamaan syarikat. Autokeen telah diberi pengiktirafan ISO 9002 pada 2001 dan dinaik taraf kepada ISO TS 16949/2002 pada 2005.

Pada 2009, MPC telah memilih Autokeen sebagai syarikat contoh untuk program Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM), di mana ianya membantu dalam menyemai kesedaran mengenai kualiti. Program TQM bertujuan untuk meningkatkan kepuasan pelanggan melalui kaedah yang sistematis dalam penyelesaian masalah dan mengelakkan penyeragaman. Dalam tempoh setahun pelaksanaan TQM, Autokeen telah menikmati banyak faedah dalam pelbagai bidang seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.

Rajah 1: Faedah-faedah TQM

Pengurangan Aduan Pelanggan


Aduan Pelanggan (2009 dan 2010)



Penambahbaikan dalam penjadualan pengeluaran yang menepati waktu bagi inventori telah meningkatkan kecekapan penyampaian dan kualiti. Hasilnya, pelanggan telah memberikan respon yang positif kepada prestasi penyampaian.

Pengurangan Inventori Bahan Mentah


Status bahan mentah (RM juta)



Pengurangan inventori kesan daripada penambahbaikan dalam penjadualan penghantaran oleh pembekal dan pelaksanaan penyemakan stok secara visual yang bersesuaian.

Peningkatan Produktiviti


Hasil daripada Peningkatan Produktiviti Bagi Produk-Produk Utama



Penambahbaikan telah dicapai setelah mengambil kira keperluan pengeluaran berdasarkan aktiviti Kawalan Pengeluaran.

Peningkatan Tahap Kepuasan Pekerja

Penarafan



Peningkatan kepuasan pekerja dicatatkan setelah penambahbaikan pakej faedah gaji diluluskan oleh pihak pengurusan.



B
A
B

- PKS dikenal pasti sebagai sumber pembangunan, guna tenaga dan inovasi
- 226 program bernilai RM7.1 bilion dilaksanakan di bawah SMEIPA - Menggalakkan pertumbuhan PKS
- AEC Blueprint memacu pertumbuhan PKS serantau (ASEAN)

7

PKS:
PENERAJU
TRANSFORMASI
PERNIAGAAN

TINJAUAN

SME Corp. Malaysia memulakan operasi sebagai Agensi Penyelarasan Pusat bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pada 2 Oktober 2009. Ini menunjukkan komitmen Kerajaan kepada agenda pembangunan PKS negara dengan penubuhan sebuah agensi khusus untuk merangka dan menyelaras pelbagai program pembangunan secara bersepadu yang melibatkan lebih 17 Kementerian dan 60 Agensi.

Bagi memastikan PKS diberi bantuan dan dorongan bagi mempertingkatkan daya saing terutamanya dalam aspek pendedahan antarabangsa dan akses pasaran, SME Corp. Malaysia telah memperkenal dan melaksanakan pelbagai program pembinaan keupayaan dengan memberi penekanan kepada inovasi dan penjenamaan.

DASAR PEMBANGUNAN PKS

Inisiatif di bawah RMK-10

Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai langkah bagi mentransformasi Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.

Akses Pembiayaan

- Tambahan peruntukan sebanyak RM3 bilion kepada *Working Capital Guarantee Scheme* (WCGS) dengan RM1.5 bilion diperuntukkan kepada usahawan Bumiputera.
- Penubuhan Tabung Inovasi Mudharabah (MIF) dengan peruntukan sebanyak RM500 juta untuk menyediakan modal risiko dalam bentuk ekuiti kepada syarikat usaha modal Kerajaan.
- Dana Pembangunan Perniagaan akan ditubuhkan dengan peruntukan permulaan sebanyak RM150 juta bagi merapatkan jurang pembiayaan antara peringkat awal pengkomersilan dan pembiayaan modal teroka bagi produk berteknologi tinggi.
- Sumber kewangan Bank SME dan Agrobank akan ditingkatkan bagi membolehkan bank-bank tersebut menyediakan perkhidmatan efektif kepada para usahawan PKS.
- Peruntukan kewangan yang mencukupi kepada SME Corp. Malaysia bagi membolehkan PKS berpotensi menerima bantuan yang sewajarnya.
- Pekerja ladang yang berminat mencebur perniagaan kecil akan diberi akses kemudahan pembiayaan mikro Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN). Skim ini meliputi latihan keusahawanan oleh Institut Usahawan Nasional (INSKEN), Pusat Giat Mara dan Institut Kemajuan Desa (INFRA).

Laluan Hijau bagi Perolehan

- PKS yang berjaya menembusi pasaran antarabangsa, atau mendapat pengiktirafan di dalam atau di luar negeri dari segi kualiti dan inovasi akan diberi akses *laluan hijau* atau keutamaan dalam proses perolehan Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC).

Peningkatan Kemahiran

- Skop bagi geran-geran HRDF dan SME Corp. Malaysia akan diperluaskan untuk membantu PKS memberi latihan kepada pekerja.
- Peruntukan sebanyak RM500 juta kepada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran sebagai pinjaman kepada pekerja untuk menjalani latihan.

Hasil Mesyuarat Majlis Kebangsaan Pembangunan PKS (NSDC) Ke-10

Pembangunan PKS telah menjadi agenda negara sejak penubuhan NSDC pada 2004. NSDC telah mengambil pelbagai inisiatif bagi mempromosi pembangunan daya saing, inovasi dan daya tahan PKS. Program-program tersebut dibentuk berdasarkan tiga teras strategik: memperkuuh prasarana; pembangunan kapasiti dan keupayaan PKS; dan memudahkan akses pembiayaan kepada PKS.

Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA) merupakan satu daripada inisiatif utama yang diperkenalkan oleh NSDC. Sebanyak 226 program dengan komitmen pembiayaan berjumlah RM7.1 bilion telah dilaksanakan pada 2010. Sebahagian besar program adalah berkaitan pembinaan kapasiti dan keupayaan, diikuti dengan peningkatan akses kepada pembiayaan dan pengukuhan prasarana.

PRESTASI PKS PADA 2010

Berdasarkan data siri sepuluh tahun yang dikeluarkan oleh DOSM, PKS didapati telah mencatatkan pertumbuhan sejak 2004. Sepanjang tempoh 2004-2009, pertumbuhan tambah nilai PKS pada purata 6.3% setahun secara konsisten telah mengatasi pertumbuhan keseluruhan 4.5% KDNK. Antara faktor utama yang menyumbang kepada trend ini ialah dasar-dasar Kerajaan yang menyokong PKS termasuk:

- penubuhan NSDC;
- peningkatan sistem penyampaian awam melalui Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH);
- promosi Tahun Melawat Malaysia bagi menggalakkan pelancongan;
- pemodenan sektor pertanian; dan
- mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembinaan.

Sumbangan PKS kepada ekonomi negara adalah masih kecil jika dibandingkan dengan sumbangan PKS di negara-negara maju iaitu sebanyak 31.2% daripada KDNK pada 2009. Pada 2010, pertumbuhan tambah nilai dijangka meningkat diantara 8% dan 8.5% manakala pertumbuhan keseluruhan ekonomi adalah pada 7.2%. Hasilnya, sumbangan PKS kepada KDNK telah meningkat dengan sebahagian besarnya dipacu oleh pertumbuhan kukuh dalam sektor perkhidmatan dan industri pembuatan berorientasikan domestik.

Pakej Rangsangan Kedua

Skim jaminan khas telah diperkenalkan bertujuan mengekalkan keyakinan para pelabur dan melestarikan aliran kredit bagi membantu aktiviti sektor swasta. Skim-skim tersebut meliputi:

- Skim Bantuan Jaminan PKS (SME AGS) bernilai RM2 bilion bagi membantu PKS berdaya maju yang terjejas akibat krisis kewangan global. Langkah tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Sehingga Disember 2009, kesemua peruntukan telah diagihkan kepada 9,298 PKS dari pelbagai sektor;
- Skim Jaminan Pembiayaan Penstrukturkan Semula Industri (IRFGS) bernilai RM5 bilion bagi membolehkan PKS menyusun semula aktiviti bagi meningkatkan rantaian nilai dan menggalakkan penggunaan teknologi hijau. Sehingga 31 Disember 2010, sejumlah RM1.1 bilion pinjaman telah diluluskan kepada 268 syarikat; dan
- Skim Jaminan Modal Kerja (WCGS) bernilai RM5 bilion bertujuan menyediakan modal kerja kepada syarikat dengan nilai pegangan ekuiti di bawah RM20 juta. Hasil daripada sambutan yang menggalakkan, Kerajaan telah menyalurkan RM2 bilion daripada IRFGS kepada WCGS, menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM7 bilion. Sehingga 31 Disember 2010, sejumlah RM5.9 bilion pinjaman telah diagihkan kepada 5,329 syarikat PKS.

CABARAN-CABARAN PKS

Kekurangan Tenaga Kerja Mahir

Penawaran tenaga kerja yang tidak sepadan dengan permintaan menjadi cabaran utama kepada PKS. Sektor pertanian dan pembuatan mengalami kekurangan tenaga kerja tidak mahir manakala sektor perkhidmatan mengalami kekurangan pekerja separa mahir (penyelia dan juruteknik) serta pengurusan dan eksekutif.

Masalah kekurangan pekerja menjadi lebih kritikal apabila kebanyakan PKS tidak berminat untuk menghantar kakitangan mereka untuk menjalani latihan disebabkan tenaga kerja yang terhad dan keimbangan pekerja akan berpindah ke syarikat lain.

Daripada 73 program yang dijalankan oleh 13 Kementerian, hanya 16% daripada keseluruhan PKS telah mengambil bahagian.

Kerajaan meneruskan usaha untuk meningkatkan pembangunan modal insan bagi PKS, terutamanya menerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) yang telah dipertanggungjawabkan oleh NSDC untuk memantau latihan dan pembangunan sumber manusia bagi PKS.

Akses kepada Pembiayaan

Akses kepada pembiayaan masih menjadi isu terutamanya di peringkat memulakan syarikat, ICT, dan sektor baru muncul seperti industri kreatif dan teknologi hijau. Bagi menangani isu tersebut, Kerajaan telah menyediakan skim-skim pembiayaan khas berikut:

- Dana Industri Kreatif (CIF) bernilai RM200 juta bagi membiayai aktiviti seperti pembikinan filem dan pengeluaran drama, muzik, animasi, pengiklanan dan pembangunan kandungan tempatan; dan
- Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) bernilai RM1.5 bilion bagi tujuan mempromosikan pelaburan teknologi hijau.

Akses kepada pembiayaan merupakan cabaran utama bagi enterpris kecil dan mikro yang biasanya tidak mempunyai rekod kewangan teratur dan dengan itu dianggap tidak layak oleh institusi kewangan untuk mendapat pembiayaan. Bagi menangani isu ini, kerajaan telah menubuhkan Tabung Perusahaan Mikro (MEF) untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan dan skim-skim pembiayaan mikro yang ditawarkan menerusi Agrobank, TEKUN dan AIM.

Akses kepada Pasaran

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menggalakkan PKS mendapat akses kepada pasaran eksport, termasuklah melalui Program Groom BIG oleh MITI, Pusat Inovasi Penjenamaan (BIC) dan *National Mark of Malaysian Brand* oleh SME Corp. Malaysia.

Bagi membantu PKS meneroka pasaran domestik dan antarabangsa, SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing telah menubuhkan Pusat Inovasi Penjenamaan (BIC) dan Galeri Pembungkusan Bergerak bagi Penjenamaan dan Pembungkusan bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penjenamaan dan pembungkusan. Usaha-usaha dipertingkatkan untuk mempromosi penggunaan *National Mark of Malaysian Brand* sebagai simbol kualiti, cemerlangan dan keunggulan produk serta perkhidmatan Malaysia.

Penggunaan Teknologi dan Inovasi

Teknologi dan inovasi adalah penting bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan menerusi pengurangan pembaziran dan kos yang menghasilkan peningkatan keuntungan dan daya maju PKS. Walau bagaimanapun, PKS pada kebiasaannya tersisih daripada aliran teknologi kerana teknologi sering dikaitkan dengan pelaburan besar. Justeru, PKS lebih berintensifkan buruh dengan penggunaan automasi yang terhad, terutamanya industri desa (*backyard*) yang kebanyakannya terdiri daripada enterpris mikro.

Bagi menangani isu ini, Kerajaan terus menggalakkan penggunaan teknologi dan inovasi dikalangan PKS menerusi agensi-agensi seperti Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan SIRIM Berhad. MITI, menerusi SME Corp. Malaysia juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menggalakkan akses kepada teknologi dan inovasi, seperti SMIDEX 2010 – Pameran Inovasi PKS dan Program 1-InnoCERT.

Akses kepada Khidmat Nasihat dan Maklumat

Maklumat berkenaan program bantuan PKS boleh diperolehi daripada *One Referral Centre* (ORC). SME Corp. Malaysia menawarkan perkhidmatan khidmat nasihat melalui Panel Penasihat Pakar PKS (SEAP) yang menawarkan nasihat pakar tentang pembangunan teknologi, produktiviti dan penambahbaikan kualiti, pembangunan produk, R&D, penambahbaikan kepada proses dan pemasaran.

SME Corp. Malaysia menerbitkan maklumat berkaitan inisiatif PKS seperti Laporan Tahunan PKS 2009/10, SME Newslink dan SME e-News. Maklumat juga boleh diperolehi menerusi laman sesawang rasmi SME Corp. Malaysia, www.smecorp.gov.my, Facebook dan SME Info Portal.

PROGRAM PEMBANGUNAN SME CORP. MALAYSIA

Program Akses Pasaran

SMIDEX 2010 – Pameran Inovasi PKS

SMIDEX 2010 yang bertemakan ‘Mempelopori Transformasi Perniagaan menerusi Inovasi’ telah mengadakan 329 sesi padanan perniagaan yang menghasilkan potensi jualan bernilai RM93.92 juta. Sesi-sesi tersebut melibatkan 88 PKS, 13 MNC/GLC dan sebuah syarikat dari ROK. Kejayaan kerjasama dengan bank dan institusi kewangan telah memudahkan akses kepada pembiayaan dan hasilnya, sejumlah RM105.75 juta pinjaman telah diluluskan oleh lapan bank kepada 24 PKS.

Program Rantaian Industri (ILP)

ILP memudahkan PKS untuk menjadi pembekal alat ganti, komponen dan perkhidmatan kepada syarikat-syarikat besar, MNC dan GLC. Inisiatif utama ILP ialah sesi padanan perniagaan yang diadakan semasa Pameran Tahunan SMIDEX dan melalui program-program yang dianjurkan oleh MITI, seperti ‘Pameran Satu Daerah Satu Industri (SDSI) 2010’ dan Ekspo Usahawan Groom Big. Sejumlah 207 PKS telah dihubungkan dengan MNC/GLC/syarikat besar dengan potensi jualan bernilai RM106.25 juta.

Program Pembangunan Jenama PKS

Program ini diadakan bertujuan untuk memperbaiki imej produk dan perkhidmatan PKS termasuk:

- i. **National Mark of Malaysian Brand**
SME Corp. Malaysia melalui kerjasama SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah memperkenalkan *National Mark of Malaysian Brand* bagi mengiktiraf produk dan perkhidmatan PKS yang menonjolkan ciri-ciri jenama Malaysia yang berkualiti, cemerlang dan unggul. Sehingga Disember 2010, sebanyak 15 daripada 44 syarikat yang memohon telah diberi pensijilan *Malaysian Brand*. Baki permohonan masih diaudit.

ii. Persidangan Penjenamaan Usahawan (***Brand Entrepreneur (BEC)***) 2010

SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Persatuan Penjenamaan Malaysia (BAM) telah menganjurkan BEC 2010 pada Julai 2010. Raja Muda Perak Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Shah telah menyempurnakan perasmian dan menyampaikan sijil *National Mark of Malaysian Brand* kepada 14 penerima pertama.

iii. Mewujudkan Kesedaran Tentang Kepentingan Penjenamaan

Bengkel Manual Penjenamaan (Brand Manuals)

Sebanyak lima bengkel telah diadakan bagi menggalakkan syarikat tempatan untuk menyertai Skim Pensijilan *National Mark of Malaysian Brand* dan membangunkan manual jenama mereka.

Pusat Inovasi Penjenamaan (BIC)

BIC telah dilancarkan pada Mac 2010 dengan objektif mewujudkan kesedaran tentang kepentingan penjenamaan dan pembungkusan serta menyediakan latihan kepada PKS. Sebanyak enam sesi latihan telah diadakan melibatkan 280 peserta.

Galeri Penjenamaan dan Pembungkusan Bergerak

Galeri bergerak ini melibatkan sebuah bas yang dilengkapi bahan dan sampel pembungkusan yang bertujuan mendidik PKS di luar bandar menerusi khidmat nasihat, penyebaran maklumat dan latihan tentang penjenamaan dan pembungkusan melalui kerjasama SIRIM, MyIPO dan FMM. Sehingga Disember 2010, Galeri Bergerak telah melaksanakan 19 perjalanan ke seluruh Semenanjung Malaysia, yang memberi manfaat kepada seramai 2,830 peserta di pelbagai lokasi seperti di Bukit Beruntung, Felda Serting Hilir 4, Seberang Perai, Baling, Ipoh, Besut, Melaka dan Kubang Pasu.

Program Pembinaan Keupayaan

Program Peningkatan Kemahiran (Skills Upgrading Programme)

Program ini ditawarkan oleh 41 Pusat Pembangunan Kemahiran (SDC) dan Penyedia Latihan Profesional (PTP) yang dilantik. Seramai 8,792 pekerja dari 5,302 PKS telah dilatih bagi tempoh Januari hingga Disember 2010. Kursus yang paling mendapat sambutan adalah seperti komunikasi, kepimpinan, jualan dan pemasaran, penjenamaan, perakaunan dan pengurusan kewangan.

Program Pelatih PKS – Universiti

Program ini menyediakan peluang untuk para pelajar mengaplikasikan pengetahuan dalam persekitaran sebenar perniagaan dan mempelajari amalan perniagaan terbaik. Tujuh universiti iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Perlis (UNiMAP) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah melaksanakan program tersebut yang melibatkan seramai 169 pelajar dan 37 PKS.

Program Bantuan Pakar Teknikal Automotif di bawah Kerjasama Industri Automotif Malaysia-Jepun (MAJAICO A-1)

Matlamat MAJAICO A-1 adalah menaiktaraf pengeluar komponen dan alat ganti automotif tempatan, terutamanya PKS ke tahap aktiviti tambah nilai lebih tinggi menerusi pembinaan keupayaan di bawah *Lean Production System (LPS)*. Pelbagai penambahbaikan yang boleh diukur dan kesan *bottom-line* telah dilaksanakan menerusi aktiviti mingguan KAIZEN.

Sejak November 2006, sebanyak 83 syarikat telah menyertai MAJAICO A-1 dengan melaksanakan 192 projek penambahbaikan. Syarikat-syarikat dibimbing dan diselia oleh 68 pakar industri Jepun yang berpengalaman luas dalam industri automotif. MAJAICO A-1 dijadualkan akan berakhir pada Jun 2011.

Program 1-Innovation Certification for Enterprise Rating & Transformation (1-innoCERT)

PKS yang menyertai Program 1-innoCERT akan diberi bimbingan dalam melaksanakan sistem inovasi, proses dan model-model perniagaan. Program ini adalah berdasarkan skim yang telah dilaksanakan di ROK. Walau bagaimanapun, kriteria penilaian adalah mengikut kesesuaian syarikat tempatan. Penilaian bagi Program 1-innoCERT adalah berdasarkan inovasi teknologi, pengkomersilan teknologi, keupayaan pengurusan inovasi teknologi dan penghasilan inovasi teknologi.

Sehingga 31 Disember 2010, sebanyak 66 syarikat telah diberi persijilan 1-innoCERT di mana 65 merupakan PKS. Syarikat-syarikat tersebut akan diberi keutamaan dari aspek bantuan kewangan dan program pembangunan di bawah Dasar Laluan Hijau yang sedang dirangka.

Anugerah Inovasi PKS

Bagi menggalakkan lebih banyak penyertaan PKS dalam program 1-innoCERT, SME Corp. Malaysia telah memperkenalkan Anugerah Inovasi PKS yang menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM1 juta kepada PKS paling inovatif. Setiap pemenang bagi enam kategori akan menerima hadiah wang tunai berjumlah RM200,000. PKS yang diiktiraf 1-innoCERT layak untuk menyertai anugerah ini.

Program Penarafan Daya Saing PKS untuk Peningkatan (SCORE)

SCORE merupakan mekanisme pengukur bagi menilai dan memberi taraf daya saing PKS berdasarkan prestasi dan keupayaan syarikat dari segi keupayaan pengurusan, pengurusan operasi, penggunaan teknologi, inisiatif pensijilan, keupayaan teknikal, keupayaan kewangan dan keupayaan pemasaran. Syarikat-syarikat yang diberikan taraf 0 ke 2-Bintang akan diberikan bimbingan berterusan (*hand holding*) bagi meningkatkan keupayaan, manakala PKS dengan penarafan 3-Bintang dan ke atas akan dipilih untuk menyertai misi perdagangan dan program rantaian. Sehingga 31 Disember 2010, sebanyak 5,246 PKS telah dinilai. Sebahagian besar, iaitu 66.3% PKS diberi taraf 2-Bintang dan ke bawah, diikuti 29.5% 3-Bintang dan 4.2% 4-Bintang. Tiada PKS yang telah diberikan penarafan 5-Bintang.

SME Corp. Malaysia telah membangunkan mekanisme penilaian *Micro Enterprise Competitiveness Rating for Enhancement* (M-CORE) yang bertujuan memenuhi keperluan khusus enterpris mikro. M-CORE yang merupakan versi SCORE yang diper mudahkan memberi penekanan kepada pengen alpastian prestasi perusahaan mikro menerusi empat aspek iaitu prestasi perniagaan, keupayaan kewangan, operasi dan pengurusan. M-CORE adalah untuk membantu PKS mencapai prestasi yang lebih tinggi. Sehingga 31 Disember 2010, sebanyak 101 perusahaan mikro telah dinilai menerusi M-CORE dengan majoritinya (63.4%) diberi penarafan tahap 2, diikuti 33.6% pada tahap 1 dan 3% pada tahap 3.

PRESTASI SKIM BANTUAN KEWANGAN

Mulai Disember 2009, skim-skim geran yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia di bawah RMK-9 dihentikan secara beransur-ansur apabila peruntukan telah digunakan sepenuhnya. SME Corp. Malaysia memberi tumpuan kepada memproses permohonan geran yang diterima. Daripada 7,551 permohonan yang diterima, 5,739 permohonan berjumlah RM101.7 juta telah diluluskan.

Skim geran yang dilaksanakan di bawah RMK-9 telah disempurnakan pada 2010. Daripada 25,376 permohonan yang diterima, 19,387 telah diluluskan dengan nilai keseluruhan berjumlah RM602 juta. Walau bagaimanapun, pembiayaan di bawah Pinjaman Mudah PKS masih lagi diperolehi dalam bentuk dana pusingan. Pada 2010, 193 daripada jumlah 268 permohonan telah diluluskan dengan pinjaman berjumlah RM134.1 juta.

KERJASAMA ANTARABANGSA

PKS dalam Forum Antarabangsa

Kumpulan Kerja PKS ASEAN (SMEWG) yang ditubuhkan pada 1997 bertujuan membincang dan melaksanakan program-program kerja selaras dengan *ASEAN Policy Blueprint for SME Development (2004-2014)* dan *Blueprint Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) (2010-2015)*. Faedah yang diperolehi melalui program ini adalah seperti berikut:

- peluang kepada pekerja PKS untuk menjalani latihan di institusi latihan luar negara;
- peluang bagi PKS mendapatkan khidmat rundingan daripada pakar asing dalam aspek pembangunan terperinci;
- penyertaan jurulatih daripada institusi latihan tempatan dalam program *Training-of-Trainers (ToT)*; dan
- penyertaan pembuat dasar dalam perbincangan mengenai pembangunan dasar PKS dan berkongsi maklumat tentang amalan terbaik di peringkat serantau.

Di bawah Pelan Induk AEC, Malaysia dan Brunei menjalankan secara usahasama projek untuk mewujudkan fasilitasi pembiayaan PKS bagi negara-negara anggota ASEAN. Dua bengkel kerja telah dianjurkan bagi mengumpul maklumat mengenai kemudahan pembiayaan sedia ada di setiap negara anggota. Sebuah Panel Pakar bagi Pembiayaan telah dibentuk untuk menyediakan pusat rujukan tentang perkara-perkara berkaitan pembiayaan PKS.

Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM) bersetuju mewujudkan Lembaga Penasihat PKS ASEAN yang berfungsi sebagai forum rangkaian kepada wakil-wakil daripada sektor awam dan swasta dengan matlamat meningkatkan daya tahan dan daya saing PKS. Lembaga Penasihat tersebut ditugaskan untuk menyediakan input bagi dasar strategik berkaitan pembangunan PKS kepada para Menteri dan pihak yang berkaitan.

Pada November 2010, Ketua Agensi PKS ASEAN telah mempertimbangkan terma rujukan dan memutuskan bahawa mesyuarat pertama bagi Lembaga Penasihat akan diadakan pada 2011.

Pada 2010, Jepun telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Menteri berkaitan PKS APEC (SMEMM) yang bertemakan '*Strategy for Reinvigorating Economic Growth with Dual Engine: SME and Asia Pacific Economy*'. SMEMM telah mengenal pasti PKS sebagai sumber penting kepada kemakmuran dan pekerjaan serta menjadi penyumbang utama kepada inovasi. Berdasarkan laporan oleh negara-negara anggota mengenai kesan krisis kewangan global, PKS di rantau Asia Pasifik kekal berdaya tahan dan terus mencatatkan pertumbuhan positif.

Malaysia telah menjalankan kajian mengenai Perolehan Kerajaan sebagai maklum balas kepada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Persekutuan Perniagaan di bawah Pelan Strategik APEC SMEWG (2009-2012). Kajian tersebut mendapati bahawa negara-negara yang mengamalkan dasar PKS yang khusus bagi Perolehan Kerajaan akan memberi faedah secara langsung kepada PKS dalam akses pasaran domestik. Hasil kajian ini akan digunakan oleh Kementerian Kewangan (MOF) untuk memperkenalkan dasar khusus untuk PKS Malaysia yang dikenali sebagai Dasar Laluan Hijau.

Menteri-menteri APEC bersepakat tentang kepentingan untuk memperkuatkkan akses PKS kepada pasaran global menerusi model 'One Village One Product', pameran perdagangan, program *internship* dan pertukaran antarabangsa, serta persekitaran perniagaan terbuka dan telus.

Kerjasama Dua Hala

SME Corp. Malaysia telah menandatangani dua MoU dengan Tabung Sosial bagi Pembangunan Mesir (SFD) dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (MIPR) daripada negara Brunei Darussalam. SME Corp. Malaysia juga memperbaharui MoU dengan Perbadanan Perniagaan Kecil Republik Korea (SBC). Ketiga-tiga MoU memberi tumpuan kepada pertukaran pengetahuan dan maklumat berkenaan pembangunan PKS. SME Corp. Malaysia bekerjasama dengan SBC ROK menganjurkan seminar bertajuk '*Sharing of Best Practices on Korean SME Development Policies and Initiatives*'.

KHIDMAT NASIHAT DAN OUTREACH

SME Corp. Malaysia menganjurkan pelbagai program *outreach* seperti konvensyen, seminar, bengkel kerja, pameran dan taklimat teknikal ke seluruh Malaysia. Di peringkat daerah pula, Pejabat SME Corp. Malaysia negeri bekerjasama dengan Kerajaan negeri, pertubuhan industri dan dewan perniagaan. Sejumlah 214 program *outreach* telah diadakan, melibatkan seramai 177,947 peserta termasuk 142,524 PKS di peringkat daerah.

One Referral Centre (ORC)

ORC merupakan pusat rujukan bagi PKS untuk mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat tentang program, insentif, skim dan bantuan. Kemudahan-kemudahan yang disediakan termasuklah kios maklumat, kios alatan PKS dan pusat sumber. Produk-produk PKS juga dipamerkan di Galeri Produk. Pakar-pakar industri menganjurkan '*Pocket-Talks*' secara mingguan berkaitan pelbagai topik dan perunding perniagaan adalah disediakan untuk memberi bantuan khidmat rundingan secara percuma.

Anugerah Enterpris 50 (E50)

Anugerah E50 merupakan anugerah berprestij bagi mengiktiraf dan menonjolkan syarikat-syarikat tempatan yang berjaya. Anugerah ini mendorong syarikat-syarikat untuk mempertingkatkan keupayaan dan memperbaiki produk dan daya saing pasaran. Sejak diperkenalkan pada 1997, anugerah ini telah menerima 1,590 pencalonan dengan 493 pemenang. Pemenang utama Anugerah E50 bagi tahun 2010 ialah Swift Energy Sdn. Bhd.

Projek Pembangunan Sumber Manusia SME Corp. Malaysia dan Japan International Cooperation Agency (JICA)

Pada tahun 2004, SME Corp. Malaysia dengan kerjasama JICA dan Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri telah memulakan Projek Kerjasama Teknikal Pembangunan Sumber Manusia bagi PKS. Projek tiga tahun di bawah inisiatif Perjanjian Kerjasama Ekonomi Malaysia-Jepun (MJEP) bertujuan melatih pegawai daripada SME Corp. Malaysia, MATRADE, MPC, Human Resource Development Berhad (SMB) dan SME Bank sebagai Kaunselor Perniagaan PKS.

Projek fasa pertama telah berakhir pada 2009, dengan seramai 67 Kaunselor Perniagaan PKS telah menamatkan latihan mereka. Seramai 30 pelatih terbaik bagi fasa pertama telah menerima latihan lanjutan daripada pakar industri daripada Jepun bagi membolehkan mereka menjadi pelatih bertauliah yang akan melatih 120 Kaunselor Perniagaan PKS yang baru. Bermula Mac 2010, seramai 20 pegawai yang telah tamat latihan di bawah fasa kedua telah memulakan latihan mereka.

PROSPEK

Pelan Induk PKS telah dibangunkan untuk mewujudkan ekosistem perniagaan yang menggalakkan pertumbuhan, produktiviti dan daya saing global PKS merentasi kesemua sektor. Ia menetapkan haluan bagi PKS untuk mencapai peningkatan besar dalam pertumbuhan KDNK dan membentuk *jaguh* di peringkat nasional, serantau dan global yang akan menerajui pertumbuhan ekonomi. Bagi tujuan tersebut, strategi serampang dua mata akan dilaksanakan:

- PKS yang lebih berjaya dan inovatif akan disokong bagi merealisasikan potensi sepenuhnya dan seterusnya berintegrasi dengan pasaran global; dan
- lebih banyak sokongan dan bantuan akan disediakan kepada enterpris mikro yang menjadi sebahagian besar daripada 40% PKS yang berpendapatan rendah.

Terdapat juga perubahan dalam melaksanakan bantuan PKS daripada bantuan berdasarkan aktiviti kepada bantuan berdasarkan program yang disasarkan. Ini merangkumi pelaksanaan kaedah berdasarkan hasil dalam memantau dan menilai keberkesanannya program pembangunan PKS dan penyediaan pembiayaan yang mampar.

SME Corp. Malaysia akan memperkenalkan dua program bantuan bersepada yang baru iaitu '*Business Accelerator Programme (BAP)*' dan '*Enrichment & Enhancement Programme*' (E²). Kedua-dua program ini akan menyediakan sokongan bersepada dari segi penilaian, pembinaan keupayaan, khidmat nasihat dan bantuan teknikal serta memudahkan akses kepada pembiayaan. Pelaksanaan program baru ini serta 217 program lain oleh 17 Kementerian dan lebih 60 Agensi, dijangka akan memberi faedah kepada lebih 500,000 PKS pada 2011.

Artikel 7.1: IC Microsystems Sdn. Bhd. (ICmic)

IC Microsystems Sdn. Bhd. yang berpusat di Cyberjaya merupakan PKS paling inovatif di Malaysia dan merupakan sebuah syarikat tempatan utama dalam industri reka bentuk Litar Bersepadu (IC).

Reka bentuk meluas ICmic merangkumi produk-produk telekomunikasi dan perisian IC dengan permintaan daripada pasaran utama seperti AS, Eropah dan PRC. Pencapaian awal yang dicatatkan ialah apabila syarikat ini mengeluarkan Cip IC penukar digital ke analog yang termaju di dunia pada 2002. Pasaran domestik ditembusi apabila syarikat berjaya memperolehi kontrak penting bagi penyediaan telefon yang dilengkapi dengan cip IC telefon tunggal buatan ICmic kepada Telekom Malaysia Berhad. Kini, cip IC telefon tunggal merupakan hasil jualan terbesar bagi syarikat dengan jualan melebihi 700,000 unit.

Cabarannya pada awal penubuhan ICmic adalah untuk mendapatkan modal. Syarikat telah menggunakan dana sendiri sepenuhnya kerana di Malaysia, golongan pelabur yang berminat menghulurkan bantuan modal asas adalah kurang. Walau bagaimanapun, Syarikat ICmic berjaya menarik minat Silvaco Incorporation, iaitu sebuah syarikat AS untuk melabur pada 2001. Sehingga kini, syarikat tersebut merupakan pemegang saham terbesar ICmic.

Dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai jurutera baru, ICmic telah bekerjasama dengan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan MARA untuk menubuhkan Akademi ICmic-UniKL pada 2007. Akademi ini menyediakan program perantis sehingga ke peringkat ijazah Sarjana Kejuruteraan yang dianugerahkan oleh universiti-universiti tempatan yang terlibat dalam kerjasama tersebut. Program ini menawarkan latihan sambil bekerja kepada para siswazah bagi pembangunan IC atau reka bentuk sistem komersil.

...



B
A
B

8

PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN

- *61,000 peserta mendapat manfaat daripada program anjuran Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)*
- *RM100 juta diperuntukkan bagi program latihan keusahawanan, pembangunan perniagaan dan pemasaran*
- *730 usahawan berjaya dilahirkan melalui program latihan yang dijalankan*

TINJAUAN

MITI bertanggungjawab membangunkan usahawan Bumiputera melalui program latihan, pembangunan perniagaan dan pemasaran untuk memastikan penglibatan ekuiti Bumiputera dalam ekonomi. Sejumlah RM100 juta telah diperuntukkan untuk program-program ini, termasuk program Peningkatan Kualiti Produk dan Perkhidmatan (*Groom Big*), Pameran Perdagangan Domestik dan Antarabangsa, Promosi dan Pemasaran Satu Daerah Satu Industri (SDSI), Kerjasama Strategik bersama GLC/Dewan Perniagaan, dan Pengiklanan Usahawan (maklumat terperinci di dalam Jadual 8.1 dan Jadual 8.2).

INISIATIF DASAR

Penubuhan Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB) pada 2010, telah menyediakan platform bagi MITI mengusulkan cadangan dan maklum balas berkaitan pembangunan keusahawanan. MITI bertindak sebagai penghubung diantara MTAB dan NGO.

Hasil daripada makmal E&E, industri automotif dan pemakanan telah digunakan bagi merangka pelan tindakan Pelan Induk Pembangunan Bumiputera dalam Sektor Pembuatan (PIPB).

Pada Ogos 2010, Program Pembangunan Vendor di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepenggunaan dan Koperasi (KPDKKK) telah dipindahkan ke MITI. Dengan pertambahan peranan baru ini, skop program pembangunan keusahawanan Bumiputera diperluaskan merangkumi *stakeholder* seperti pelabur Bumiputera, syarikat-syarikat *anchor* dan vendor.

MITI telah menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Keusahawanan (JPK) untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan program pembangunan keusahawanan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian dengan ahli-ahlinya terdiri daripada ketua-ketua agensi dan pengarah-pengarah kanan MITI.

PERKHIDMATAN DAN PROGRAM LATIHAN KEUSAHAWANAN

Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) menyediakan latihan kepada bakal usahawan dan usahawan sedia ada. Ia juga menyediakan khidmat nasihat dan rujukan melalui Pusat Rujukan dan Bimbingan (BAC). Seramai 61,809 peserta telah mendapat manfaat daripada program-program yang dijalankan sepanjang 2010.

INSKEN telah menjalankan dua kajian impak pada 2010: Kajian Impak Program Mewujudkan Usahawan INSKEN (2006-2009) dan Kajian Impak Program Pembudayaan Keusahawanan INSKEN (2006-2009). Hasil kajian-kajian ini menunjukkan bahawa kecenderungan minat untuk menjadi usahawan adalah paling tinggi dikalangan mahasiswa universiti. Program latihan pula telah berjaya melahirkan seramai 730 usahawan.

PEMBANGUNAN PERNIAGAAN DAN PEMASARAN

Program pembangunan perniagaan dan pemasaran bertujuan untuk:

- meningkatkan kualiti produk atau perkhidmatan melalui Program Peningkatan Kualiti Produk dan Perkhidmatan (*Groom Big*); dan
- memperluaskan pasaran bagi produk atau perkhidmatan melalui aktiviti-aktiviti promosi dan pemasaran di peringkat domestik dan antarabangsa.

Jadual 8.1: Pencapaian Program INSKEN, 2010

PROGRAM		2010
JUMLAH		61,809 peserta
PROGRAM PEMBUDAYAAN		
1.	Program Usahawan Muda (PUM) memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar sekolah menengah mengenai proses-proses penubuhan, operasi dan penutupan syarikat.	20,831
2.	Program Keusahawanan Siswa (SEP) memberi pendedahan kepada siswazah universiti mengenai asas perniagaan dan keusahawanan. a. Program Pembangunan Usaha Siswa b. Kursus Asas Keusahawanan Siswa c. <i>Student Malls</i> (jumlah Bazar Pelajar yang beroperasi) d. <i>Student in Free Enterprise</i> (SIFE) e. Program Outreach MITI bersama IPT f. Seminar Keusahawanan kepada pelajar Malaysia di luar negara	28,299 19,045 4,228 16 3,877 1,043 106
PROGRAM PENGENALAN		
3.	Latihan Asas Perniagaan (LAP) memberi pengenalan tentang aspek keusahawanan dan perniagaan kepada orang ramai.	887
4.	Skim Latihan dan Galakan Perniagaan (SLGP) menyediakan latihan lanjutan kepada kakitangan Kerajaan dalam Kumpulan Sokongan yang akan bersara dan ingin menceburji bidang perniagaan.	41
5.	Skim Usahawan Siswa (SUS) menyediakan latihan pra-syarat kepada pemohon-pemohon Tabung Usahawan Siswa (TUS) di bawah Bank SME.	270
6.	Latihan Pewujudan Usahawan (LPU) menyediakan latihan lanjutan kepada pegawai-pegawai Kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang akan bersara dan ingin menceburji bidang perniagaan.	27
PROGRAM PENINGKATAN KEUSAHAWANAN		
7.	Kursus <i>Soft Skill</i> menyediakan para usahawan dengan kemahiran pengurusan yang bersesuaian untuk memulakan perniagaan.	115
8.	Latihan <i>Hands-On</i> menyediakan latihan praktikal dalam bidang terpilih seperti fotografi, kek dan pastri, kesihatan dan kecantikan.	170
9.	Latihan Keusahawanan Peringkat Negeri menyediakan latihan <i>soft skill</i> kepada penjaja dan peniaga kecil di peringkat negeri.	1,702
10.	Latihan Keusahawanan Satu Daerah Satu Industri (SDSI) menyediakan latihan <i>soft skill</i> kepada usahawan di bawah Program SDSI.	1,245
11.	Program Pengembangan dan Jaringan menyediakan latihan dengan kerjasama daripada NGO, persatuan perdagangan dan industri serta agensi-agensi Kerajaan.	5,116
KHIDMAT NASIHAT		
12.	BAC menyediakan pusat sehenti bagi khidmat rundingan dan nasihat mengenai pembangunan produk dan pengembangan perniagaan.	1,074
13.	Program <i>Mentoring and Coaching</i> membantu usahawan dalam bidang terpilih menerusi siri perbincangan dalam kumpulan yang dikendalikan mentor/pelatih.	408
14.	Latihan Pembimbing Usahawan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai dan usahawan dalam bidang terpilih.	1,588
PEMBANGUNAN MODUL DAN KURIKULUM		
15.	Kajian semula modul dan kurikulum keusahawanan untuk menambahbaik modul sedia ada bagi memenuhi permintaan pasaran.	3 modul
16.	Program Pembangunan Kapasiti untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai MITI.	36
PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN		
17.	Kajian Impak untuk menilai impak dan keberkesan program-program latihan untuk kesinambungan dan penambahbaikan.	2 kajian

Sumber: MITI

Jadual 8.2: Program Pembangunan Perniagaan dan Pemasaran, 2010

PROGRAM		PRESTASI																																																												
1.	Program Peningkatan Kualiti Produk dan Perkhidmatan (<i>Groom Big</i>) <i>Groom Big</i> bertujuan untuk mengenal pasti, melatih dan melahirkan usahawan dari peringkat enterpris mikro untuk berkembang ke peringkat kecil sehingga ke sederhana. Ia merupakan kerjasama strategik antara agensi Kerajaan, dewan perniagaan, persatuan dan GLC. <i>Groom Big</i> telah memperluaskan skopnya daripada sektor makanan dan minuman, kosmetik herba serta seramik dan kaca kepada bidang-bidang lain yang berpotensi seperti ICT, pelancongan, perabot, dan industri halal. <i>Showcase Groom Big</i> telah diperkenalkan sebagai projek rintis pada 2010 di peringkat zon dan nasional. Ia menyediakan platform kepada usahawan untuk mempromosi produk/perkhidmatan dan mewujudkan rangkaian perniagaan. Aktiviti-aktiviti termasuk: <ul style="list-style-type: none"> i) pameran; ii) padanan perniagaan; iii) demonstrasi produk; iv) seminar; dan v) khidmat nasihat perniagaan oleh agensi MITI. 	Penglibatan Peserta Mengikut Sektor Makanan dan Minuman: 124 Kosmetik: 500 Perabot: 20 Program Kesedaran <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori</th> <th>Persatuan/ Dewan Perniagaan/ GLC</th> <th>Bilangan Peserta</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sistem Perakaunan Sistematik</td> <td>PERDASAMA</td> <td>755</td> </tr> <tr> <td>Petrokimia (minyak & gas)</td> <td>PERDASAMA</td> <td>475</td> </tr> <tr> <td>Pelancongan</td> <td>PERDASAMA</td> <td>1,491</td> </tr> <tr> <td>Kontraktor IBS</td> <td>GABEM</td> <td>85</td> </tr> <tr> <td>ICT (Program BITE, TAP, CTAP, 'I'm Set')</td> <td>MDeC</td> <td>1,520</td> </tr> </tbody> </table> Showcase Groom Big di Peringkat Zon dan Nasional <table border="1"> <thead> <tr> <th>Showcase</th> <th>Jualan (RM)</th> <th>Pengunjung</th> <th>Sesi Padanan Perniagaan</th> <th>Pempamer</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>JUMLAH</td> <td>7,671,194</td> <td>243,583</td> <td>155</td> <td>660</td> </tr> <tr> <td>Nasional (Putrajaya)</td> <td>6,000,000</td> <td>117,744</td> <td>75</td> <td>240</td> </tr> <tr> <td>Kelantan</td> <td>15,100</td> <td>10,100</td> <td>2</td> <td>45</td> </tr> <tr> <td>Kedah</td> <td>16,970</td> <td>2,000</td> <td>3</td> <td>45</td> </tr> <tr> <td>Perak</td> <td>389,124</td> <td>3,739</td> <td>20</td> <td>85</td> </tr> <tr> <td>Johor</td> <td>810,000</td> <td>100,000</td> <td>30</td> <td>100</td> </tr> <tr> <td>Sabah</td> <td>440,000</td> <td>10,000</td> <td>25</td> <td>145</td> </tr> </tbody> </table>			Kategori	Persatuan/ Dewan Perniagaan/ GLC	Bilangan Peserta	Sistem Perakaunan Sistematik	PERDASAMA	755	Petrokimia (minyak & gas)	PERDASAMA	475	Pelancongan	PERDASAMA	1,491	Kontraktor IBS	GABEM	85	ICT (Program BITE, TAP, CTAP, 'I'm Set')	MDeC	1,520	Showcase	Jualan (RM)	Pengunjung	Sesi Padanan Perniagaan	Pempamer	JUMLAH	7,671,194	243,583	155	660	Nasional (Putrajaya)	6,000,000	117,744	75	240	Kelantan	15,100	10,100	2	45	Kedah	16,970	2,000	3	45	Perak	389,124	3,739	20	85	Johor	810,000	100,000	30	100	Sabah	440,000	10,000	25	145
Kategori	Persatuan/ Dewan Perniagaan/ GLC	Bilangan Peserta																																																												
Sistem Perakaunan Sistematik	PERDASAMA	755																																																												
Petrokimia (minyak & gas)	PERDASAMA	475																																																												
Pelancongan	PERDASAMA	1,491																																																												
Kontraktor IBS	GABEM	85																																																												
ICT (Program BITE, TAP, CTAP, 'I'm Set')	MDeC	1,520																																																												
Showcase	Jualan (RM)	Pengunjung	Sesi Padanan Perniagaan	Pempamer																																																										
JUMLAH	7,671,194	243,583	155	660																																																										
Nasional (Putrajaya)	6,000,000	117,744	75	240																																																										
Kelantan	15,100	10,100	2	45																																																										
Kedah	16,970	2,000	3	45																																																										
Perak	389,124	3,739	20	85																																																										
Johor	810,000	100,000	30	100																																																										
Sabah	440,000	10,000	25	145																																																										

		PROGRAM				PRESTASI			
		SDSI Showcase 2010							
						Item	Peringkat Nasional	Zon Tengah	Zon Sabah/Sarawak
2.	Pemasaran dan Promosi					Pempamer (Usahawan/Agensi)	523	127	130
	(a) Showcase SDSI					Pengunjung	120,000	10,000	37,643
	<p>ia merupakan pameran tahunan terbesar untuk memasarkan dan mempromosikan produk/ perkhidmatan SDSI kepada pengunjung domestik dan antarabangsa. ia menyediakan peluang untuk memperluaskan jaringan perniagaan antara usahawan dengan pembeli perdagangan seperti pasar raya besar, pengedar dan pengeluar bahan mentah.</p> <p>Showcase SDSI Peringkat Nasional 2010 dianjurkan dari 10-12 Disember bertempat di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh dan dirasmikan oleh Menteri MITI dengan kehadiran Ketua Menteri Melaka.</p> <p>Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • pameran dan jualan produk / perkhidmatan SDSI dari lima kluster – makanan dan minuman, kraftangan, inap desa, produk kesihatan dan perkhidmatan; • klinik keusahawanan menawarkan khidmat nasihat perniagaan kepada usahawan; • sesi padanan perniagaan antara usahawan dengan pembeli perdagangan; dan • Menu Malaysia yang menyajikan hidangan makanan tempatan. <p>Showcase SDSI diperluas ke peringkat Zon Tengah dan Zon Sabah/Sarawak.</p> <p>Negeri Sembilan menjadi tuan rumah bagi Showcase SDSI Zon Tengah dari 26 hingga 27 Jun 2010 bertempat di Seremban. Kuching menjadi tuan rumah bagi Zon Sabah/Sarawak dari 2 hingga 4 Julai 2010.</p>					Peserta Seminar	778	142	288
	(b) Program Pengiklanan SDSI					Sesi Padanan Perniagaan	900	68	19
	<p>Program Pengiklanan SDSI mempromosi dan memasarkan produk / perkhidmatan keluaran SDSI melalui saluran televisyen iaitu rancangan Buletin Utama, TV3.</p>					Jualan Kontrak (RM juta)	15.7	2.13	0.62
						Jualan Tunai (RM juta)	2.9	0.03	0.14
3.	Pameran Perdagangan Domestik								
	Kerajaan membayai kos sewaan ruang pameran bagi usahawan. Pavilion MITI menyediakan khidmat nasihat perniagaan kepada usahawan dan pengunjung.					<ul style="list-style-type: none"> • 1,734 pempamer • 29 pameran perdagangan domestik • RM31.42 juta nilai jualan 			

PROGRAM		PRESTASI			
4.	Pameran Perdagangan Antarabangsa	Penyertaan Dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa 2010			
	MITI telah menyertai sembilan pameran perdagangan antarabangsa untuk:	Program	Bilangan Usahawan	Jualan Tunai (RM)	Jualan Kontrak (RM)
	<ul style="list-style-type: none"> mewujudkan kesedaran dan mempromosi produk/perkhidmatan tempatan kepada pasaran antarabangsa; menyediakan platform untuk usahawan Bumiputera mewujudkan dan membina jaringan perniagaan; dan mewujudkan akses pasaran baru dan menambahkan eksport sedia ada. 	JUMLAH	129	205,715	8,278,170
	MITI menyediakan bantuan dan insentif dalam bentuk menaja penyertaan secara separa dalam pameran ini. MITI bekerjasama dengan agensi-agensinya seperti MATRADE, HDC dan persatuan perniagaan termasuk Konsortium Usahawan Makanan dan Industri Asas Tani (KOMITA) dan Dewan Usahawan Industri Desa (DUID).	Festival Yemen Malaysia (pameran sahaja)	4	-	1,170
		Pameran Expo Perdagangan Antarabangsa Viet Nam 2010	6	4,604	37,000
		Pameran LIMA DASAR Pertama, Songkhla, Thailand	54	15,000	1,416,000
		Pameran Perdagangan dan Pelaburan Antarabangsa China (Ningxia)	10	7,186	2,370,000
		Pameran Canton, Guangzhou, PRC	18	11,600	705,000
		1Malaysia Best Halal Frozen & Convenience Food Carnival, Perth, Australia	10	51,000	207,000
		Misi Pemasaran Khusus Produk Halal Chengdu dan Yinchuan, PRC	6	65,000	2,965,000
		Pameran Import Eksport Kemboja Kelima dan 1 Wilayah 1 Produk 2010	13	9,920	5000,000
		Seminar Antarabangsa Satu Desa Satu Produk Ketujuh (OVOP), Hanoi	8	3,160	15,000

PROGRAM	PRESTASI
<p>5. Pusat Pengumpulan dan Pemasaran Produk Usahawan (4PU)</p> <p>4PU bertujuan untuk mengumpul dan memasarkan produk Bumiputera di pasaran domestik dan antarabangsa. Ia dilaksanakan dengan usahasama syarikat pengedaran dan pemasaran tempatan. Ia menyediakan peluang kepada usahawan untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran daripada pengendali 4PU.</p> <p>MITI telah menandatangani satu Perjanjian Persefahaman (AOU) dengan pengendali 4PU bagi mengkoordinasi peranan dan tanggungjawab pihak-pihak terlibat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Enam 4PU di Malaysia Satu di Kemboja dan satu di Viet Nam
<p>6. Program Kerjasama Strategik dengan GLC</p> <p>Program ini bertujuan mempromosi produk-produk usahawan Bumiputera melalui saluran dan kemudahan yang disediakan oleh GLC.</p> <p>Kerjasama dengan GLC meliputi:</p> <ul style="list-style-type: none"> Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) Peluang menjalankan perniagaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Terminal Pengangkutan Tambang Murah (LCCT). Johor Corporation (JCorp) Mewujudkan usahawan baru dan melengkapkan usahawan sedia ada dengan ilmu keusahawanan melalui seminar, klinik usahawan, ceramah motivasi, sesi perkongsian pengalaman dan kejayaan, pameran perdagangan domestik dan sesi padanan perniagaan. 	<p>Program-program bersama MAHB:</p> <ul style="list-style-type: none"> MAHB memperuntukkan enam premis perniagaan Jualan bernilai RM2,811,494 <p>Program-program bersama JCorp:</p> <ul style="list-style-type: none"> Tiga siri seminar keusahawanan 921 peserta 60 perniagaan baru diwujudkan
<p>7. Program Promosi Halal</p> <p>Program <i>Outreach Halal</i>, dengan kerjasama agensi-agensi seperti HDC dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah untuk meningkatkan kesedaran usahawan tentang perkhidmatan sokongan yang disediakan oleh Kerajaan.</p> <p>MITI telah dilantik untuk mengetuai dan menyelaras Kumpulan Kerja bagi Makanan Halal ASEAN dan Kumpulan Kerja Kawasan Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) bagi Produk dan Perkhidmatan Halal.</p>	<p>Aktiviti-aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> Program <i>Outreach Halal</i> (Pendedahan Pensijilan Halal); Program <i>Training-of-Trainers</i> (ToT) untuk Penggalakan dan Kesedaran Halal; dan Menaja usahawan untuk menyertai Pameran Barang 1Malaysia 1Halal. <p>Program <i>Outreach Halal</i>:</p> <ul style="list-style-type: none"> Empat sesi 1,640 peserta


Sumber: MITI

PERUNTUKAN SAHAM KHAS BUMIPUTERA

MITI bertanggungjawab memperuntukkan Tawaran Awam Permulaan (IPO) Bumiputera kepada institusi, syarikat dan perseorangan. Bagi tempoh 1996-2010, sejumlah 9.7 bilion saham khas bernilai RM20.9 bilion telah diperuntukkan kepada pelabur Bumiputera. Daripada jumlah ini, 41% diperuntukkan kepada institusi Bumiputera, 12% kepada syarikat Bumiputera termasuk koperasi dan 47% kepada individu.

Daripada 1.7 bilion saham pada 2010, hanya 1.5 bilion saham berjumlah RM5.5 bilion telah diagihkan kepada pelabur Bumiputera. Walaupun terdapat peningkatan marginal dari segi bilangan saham iaitu sebanyak 4.8%, namun, nilai saham telah meningkat sebanyak 43.6% berbanding 2009. MITI menerima permohonan di luar jangkaan daripada pelabur Bumiputera bagi IPO seperti PETRONAS Chemicals Group Berhad dan Malaysia Marine Heavy Engineering Holdings Berhad (MMHE). Ini adalah hasil daripada pemulihan ekonomi global, trend pasaran saham yang meningkat dan prestasi saham yang baik setelah disenaraikan.

Carta 8.1: Peruntukan Saham Khas Bumiputera pada 2009 dan 2010



Sumber: MITI

PROGRAM PEMBANGUNAN VENDOR (VDP)

Objektif program adalah untuk membangunkan usahawan Bumiputera sebagai pengeluar komponen, pembekal dan penyedia perkhidmatan kepada syarikat besar tempatan dan MNC. Aktiviti-aktiviti termasuk Mesyuarat Anchor-Vendor, Program Outreach dan Bengkel Vendor. VDP bertujuan untuk:

- melaksanakan kaedah 'serap dan lantik' untuk syarikat vendor sedia ada;
- menggalakkan penyertaan syarikat besar tempatan, GLC dan MNC; dan
- meningkatkan kerjasama antara pembekal latihan teknikal.

MITI bekerjasama dengan pembekal teknikal tempatan seperti Taman Teknologi Malaysia (TPM), SIRIM dan Pusat Institut Teknologi Perabot MARA (FITEC) untuk menyediakan latihan praktikal kepada pekerja syarikat vendor. Peruntukan sebanyak RM5.1 juta telah digunakan untuk 13 siri latihan dan program peningkatan bagi membantu 631 vendor untuk menjadi pembekal produk dan penyedia perkhidmatan kepada 99 syarikat *anchor* VDP.

PROSPEK

Di bawah RMK-10, pakej latihan bersepadu yang merangkumi latihan, bantuan teknikal, pembiayaan, perundingan, promosi dan pemasaran telah diperkenalkan. INSKEN memainkan peranan yang penting dalam penyediaan latihan keusahawanan berkualiti dengan pembangunan Standard Pembangunan Kurikulum Keusahawanan Kebangsaan (NEDECS) dan pensijilan.

MITI akan mempergiatkan kerjasama dengan agensi Kerajaan lain, institusi R&D dan persatuan perniagaan untuk meningkatkan pelaksanaan program *Groom Big*. Skop program ini akan diperluaskan kepada industri herba dan sektor perkhidmatan. Dalam usaha untuk memberi tumpuan yang lebih terhadap program ICT, MITI dengan kerjasama MDeC telah melaksanakan dua inisiatif ICT, iaitu *I'm Set* dan 'Usahawan Internet Wanita'.

MITI akan melaksanakan secara aktif dan memperluaskan pelbagai program *outreach* selaras dengan hasrat Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).



- *Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Jepun (MJEPA) berjalan lancar dan Sijil Tempasal (CO) bernilai RM102.3 bilion telah dikeluarkan*
- *Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Chile (MCFTA) merupakan FTA pertama Malaysia dengan negara Amerika Latin*
- *Malaysia diterima sebagai anggota TPP, pemangkin kepada perdagangan*
- *Perjanjian Komprehensif Malaysia-India (MICECA) mampu menggalakkan perdagangan dan pelaburan*

B
A
B

9

**PERJANJIAN
PERDAGANGAN
BEBAS DUA
HALA DAN
SERANTAU**

TINJAUAN

Sorotan FTA dua hala pada 2010:

- FTA ASEAN dengan India, Australia dan New Zealand berkuat kuasa pada 1 Januari 2010;
- FTA Malaysia-New Zealand berkuat kuasa 1 Ogos 2010;
- Rundingan FTA Malaysia-Chile dan Malaysia-India telah dimuktamadkan;
- Rundingan FTA Malaysia-Turki dan Malaysia-Kesatuan Eropah (EU) telah bermula; dan
- Malaysia telah diterima sepenuhnya sebagai rakan rundingan bagi Perjanjian Kerjasama Trans-Pasifik (TPP).

Faedah yang diperolehi meliputi:

- memperluaskan akses pasaran bagi barang Malaysia melalui layanan istimewa tarif dan fasilitasi perdagangan;
- peluang-peluang akses pasaran bagi pembekal perkhidmatan dari Malaysia melalui liberalisasi dan fasilitasi perdagangan;
- mempertingkatkan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan dan hab pengeluaran bagi memenuhi permintaan pasaran serantau dan global;
- peluang pelaburan baru bagi rakan dagang Malaysia;
- sebagai platform untuk menangani sekatan-sekatan kesihatan, kebersihan sanitari dan teknikal; dan
- mempertingkatkan kapasiti domestik melalui kerjasama ekonomi dan teknikal.

KEMAJUAN DALAM PELAKSANAAN FTA

Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Jepun (MJEPA)

MJEPA merupakan FTA Malaysia yang pertama telah berkuat kuasa pada 13 Julai 2006, menunjukkan kemajuan yang kukuh dan penting di bawah Program Latihan Kerjasama Ekonomi (EPP). EPP ialah program latihan sumber manusia dengan kumpulan kerja Pertanian, Pendidikan dan Pembangunan Sumber Manusia, Sains dan Teknologi, PKS dan Pelancongan. Industri automotif tempatan telah mendapat banyak faedah daripada 10 projek di bawah program Kerjasama Industri Automotif Malaysia-Jepun (MAJAICO), yang dijadual berakhir pada Jun 2011. Kerajaan sedang mempertimbangkan keperluan untuk meneruskan sebahagian daripada projek-projek tersebut.

Prestasi Perdagangan

Jepun kekal antara tiga rakan dagang utama Malaysia bagi tempoh 2006-2010. Perdagangan dua hala meningkat dengan purata 3.2% untuk tempoh tersebut. Jumlah perdagangan pada 2010 ialah RM132.8 bilion, dengan eksport ke Jepun meningkat 24.8% kepada RM66.3 bilion dan import meningkat 22.5% kepada RM66.5 bilion. Sebanyak 45,385 Sijil Tempasal (CO) bernilai RM7.8 bilion telah dikeluarkan (2009: 42,497 CO bernilai RM6.7 bilion). Antara eksport utama yang mendapat faedah daripada layanan istimewa tarif ialah minyak sawit, produk plastik dan sarung tangan.

Perjanjian Kerjasama Ekonomi Rapat Malaysia-Pakistan (MPCEPA)

Ia merupakan perjanjian bebas dua hala yang pertama dengan negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). MPCEPA berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008 dan telah membawa kemajuan yang ketara kepada perdagangan kedua-dua negara.

Prestasi Perdagangan

Sejak pelaksanaan MPCEPA, perdagangan dua hala Malaysia-Pakistan meningkat dengan ketara walaupun dalam keadaan kelembapan ekonomi global 2009. Jumlah perdagangan berkembang 27.9% pada 2010 kepada RM8 bilion (2009: RM6.2 bilion). Eksport ke Pakistan meningkat 31.3% kepada RM7.5 bilion manakala import berjumlah RM0.48 bilion. Sejumlah 6,872 CO bernilai RM5.57 bilion telah dikeluarkan (2009: 5,441 CO berjumlah RM4.1 bilion). Antara eksport utama yang menikmati layanan istimewa tarif ialah minyak sawit, kompresor peti sejuk serta kimia dan produk kimia.

Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-New Zealand (MNZFTA)

MNZFTA merupakan FTA dua hala Malaysia yang ketiga dan telah mula dilaksanakan pada 1 Ogos 2010.

Status Pelaksanaan

Malaysia telah memansuhkan duti ke atas 7,022 barisan tarif (67.54%) termasuk produk makanan, daging dan ofal boleh dimakan dan akan melaksanakan penurunan progresif atau pemansuhan duti import ke atas 10,293 barisan tarif produk industri dan pertanian menjelang 2016. New Zealand akan melonggarkan 7,238 barisan tarif melalui pemansuhan sepenuhnya 7,191 barisan tarif duti import menjelang 2015 meliputi produk koko, permaidani dan tayar dan baki 47 barisan tarif termasuk marjerin, dawai keluli, produk besi dan perabot kayu menjelang 2016.

Prestasi Perdagangan

Memandangkan MNZFTA bermula pada suku ketiga 2010, hanya 29 CO dengan nilai eksport RM1.5 bilion telah dikeluarkan bagi tempoh Ogos-Disember 2010. Sesetengah pengekspot masih menjalankan perdagangan di bawah FTA ASEAN-Australia-New Zealand (AANZFTA) walaupun MNZFTA telah berkuat kuasa. Eksport utama di bawah layanan istimewa tarif MNZFTA meliputi tayar, bingkai gambar berkayu, acuan dan penghawa dingin.

PERJANJIAN PERDAGANGAN BEBAS YANG TELAH DIMUKTAMADKAN

Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Chile (MCFTA)

MCFTA merupakan FTA dua hala Malaysia keempat dan yang pertama dengan negara Amerika Latin. Ia telah ditandatangani pada 13 November 2010 di Yokohama. Pengekspot Malaysia mendapat faedah daripadanya kerana Chile akan melaksanakan pemansuhan sepenuhnya duti import ke atas 6,960 barisan tarif (90.2%) dari tarikh Perjanjian tersebut dikuatkuasakan. Eksport berkepentingan Malaysia ke Chile meliputi produk E&E seperti peralatan merakam video dan mesin pemprosesan data, benang getah tervulkan dan kord serta sarung tangan pembedahan. Malaysia akan melaksanakan pemansuhan sepenuhnya duti import ke atas 9,311 barisan tarif (89.5%).

Chile akan memansuhkan duti ke atas 419 barisan tarif (4.1%) menjelang 2012 termasuk produk kimia dan peralatan jentera manakala Malaysia 355 barisan tarif (4.6%).

Perdagangan diantara Malaysia dengan Chile pada 2010 meningkat 27.9% kepada RM1 bilion. Eksport utama ke Chile meliputi produk E&E, produk getah, produk kayu serta kimia dan produk kimia, dengan jumlah RM268.1 juta manakala import berjumlah RM740.5 juta.

Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Malaysia-India (MICECA)

Malaysia dan India telah memuktamadkan rundingan MICECA pada September 2010, yang dijangka menggalakkan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua buah negara. MICECA akan menyediakan layanan istimewa akses pasaran untuk produk eksport utama seperti produk petroleum, minyak sawit, serta kimia dan produk kimia, disamping memberi akses kepada penyedia perkhidmatan Malaysia dalam aktiviti berkaitan pembinaan dan pembangunan prasarana. Perjanjian ini dijangka berkuat kuasa mulai Julai 2011.

FTA BARU DAN YANG MASIH DALAM RUNDINGAN

Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Australia (MAFTA)

Majlis Rundingan Perdagangan (TNC) MAFTA Ketujuh dan Kelapan yang telah diadakan pada 19-23 April 2010 dan 18-22 Oktober 2010, menunjukkan terdapat kemajuan dalam semua bidang yang dirundingkan. Pusingan rundingan akan diteruskan pada 2011. MAFTA dijangka akan dapat meningkatkan perdagangan dua hala, terutamanya produk-produk berkepentingan eksport, bagi kedua-dua negara termasuk mempromosi perkhidmatan dengan nilai ditambah seperti perkhidmatan dan barang alam sekitar, serta memudahkan aliran pelaburan dua hala dalam bidang kepentingan bersama meliputi pertanian, industri berasaskan agro dan bioteknologi.

Perjanjian Kerjasama

Trans-Pasifik (TPP)

Malaysia telah diterima sepenuhnya sebagai anggota rundingan pada 5 Oktober 2010 dan telah menyertai Rundingan Pusingan Ketiga di Brunei pada 5-9 Oktober 2010. Sembilan anggota TPP berunding untuk membangunkan FTA dan 20 Kumpulan Kerja (WG) berjaya ditubuhkan. Rundingan Pusingan Keempat telah diadakan pada Disember 2010 di Auckland, New Zealand.

TPP menawarkan peluang ekonomi yang luas dan bertindak sebagai pemangkin untuk kesepadan yang lebih mendalam bagi memajukan kerjasama ekonomi, liberalisasi dan kemudahan perdagangan serta pelaburan serantau. Ia akan meningkatkan daya saing Malaysia di rantau ini sebagai destinasi pelaburan pilihan.

Perjanjian Perdagangan Bebas

Malaysia-Kesatuan Eropah (MEUFTA)

Rundingan pusingan pertama diadakan pada 6 Disember 2010 dan 13 Kumpulan Kerja telah ditubuhkan. MEUFTA bertujuan memudahkan serta mempromosi perdagangan dan aliran pelaburan, meningkatkan daya saing, memudahkan pengenapstian program pembangunan kapasiti, dan menyumbang kepada pembangunan mampan dan pertumbuhan hijau.

Perjanjian Perdagangan Bebas

Malaysia-Turki (MTFTA)

MTFTA merupakan perjanjian FTA pertama dengan negara Mediterranean dan tiga pusingan mesyuarat TNC telah diadakan pada:

- mesyuarat TNC pertama (31 Mei-1 Jun 2010);
- mesyuarat TNC kedua (23-25 Ogos 2010); dan
- mesyuarat TNC ketiga (30 November- 2 Disember 2010).

Turki merupakan pasaran yang menarik bagi produk-produk Malaysia kerana ia mempunyai jumlah penduduk yang ramai, iaitu 71.4 juta dengan KDNK per kapita sebanyak AS\$10,207 pada 2010. Malaysia dan Turki akan memperolehi faedah daripada kedudukan strategik Malaysia di dalam ASEAN manakala Turki menjadi gerbang laluan ke pasaran Eropah, Timur Tengah, Asia Tengah dan Afrika Utara.

PROGRAM OUTREACH

Sebanyak 48 program *outreach* telah diadakan bagi mendidik orang awam mengenai peluang dan melengkapkan diri dalam menghadapi saingan daripada persekitaran yang lebih liberal yang diwujudkan di bawah FTA. Kemajuan terbaru program *outreach* ialah penerangan secara bersemuka dengan syarikat-syarikat persendirian.

Program yang dilaksanakan oleh MITI, MIDA, MATRADE dan SME Corp. Malaysia untuk sektor awam dan swasta serta universiti terpilih adalah seperti:

- Seminar dan Dialog Pelaburan Domestik Kebangsaan oleh MIDA;
- Sesi Taklimat dan Perundingan untuk Pengeksport oleh MATRADE;
- Seminar FTA dan RoO oleh Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) dan Dewan Perniagaan; dan
- Program Penggunaan Sistem Elektronik Sijil Tempasal Berkeutamaan (e-PCO) oleh MITI.

Unit-unit Perkhidmatan FTA boleh didapati di MIDA, MATRADE dan SME Corp. Malaysia yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai berpengalaman, menyediakan maklumat dan sokongan. Maklumat terkini berkenaan FTA turut disebarluaskan melalui media massa dan laman sesawang MITI.

PROSPEK

Prospek ekonomi dijangka kekal positif bagi 2011 dan peningkatan persaingan di pasaran global akan memberi impak kepada perdagangan dan industri negara. Penambahbaikan peluang perdagangan di bawah FTA dilihat mampu memperkuuhkan usaha Malaysia kearah mengadakan lebih banyak rundingan FTA bagi faedah PKS dan pengeksport. FTA akan kekal sebagai komponen penting dasar perdagangan Malaysia dan melengkapinya usaha di peringkat pelbagai hala.

Malaysia sedang meneroka kemungkinan untuk mendapatkan rakan rundingan FTA baru khususnya di rantau yang berpotensi untuk memperluaskan akses pasaran dan menggalakkan peluang perniagaan kepada pengeksport dan enterpris negara, khususnya di Timur Tengah, Asia Selatan dan rantau Amerika.

Usaha-usaha *outreach* akan dipertingkatkan dengan sasaran yang lebih meluas. Kerajaan sedang membangunkan program latihan khusus kepada para pengeksport untuk melengkapkan mereka dengan pengetahuan, pemahaman dan kemahiran yang diperlukan untuk memanfaatkan FTA.

Artikel 9.1: Isu-Isu Melintang - FTA Abad ke-21

Templat FTA lazimnya memberi tumpuan kepada liberalisasi perdagangan dan pelaburan, telah diperluaskan untuk meliputi isu-isu seperti Perolehan Kerajaan, Dasar Persaingan, Hak Harta Intelek, Tenaga Buruh dan Alam Sekitar.

isu-isu baru telah dibangkitkan semasa rundingan awal TPP telah meluaskan skop FTA. Ia diistilahkan sebagai 'isu-isu melintang' dan meliputi isu 'cross-cutting' seperti integrasi serantau, polisi kepaduan, persaingan, pembangunan, PKS dan ketelusan.

isu-isu melintang terhasil daripada integrasi serantau yang lebih mendalam dan menggambarkan operasi perniagaan dan interaksi pekerja di abad ke-21. Malaysia dijangka akan menerima lebih banyak faedah daripada perluasan skop ini dan tidak terhad kepada keistimewaan tarif.

isu-isu tersebut mempunyai kepentingan kepada Malaysia. Contoh polisi kepaduan ialah keharmonian peraturan dalam dan antara negara untuk memastikan kelancaran aliran dalam rantaian pembekalan global dan justeru itu menggalakkan integrasi serantau yang lebih mendalam.

Aspek ketelusan menjadi semakin penting kepada pedagang dan pelabur yang inginkan kepastian dan perkara-perkara yang jelas semasa berurusniaga. Kini mereka ingin terlibat dalam usaha membangun dan merangka peraturan dan undang-undang, terutamanya aspek yang boleh memberi impak kepada operasi. Adalah juga penting bagi Kerajaan memberi penekanan kepada pembinaan keupayaan/kerjasama dan pembangunan.

Lampiran: Penglibatan Malaysia dalam Perjanjian Perdagangan Bebas

STATUS/ JENIS	DUA HALA	SKOP FTA
DIMUKTAMAD	(i) Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Jepun (MJEPA)	<p>MJEPA merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perdagangan Barang Industri dan Pertanian; • Perdagangan Perkhidmatan; • Pelaburan; • Peraturan Tempasal; • Prosedur Kastam; • Standard dan Kesesuaian; • Harta Intelek; • Dasar Persaingan; dan • Peningkatan Persekutuan Perniagaan, Langkah Keselamatan dan Penyelesaian Pertikaian <p>Bidang kerjasama meliputi pertanian, perhutanan dan komoditi, pendidikan, pembangunan sumber manusia, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), perusahaan kecil dan sederhana (PKS), sains dan teknologi, pelancongan dan alam sekitar.</p>
DIMUKTAMAD	(ii) Perjanjian Perkongsian Ekonomi Rapat Malaysia-Pakistan (MPCEPA)	<p>MPCEPA merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perdagangan Barang; • Perdagangan Perkhidmatan; • Pelaburan; dan • Kerjasama Teknikal Dua Hala dan Pembinaan Keupayaan dalam bidang-bidang seperti: <ul style="list-style-type: none"> – Langkah-langkah Kebersihan Sanitari dan Fitosanitari; – Perlindungan Harta Intelek; – Pembinaan; – Pelancongan; – Penjagaan Kesihatan; dan – Telekomunikasi.
DIMUKTAMAD	(iii) Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-New Zealand (MNZFTA)	<p>MNZFTA merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perdagangan Barang; • Peraturan Tempasal; • Prosedur dan Kerjasama Kastam; • Pemulihan Perdagangan; • Langkah-langkah Sanitari dan Fitosanitari; • Halangan Teknikal kepada Perdagangan; • Perdagangan Perkhidmatan; • Pergerakan Pekerja Profesional; • Pelaburan; • Harta Intelek; • Dasar Persaingan; • Kerjasama Ekonomi; • Ketelusan; • Peruntukan-peruntukan Institusi; dan • Penyelesaian Pertikaian. <p>Bidang kerjasama meliputi pendidikan, perhutanan, kesihatan, bioteknologi dan industri pembuatan.</p>

STATUS/ JENIS	DUA HALA	SKOP FTA
DIMUKTAMAD	(iv) Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Chile (MCFTA): <ul style="list-style-type: none"> - ditandatangani pada 13 November 2010; dan - dijangka berkuatkuasa pada 2011. 	MCFTA merangkumi: <ul style="list-style-type: none"> • Perdagangan Barang <ul style="list-style-type: none"> - Tarif; - Peraturan Tempasal; - Langkah-langkah Sanitari dan Fitosanitari; - Prosedur Kastam; dan - Halangan Teknikal kepada Perdagangan. • Isu-Isu Perundungan; • Remedi Perdagangan; dan • Kerjasama.
DIMUKTAMAD	(v) Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Malaysia-India (MICECA) <ul style="list-style-type: none"> - rundingan dimuktamadkan pada 24 September 2010; - dijangka ditandatangani pada Februari 2011; dan - akan berkuat kuasa 1 Julai 2011. 	MICECA merangkumi: <ul style="list-style-type: none"> • Perdagangan Barang <ul style="list-style-type: none"> - Tarif; - Peraturan Tempasal; - Langkah-langkah Sanitari dan Fitosanitari; - Prosedur Kastam; - Halangan Teknikal kepada Perdagangan; dan - Remedi Perdagangan. • Perdagangan Perkhidmatan; • Pergerakan Pekerja Profesional; • Pelaburan; • Isu-Isu Perundungan Peruntukan-peruntukan Institusi; dan • Kerjasama Ekonomi.
DALAM PERBINCANGAN	(i) Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Australia (MAFTA)	MAFTA merangkumi: <ul style="list-style-type: none"> • Perdagangan Barang; • Peraturan Tempasal; • Prosedur dan Kerjasama Kastam; • Standard, Peraturan Teknikal dan Prosedur Penilaian Pematuhan; • Langkah-langkah Sanitari dan Fito-sanitari; • Remedi Perdagangan; • Perdagangan Perkhidmatan; • Perkhidmatan Telekomunikasi; • Perkhidmatan Kewangan; • Pergerakan Pekerja Profesional; • Perjanjian Pengiktirafan Bersama (MRA); • Pelaburan; • Kerjasama Ekonomi dan Teknikal; • Perdagangan Elektronik; • Harta Intelek; • Dasar Persaingan; • Peruntukan Rangka Kerja; dan • Mekanisme Penyelesaian Pertikaian.
DALAM PERBINCANGAN	(ii) Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turki (MTFTA)	MTFTA merangkumi: <ul style="list-style-type: none"> • Akses Pasaran: <ul style="list-style-type: none"> - Perdagangan Barang; - Langkah-langkah Sanitari dan Fitosanitari; - Remedi Perdagangan; - Prosedur Kastam; dan - Halangan Teknikal kepada Perdagangan. • Isu-Isu Perundungan; dan • Kerjasama Ekonomi. <p>Rundingan ke atas Perdagangan Perkhidmatan akan bermula setahun selepas penguatkuasaan Perjanjian Akses Pasaran.</p>

STATUS/ JENIS	DUA HALA	SKOP FTA
DALAM PERBINCANGAN	(iii) Perjanjian Kerjasama Trans-Pasifik (TPP)	<p>TPP merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Akses Pasaran; • Barang Industri; • Pertanian; • Tekstil; • Halangan Teknikal kepada Perdagangan; • Langkah-langkah Sanitari dan Fitosanitari; • Peraturan Tempasal; • Kerjasama Kastam; • Pelaburan; • Perkhidmatan; • Perkhidmatan Kewangan; • Telekomunikasi; • Perdagangan Elektronik; • Pergerakan Perniagaan; • Perolehan Kerajaan; • Persaingan; • Harta Intelek; • Tenaga Buruh; • Persekitaran; • Pembinaan Keupayaan; • Remedi Perdagangan; • Isu-isu Institusi dan Perundungan; dan • Isu-isu Melintang: <ul style="list-style-type: none"> – Integrasi serantau; – Polisi Kepaduan; – Pembangunan; – PKS; dan – Ketelusan.
DALAM PERBINCANGAN	(iv) Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Kesatuan Eropah (MEUFTA)	<p>MEUFTA merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Akses Pasaran Barang; • Perkhidmatan dan Pelaburan; • Kemudahan Kastam dan Perdagangan; • Peraturan Tempasal; • Langkah-langkah Sanitari dan Fitosanitari; • Halangan Teknikal kepada Perdagangan; • Dasar Persaingan; • Hak Harta Intelek; • Perolehan Kerajaan; • Isu-isu Pembangunan Lestari (i.e. Tenaga Buruh dan Persekitaran); • Mekanisme Penyelesaian Pertikaian; dan • Ketelusan Isu-isu Perundungan.
DALAM PERBINCANGAN	(v) Malaysia-Majlis Kerjasama Teluk	<p>Skop Cadangan MGCC FTA:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perdagangan Barang; • Pelaburan; • Perdagangan Perkhidmatan; • Kerjasama; • Perdagangan Elektronik; dan • Penyelesaian Pertikaian.

Sumber: MITI



B
A
B

10

**KERJASAMA
EKONOMI ASEAN**

- *Komuniti Ekonomi ASEAN akan ditubuhkan menjelang 2015*
- *Kejayaan projek perintis pensijilan sendiri—Setakat ini, 30 syarikat Malaysia telah diiktiraf*
- *ASEAN+3 menunjukkan kemajuan*

TINJAUAN

Pada 2010, ASEAN meneruskan usaha memperluaskan komitmen serantau dan juga penglibatan asing. Usaha bagi mengintegrasikan sepuluh buah negara anggota ASEAN (AMS) ke dalam Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan juga ASEAN melalui kerjasama ekonomi serantau dan global telah membawa kepada kejayaan-kejayaan seperti berikut:

- realisasi Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-India (AFTA), Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA) dan Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-Korea (AKFTA) pada 1 Januari 2010;
- pelaksanaan Perjanjian Pembentukan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand (AANZFTA) dan Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN-India *Trade in Goods* (TIG) pada 1 Januari 2010 dan Perjanjian Pelaburan ASEAN-China pada 15 Februari 2010;
- melaksanakan Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN pada tarikh 17 Mei 2010;
- menandatangani Protokol Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Mengenai Perkhidmatan Kelapan (AFAS-8) pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-17 pada 28 Oktober 2010;
- penerbitan Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) pada Oktober 2010; dan
- pelaksanaan Projek Rintis Pensijilan Sendiri berkuat kuasa 1 November 2010.

Pada Sidang Kemuncak ASEAN yang diadakan pada bulan April dan Oktober 2010, para pemimpin ASEAN mengulangi iltizam mereka kearah matlamat mewujudkan Komuniti Ekonomi ASEAN menjelang tahun 2015. Mereka menegaskan bahawa komitmen ekonomi yang disasar kearah mewujudkan pasaran tunggal dan pusat pengeluaran serantau yang lebih berdaya saing tinggi dan bersepada di dalam ekonomi global akan dapat dicapai.

Inisiatif-inisiatif utama yang dilaksanakan untuk meningkatkan iklim perniagaan serantau bagi syarikat domestik dan trans-nasional yang beroperasi di ASEAN adalah:

- Pelan Induk Kesalinghubungan ASEAN untuk meningkatkan kesalinghubungan fizikal, manusia dan institusi;
- Garis Panduan ASEAN mengenai Dasar Persaingan Serantau;
- Garis Panduan ASEAN mengenai Dasar dan Undang-undang Persaingan Perniagaan;
- Kerjasama Pencarian dan Pemeriksaan Paten ASEAN (ASPEC);
- pembentukan ASEAN IP (IP – Harta Intelek) DIRECT bagi mempromosi penggunaan IP yang lebih meluas oleh stakeholders di rantau ASEAN; dan
- pembentukan Pelan Strategik ASEAN bagi Hak Harta Intelek (IPR) 2011-2015.

PENCAPAIAN

Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)

ASEAN kini telah melaksanakan AFTA untuk mengurang dan memansuhkan tarif dikalangan negara anggota melalui Skim Tarif Keutamaan Sama Rata (CEPT) di bawah AFTA.

Bermula 1 Januari 2010, duti import ke atas 7,881 lagi barisan tarif telah dimansuhkan oleh ASEAN-6 (Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Singapura), menjadikan jumlah barisan tarif dalam senarai bebas cukai di bawah AFTA meningkat kepada 54,457 (99.11%). Bagi Kembuja, Lao PDR, Myanmar dan

Viet Nam (CLMV), duti import untuk 2,003 lagi barisan tarif telah dikurangkan kepada 0% dan 5%, menjadikan jumlah barisan tarif 34,691 atau 98.86% dari jumlah barisan tarif CEPT. Malaysia telah memansuhkan duti bagi semua produk kecuali buah-buahan tropika, tembakau dan produk tembakau di mana duti importnya telah diturunkan kepada 5% dan juga beras di mana duti importnya dikurangkan kepada 20%.

Pada 17 Mei 2010, Perjanjian CEPT telah digantikan dengan Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN (ATIGA). Perjanjian baru ini menekankan disiplin yang tinggi dalam melaksanakan komitmen dan tanggungjawab ASEAN terhadap penghapusan dan pengurangan duti import dan pemansuhan NTB. Perjanjian tersebut juga meningkatkan ketelusan dalam konsesi serta rangka undang-undang yang stabil dan membolehkan ASEAN merealisasikan aliran bebas barang di rantau tersebut, bertujuan untuk menubuhkan sebuah pasaran tunggal dan pangkalan produksi pada tahun 2015. Jadual pengurangan / pemansuhan barisan tarif bagi Negara Anggota ASEAN adalah dilampirkan dalam perjanjian tersebut.

Bermula dari 1 November 2010, Malaysia, Singapura dan Brunei telah melaksanakan projek rintis bagi pensijilan sendiri yang akan dijalankan selama setahun. Dalam projek rintis ini, ASEAN telah mengambil pendekatan pensijilan eksport yang melibatkan pendaftaran pengeksport yang diberi kuasa mengeluarkan sijil keutamaan duti. Ini akan membolehkan syarikat tersebut memperakurkan dokumen eksport mereka bagi mendapatkan manfaat dari keutamaan duti. Sebanyak 30 buah syarikat dari Malaysia, 22 buah syarikat dari Singapura dan 10 dari Brunei telah menyertai projek rintis ini.

Peraturan Tempasal (RoO)

Bagi meningkatkan aliran perdagangan intra-ASEAN, RoO dan Prosedur Pensijilan Operasi (OCP) telah disemak dan dimasukkan ke dalam ATIGA. Ciri-ciri baru ini meliputi:

- kaedah pengiraan kandungan tempatan/ASEAN yang seragam;
- prinsip-prinsip bagi mengenal pasti kos keluaran ASEAN dan garis panduan untuk kaedah pengiraan;
- penentuan bahan tempatan;
- penentuan produk tekstil; dan
- proses penambahbaikan proses pengesahan, termasuk pengesahan di lapangan.

ASEAN telah melaksanakan Peraturan Spesifik Produk (PSR) yang telah disemak meliputi penggunaan 'Change in Tariff Heading' (CTH) sebagai kriteria pilihan dalam Peraturan Umum Tempasal disamping 'Kandungan Nilai Serantau 40% (RVC 40%). ASEAN juga telah merangka PSR disemak untuk produk di bawah Bab 15 (minyak haiwan dan minyak sayur-sayuran serta produk berkaitan) yang menyediakan kriteria yang lebih terbuka, bagi memudahkan syarikat layak memenuhi syarat-syarat keutamaan duti import di bawah ATIGA.

Jadual 10.1: Jumlah Perdagangan ASEAN, 2008-2010

NEGARA	Jumlah Perdagangan					
	Nilai (AS\$ juta)			Perubahan (%)		
	2008	2009	2010	2008	2009	2010
Jumlah	1,710,421.7	1,536,843.4	1,949,035.8	275.8	(85.9)	209.7
Brunei	11,860.2	9,568.2	9,600.0	21.6	(19.3)	0.3
Kemboja	8,775.6	8,886.7	12,100.0	15.8	1.3	36.2
Indonesia	266,217.7	213,339.2	293,400.0	41.2	(19.9)	(37.5)
Lao PDR	2,630.9	2,962.1	3,317.55	140.7	12.6	(12.0)
Malaysia	338,794.7	280,221.4	362,900.0	4.9	(17.3)	29.5
Myanmar	10,415.4	10,191.4	11,618.20	19.4	(2.2)	(13.7)
Filipina	105,671.0	83,868.6	101,200.0	(0.3)	(20.6)	20.7
Singapura	472,165.0	515,617.1	661,600.0	(16.1)	9.2	28.3
Thailand	352,534.2	286,266.8	337,700.0	20.1	(18.8)	18.0
Viet Nam	141,357.0	125,921.9	155,600.0	28.5	(10.9)	23.6

Nota: Data perdagangan awalan Sumber: Sekretariat ASEAN

Jadual 10.2: Jumlah Perdagangan Intra ASEAN, 2008-2010

NEGARA	Jumlah Perdagangan Intra ASEAN					
	Nilai (AS\$ juta)			Perubahan (%)		
	2008	2009	2010	2008	2009	2010
Jumlah	458,114.0	376,127.0	475,269.6	14.0	(17.9)	26.3
Brunei	3,544.3	2,472.1	1,313.3	11.0	(30.3)	46.9
Kemboja	1,909.9	2,097.9	2,328.6	24.5	9.84	11.0
Indonesia	68,162.5	52,345.9	65,340.9	47.9	(23.2)	24.8
Lao PDR	2,215.3	2,478.2	2,775.6	165.7	11.9	12.0
Malaysia	85,076.7	72,065.3	95,010.2	3.0	(15.3)	31.8
Myanmar	5,581.6	5,262.4	6,015.2	15.3	(5.7)	14.3
Filipina	21,398.4	17,339.5	26,894.9	2.4	(19.0)	55.1
Singapura	171,355.4	140,694.1	180,956.2	6.5	(17.9)	28.6
Thailand	69,375.3	59,250.1	74,661.4	19.8	(14.6)	26.0
Viet Nam	29,494.6	22,121.5	19,973.3	27.3	(25.0)	(9.7)

Nota: Rekod data Perdagangan Brunei (Januari-Jun 2010 sahaja)

Sumber: Disusun oleh MITI

Data bagi perdagangan Kemboja dan Lao PDR adalah data awam

Data perdagangan Indonesia (Januari-November 2010 sahaja)

Jadual 10.3: Eksport dan import Perdagangan Intra ASEAN, 2008-2010

NEGARA	Eksport Intra ASEAN						Import Intra ASEAN					
	Nilai (AS\$ juta)			Perubahan (%)			Nilai (AS\$ juta)			Perubahan (%)		
	2008	2009	2010	2008	2009	2010	2008	2009	2010	2008	2009	2010
Jumlah	242,497.30	199,587.3	258,597.20	11.6	-17.7	24.4	215,616.60	176,620.1	216,672.4	16.8	-18.1	22.7
Brunei	1,972.9	1,229.3	652.6	-8.2	-37.7	-46.9	1,571.4	1,242.8	660.7	50.6	-20.9	-46.8
Kemboja	310.6	644.6	966.9	23.5	107.5	50.0	1,599.3	1,453.3	1,361.7	24.7	-9.1	-6.3
Indonesia	27,170.8	24,623.9	30,065.7	21.8	-9.4	22.1	40,991.7	27,742.4	35,275.2	72.3	-32.3	27.2
Lao PDR	724.4	997.4	1,289.8	181.4	37.7	29.3	1,490.9	1,480.8	1,485.8	158.6	-0.7	0.3
Malaysia	50,401.4	40,365.1	50,451.4	11.3	-19.9	25.0	34,675.3	31,700.2	44,558.8	-7.1	-8.6	40.6
Myanmar	3,853.4	3,196.7	3714.0	12.4	-17.0	16.2	1,728.2	2,065.7	2301.2	22.3	19.5	11.4
Filipina	7,081.7	5,838.4	11,550.4	-11.8	-17.6	97.8	14,316.7	11,561.1	15,344.5	11.2	-19.2	32.7
Singapura	101,477.3	81,646.5	106,404.4	6.8	-19.5	30.3	69,878.1	59,047.6	74,551.8	6.1	-15.5	26.3
Thailand	39,487.0	32,490.6	44,333.9	20.0	-17.7	36.5	29,888.2	26,759.5	30,327.5	19.6	-10.5	13.3
Viet Nam	10,017.8	8,554.8	9,168.1	29.6	-14.6	7.2	19,476.8	13,566.7	10,805.2	26.1	-30.3	-20.4

Nota: Rekod data Perdagangan Brunei (Januari-Jun 2010 sahaja)

Sumber: Sekretariat ASEAN

Data bagi perdagangan Kemboja dan Lao PDR adalah data awalan

Data perdagangan Indonesia (Januari-November 2010 sahaja)

PERKHIDMATAN

Pada Oktober 2010, ASEAN telah memuktamadkan Paket Ketujuh Liberalisasi Sektor Perkhidmatan di mana 65 sub-sektor telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan sepenuhnya di bawah Pelan Tindakan AEC. Terdapat tiga lagi paket liberalisasi perkhidmatan yang akan dilaksanakan pada tahun 2012, 2014 dan 2015.

ASEAN perlu menyelesaikan Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Mengenai Perkhidmatan Kelapan (AFAS 8) menjelang Ogos 2011. Di bawah Paket Kelapan, sejumlah 80 sub-sektor perlu mematuhi sepenuhnya had dan parameter yang telah dipersetujui. Liberalisasi menyeluruh diperlukan bagi keempat-empat mod penawaran secara umum, negara-negara anggota tiada halangan bagi Mod 1 (Penawaran Rentas Sempadan) dan Mod 2 (Penggunaan Luar Negara) tetapi menghadapi kesukaran dalam Mod 3 (Kehadiran Komersil) dan Mod 4 (*Movement of Natural Persons*).

Bagi Sektor Integrasi Keutamaan (PIS), komitmen akses pasaran yang dibuat di bawah Mod 3 membolehkan pemilikan ekuiti asing yang lebih tinggi (ASEAN) serta memansuhkan sekatan berkaitan dengan kehadiran komersil di negara anggota. Di bawah AFAS 8, halangan-halangan Layanan Nasional yang mendiskriminasi pembekal perkhidmatan asing berbanding pembekal perkhidmatan tempatan dalam negara anggota adalah terhad kepada empat jenis.

Pelan Strategik AEC mensasarkan liberalisasi ekuiti asing (ASEAN) dalam sub-sektor perkhidmatan mencapai sekurang-kurangnya 70% pada tahun 2015.

Bagi Mod 4, ASEAN sedang merangka ASEAN Framework Agreement for Movement of Natural Persons sebagai usaha liberalisasi mod pembekalan secara menyeluruh. Perkara-perkara yang dibincangkan di dalam kumpulan kerja buruh dan imigresen akan turut dimasukkan ke dalam perjanjian ini. Tumpuan yang khusus juga diberikan bagi memudahkan pergerakan golongan profesional/pembekal perkhidmatan ASEAN.

KERJASAMA SEKTORAL

Kemajuan yang ketara telah dicapai dalam sektor-sektor ekonomi di bawah seliaan Menteri yang bertanggungjawab di bawah pelaksanaan Pelan Tindakan AEC bagi mencapai matlamat Komuniti Ekonomi ASEAN.

Pertanian

Mesyuarat Menteri-menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN kali ke-32 yang diadakan di Phnom Penh pada 23 Oktober 2010 telah meluluskan piawaian ASEAN dan dokumen-dokumen berikut:

- Garis Panduan Fitosanitari ASEAN untuk Pengimportan Bunga *Dendrobium*;
- 13 Had Sisa Keseragaman Maksimum ASEAN (MRL) untuk sembilan racun perosak;
- Standard ASEAN untuk Nangka, Timun, Tembakai dan *Salacca*;
- ASEAN Chain of Custody Guideline - Kayu-kayan; dan
- Pelan Hala Tuju ke Arah Komuniti ASEAN Bebas Selesama Burung Menjelang 2020.

Pengangkutan

Pada November 2010, Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN telah meluluskan Pelan Tindakan Pengangkutan ASEAN (ATAP) 2011-2015, berdasarkan kepada penilaian menyeluruh mengenai keadaan pengangkutan semasa di ASEAN dan pencapaian dalam pelaksanaan ATAP 2005-2010 dan juga pelan-pelan lain yang berkaitan. Pelan semakan akan berfungsi sebagai panduan untuk memastikan bahawa kerjasama pengangkutan ASEAN berkesan dan berjaya dilaksanakan untuk mewujudkan Pasaran Penerbangan ASEAN Tunggal, Pasaran Perkapalan ASEAN Tunggal dan meningkatkan kesalinghubungan pengangkutan dengan seluruh dunia termasuk rakan dialog ASEAN. Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN juga menandatangani Perjanjian Pelbagaihal ASEAN bagi Liberalisasi Penuh Penumpang Udara.

Pelancongan

Pelan Strategik Pelancongan ASEAN (ATSP) 2011-2015 yang telah diluluskan pada Mesyuarat Menteri-menteri Pelancongan ASEAN pada Januari 2011 menjelaskan halatuju strategik dan langkah-langkah bagi mengintegrasikan sektor pelancongan di ASEAN. Pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan untuk mengukuhkan sektor pelancongan ASEAN diantaranya, *China International Travel Mart (CITM) 2010*, *ASEAN Jepun Fair 2010* dan Bengkel Pembangunan Lestari Destinasi Pelancongan bagi BIMP-EAGA.

Kewangan

Bidang kerjasama kewangan telah mencapai kemajuan yang membanggakan. Inisiatif-inisiatif utama yang dilaksanakan pada tahun 2010 di bawah Usahasama Rangka Kerja ASEAN+3 yang meliputi *Chiang Mai Initiative Multilateralisation (CMIM)*, pengoperasian Pejabat Penyelidikan Ekonomi Makro (AMRO) dan penubuhan Forum Pasaran Bon dan Jaminan Kredit. Pembentukan Tabung Infrastruktur ASEAN bagi membantu pembiayaan keperluan infrastruktur mega serantau adalah dalam proses perbincangan.

Telekomunikasi

Pelan Induk ICT 2015 telah dibentangkan pada Mesyuarat Menteri-menteri Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat ASEAN Ke-10 yang berlangsung di Kuala Lumpur dari 10 hingga 14 Januari 2011. Ia merupakan perancangan projek dan tindakan yang menyeluruh dengan sasaran yang jelas bagi tempoh lima tahun akan datang dan seterusnya untuk mencapai matlamat ASEAN.

Tenaga

Pelaksanaan Pelan Tindakan Kerjasama Tenaga ASEAN (APAEC) 2010-2015 yang telah dipersetujui bersama dalam Mesyuarat Menteri Tenaga ASEAN (AMEM) pada Julai 2009 telah dilaksanakan mengikut jadual. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Pelan Induk Kesalinghubungan ASEAN, pegawai-pegawai kanan telah diberi tanggungjawab oleh AMEM untuk menggiatkan usaha kearah inisiatif kesalinghubungan tenaga melalui program-program seperti Grid Kuasa ASEAN dan Saluran Paip Gas Rentas ASEAN.

Bagi mencapai matlamat mengurangkan penggunaan tenaga serantau sekurang-kurangnya 8% pada tahun 2015 (berdasarkan kadar tahun 2005), ASEAN telah bersetuju untuk melaksanakan penilaian semula terhadap kecekapan tenaga ASEAN serta mewujudkan sebuah pelan tindakan dan pemantauan yang sistematis bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.

JALINAN SERANTAU DENGAN RAKAN-RAKAN DIALOG

FTA ASEAN+1 telah menyediakan akses pasaran yang luas untuk eksport ASEAN ke rakan perdagangan utama, terutamanya PRC dan India. Kerjasama juga telah dipertingkatkan melalui inisiatif ASEAN+3 dengan PRC, Jepun dan ROK. Ini jelas menunjukkan bahawa ASEAN masih bergantung kepada perdagangan dengan negara-negara luar.

ASEAN+3

ASEAN+3 merupakan mekanisme yang penting bagi mewujudkan Komuniti Asia Timur. Inisiatif-inisiatif utama yang dilaksanakan pada tahun 2010 termasuk:

- penguatkuasaan Chiang Mai *Initiative Multilateralisation (CMIM)*;
- pengoperasian Pusat Penyelidikan Makroekonomi ASEAN+3 (AMRO);
- penubuhan Forum Pasaran Bon dan Jaminan Kredit; dan
- pembentukan rizab beras kecemasan bagi ASEAN+3.

Beberapa projek kerjasama dan program bina upaya telah dilaksanakan dalam bidang-bidang seperti pengangkutan, tenaga, telekomunikasi, perdagangan dan fasilitasi pelaburan, dan pengukuran kesesuaian seperti yang ditetapkan dalam Program Kerja ASEAN+3 2007-2017.

Sidang Kemuncak Asia Timur

Sidang Kemuncak Asia yang kelima pada bulan Oktober 2010 di Hanoi, Viet Nam telah bersetuju untuk mengukuhkan kerjasama dalam lima bidang utama: pendidikan, kewangan, tenaga, pengurusan bencana dan pencegahan selsema burung. Bagi perdagangan dan pelaburan, usaha berterusan dilaksanakan bagi mengukur kesesuaian pembentukan kerjasama ekonomi menyeluruh di Asia Timur dan juga FTA ASEAN+3.

ASEAN-China

ASEAN dan PRC menandatangani Protokol Kedua bagi meminda Perjanjian Perdagangan Barang di bawah Perjanjian Rangka Kerja Komprehensif Ekonomi antara ASEAN dan China di Sidang Kemuncak ASEAN Ke-17 pada Oktober 2010. Penambahbaikan telah dilakukan terhadap OCP. Di bawah protokol tersebut, syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti eksport dan import dengan PRC kini dibenar menggunakan invois pihak ketiga dan susunan sijil keutamaan bagi menikmati keistimewaan tarif di bawah ACFTA.

Pelbagai inisiatif pembangunan kapasiti telah dilaksanakan bawah Tabung Kerjasama ASEAN-China seperti Bengkel OCP ASEAN-China dan Forum Pembangunan PKS. ASEAN dan PRC berusaha kearah untuk mempermudahkan prosedur Kastam dan meningkatkan kerjasama dalam pemeriksaan dan pengasingan piawaian teknikal yang ditetapkan. Portal perniagaan ASEAN-China telah ditubuhkan bagi menyalurkan maklumat penting kepada sektor perniagaan berkenaan perdagangan dan pelaburan ASEAN-China.

Rundingan dalam pakej kedua komitmen dalam Perjanjian Perkhidmatan Perdagangan ASEAN-China telah dimuktamadkan dan satu Protokol bagi memasukkan pakej kedua ini dijangka akan ditandatangani pada Ogos 2011.

Bagi meningkatkan hubungan dengan sektor swasta, PRC telah menganjurkan Expo China-ASEAN Ketujuh yang telah diadakan di Nanning pada 20-24 Oktober 2010. Sebanyak 101 syarikat Malaysia dan agensi kerajaan telah menyertai pameran tahunan ini bagi memperluaskan pasaran bagi produk mereka serta memanfaatkan prospek pelaburan di China dan FTA ASEAN-China.

ASEAN-Korea

Sidang Kemuncak ASEAN-Korea Ke-13 di Hanoi pada Oktober 2010 telah meluluskan Pelan Tindakan Pelaksanaan Kerjasama Strategik ASEAN-Korea bagi Keamanan dan Kemakmuran 2011-2015 disamping menegaskan komitmen untuk meningkatkan perdagangan dua hala sehingga menccah AS\$150 bilion menjelang tahun 2015 dengan pelaksanaan ASEAN-Korea FTA (AKFTA) pada tahun 2010.

Satu MoU diantara Kerajaan Malaysia (MITI) dan ROK (Perkhidmatan Kastam Korea berkaitan Kerjasama Pengurusan Pentadbiran Bersama dan Kerjasama Pensijilan dan Pengesahan Tempasal di bawah Perjanjian Perdagangan Barang yang ditandatangani pada 15 November 2010. Objektif MoU tersebut adalah:

- mengukuhkan kerjasama berhubung pentadbiran proses pensijilan dan pengesahan tempasal;
- bekerjasama dalam pertukaran maklumat bagi membantu memastikan keberkesanan pensijilan dan pengesahan tempasal dan produk berdasarkan keutamaan layanan tarif;
- memberikan bantuan teknikal kepada kedua-dua belah pihak bagi menyalaras dan membangunkan pensijilan elektronik tempasal; dan
- mengukuhkan pembangunan kapasiti kepada pegawai penguatkuasa bagi memastikan pensijilan tempasal yang cepat dan tepat.

ASEAN-Jepun

ASEAN dan Jepun memulakan rundingan perdagangan perkhidmatan dan pelaburan di bawah Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif ASEAN-Jepun (AJCEP). Kedua-dua perjanjian ini dijangka akan dimuktamadkan pada Ogos 2011 dan akan meningkatkan pelaburan Jepun di rantau ASEAN. Sejak pelaksanaan AJCEP pada 1 Februari 2009, terdapat peningkatan yang ketara dalam eksport Malaysia. Pada tahun 2010, 8,486 borang AJ dengan jumlah dagangan RM2,027 juta telah dikeluarkan (2009: 4,507 borang AJ dengan jumlah dagangan RM1,522 juta).

Pada Dialog Ketiga diantara Setiausaha Agung ASEAN dan Persekutuan Dewan Perniagaan dan Industri ASEAN (FJCCIA), beberapa inisiatif baru telah diusulkan bagi mempermudahkan prosedur sedia ada bagi meningkatkan aktiviti perdagangan. Cadangan ini sedang dipertimbangkan oleh beberapa jawatankuasa ASEAN. Dialog Keempat akan diadakan di Kuala Lumpur pada 8-9 Julai 2011.

ASEAN-India

Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN-India mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2010. Rundingan masih dijalankan bagi Perjanjian Perdagangan Perkhidmatan dan Pelaburan, di mana ASEAN dan India telah bersetuju untuk meningkatkan usaha-usaha bagi memuktamadkan perjanjian tersebut menjelang 2011. Bagi meningkatkan kesedaran berhubung FTA, Persidangan Perniagaan dan Pameran ASEAN-India akan diadakan pada 2-6 Mac 2011. ASEAN dan India telah mempertingkatkan usaha bagi melaksanakan Pelan Tindakan ASEAN-India (2010-2015) untuk mengukuhkan lagi kerjasama ekonomi diantara kedua-dua negara. Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Malaysia-India telah ditandatangani pada 18 Februari 2011.

ASEAN-Australia-New Zealand (AANZFTA)

AANZFTA telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2010. Laman sesawang AANZFTA (<http://www.aanzfta.asean.org>) telah dilancarkan semasa Forum Perniagaan AANZFTA pada 2010 bagi meningkatkan kesedaran dikalangan komuniti perniagaan di kedua-dua rantau. Beberapa projek di bawah Program Sokongan Kerjasama Ekonomi AANZFTA (AECSP) telah dilaksanakan pada tahun 2010 seperti:

- Seminar/Bengkel Peraturan Proses Pengeluaran Kimia dan Plastik bagi Peraturan Tempasal AANZFTA (Peraturan Tindak Balas Kimia);
- Program bina upaya bagi Pemantauan Pelaksanaan Keutamaan Tarif AANZFTA;
- Program *outreach* AANZFTA dan Bengkel Sokongan Awam;
- Persidangan Jenayah Harta Intelektual; dan
- Bengkel Penerimaan Protokol Madrid.

ASEAN-Rusia

Satu Kenyataan Bersama mengenai peningkatan dan pengukuhan mekanisme dialog telah dipersejui oleh Ketua-ketua Negara ASEAN dan Rusia di Sidang Kemuncak ASEAN-Rusia Kedua pada Oktober 2010. Menteri Ekonomi dan pegawai-pegawai kanan ASEAN dan Rusia telah ditugaskan untuk membangunkan pelan hala tuju kerjasama ekonomi yang menyeluruh bagi meningkatkan kerjasama ASEAN-Rusia dalam industri, pembangunan PKS, R&D dan penglibatan sektor swasta.

ASEAN-Amerika Syarikat (AS)

Salah satu inisiatif yang telah dilaksanakan pada 2010 adalah misi perdagangan Menteri-menteri Ekonomi ASEAN ke Seattle dan Washington, AS pada 3-8 Mei 2010. Misi tersebut telah berjaya meningkatkan imej serantau dikalangan pemimpin politik dan perniagaan serta institusi penyelidikan di AS. Menteri-menteri ASEAN telah bertemu dengan beberapa pemimpin penting termasuk Wakil Perdagangan AS. Beberapa bidang kerjasama telah dikenalpasti seperti fasilitasi perdagangan, perdagangan dan kewangan, kerjasama Bank EXIM ASEAN dan AS, dan dialog antara kerajaan dan sektor swasta. Selain misi perdagangan ke AS, Menteri-menteri Ekonomi ASEAN juga mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin perniagaan dari Majlis Perniagaan ASEAN-US di Da Nang, Viet Nam pada Ogos 2010. Bank EXIM AS telah menandatangani MoU dengan Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia, Filipina dan Singapura.

ASEAN-Kesatuan Eropah (EU)

Hubungan ekonomi antara ASEAN dan EU dijangka akan dapat diperkuuh dan ditingkatkan melalui ASEAN-EU FTA yang dilancarkan pada Mei 2007. Satu Jawatankuasa Bersama yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan telah ditubuhkan untuk melaksanakan rundingan bagi modaliti, program kerja dan tempoh masa bagi FTA tersebut. Enam Kumpulan Pakar bagi Perkhidmatan dan Pelaburan, Peraturan Tempasal, Sanitari dan Fitosanitari (SPS), Halangan Teknikal kepada Perdagangan (TBT), Kastam dan Fasilitasi Perdagangan, dan Penyelesaian Pertikaian ditubuhkan di bawah jawatankuasa bersama ini. Walau bagaimanapun, rundingan FTA ini terhenti pada Mesyuarat Jawatankuasa Bersama ketujuh yang diadakan pada 5-6 Mac 2009 di Kuala Lumpur, bagi membolehkan kajian yang lebih mendalam terhadap kesesuaian format rundingan.

PROSPEK

Pertumbuhan ekonomi pada 2011 di rantau ASEAN dijangka akan kekal stabil dan mencapai purata pertumbuhan KDNK serantau diantara 5.5% dan 6%. ASEAN perlu mempercepatkan penubuhan ASEAN *Single Window* (ASW) dan sistem repositori perdagangan nasional dan serantau untuk membantu pelabur dan perniagaan di rantau ini. ASEAN harus mempertingkatkan kerjasama dalam semua sektor ekonomi, terutama peningkatan kesalinghubungan fizikal melalui penambahbaikan polisi pengangkutan serantau. ASEAN perlu meningkatkan penglibatan sektor swasta dan mengenal pasti masalah mereka bagi mengekalkan pertumbuhan di rantau ASEAN.

Artikel 10.1: Projek Perintis bagi Pelaksanaan Sistem Pensijilan Sendiri Serantau

Brunei Darussalam, Malaysia dan Singapura telah melancarkan projek rintis bagi memulakan Sistem Pensijilan Sendiri ASEAN bagi tempoh satu tahun bermula 1 November 2010. Di bawah projek rintis Skim Pensijilan Sendiri, MITI telah membenarkan 30 pengeluar/pengekspor untuk mengisyihar sendiri negara asal di dalam invois komersil barang mereka bagi memohon keistimewaan tarif dan tidak perlu menggunakan Borang D ATIGA yang perlu disahkan oleh pihak berkuasa iaitu MITI. Para pengekspor akan mengisyiharkan di dalam invois mereka bahawa produk yang dieksport mematuhi Peraturan Tempasal ATIGA. Para pengekspor bertanggungjawab untuk memastikan produk yang dieksport mematuhi Peraturan Tempasal dan Skim Keutamaan.

MoU diantara Brunei, Malaysia dan Singapura bagi projek rintis pelaksanaan Sistem Pensijilan Sendiri Serantau telah ditandatangani oleh Menteri-menteri Ekonomi ketiga-tiga negara pada 30 Ogos 2010. Negara-negara anggota yang lain juga masih boleh menyertai MoU tersebut kemudian.

Dalam melaksanakan pengisyiharan sendiri, pengeluar/pengekspor perlu menyatakan perkara berikut di dalam invois mereka:

"Pengekspor yang diperakui akan, di dalam hal mengekspor barang, memenuhi kriteria asal untuk memasukkan perisyiharan berikut ke dalam invois: Pengekspor produk (produk-produk) yang dinyatakan di dalam dokumen berikut (No Perakuan Pengesport.....) mengisyiharkan bahawa, kecuali di mana sebaliknya jika dinyatakan dengan jelas, produk-produk tersebut adalah mematuhi Peraturan Tempasal untuk dipertimbangkan sebagai produk-produk keluaran ASEAN di bawah ATIGA (Negara Tempasal ASEAN.....) dengan ciri-ciri tempasal....."

Pensijilan Sendiri bukan sahaja mengurangkan beban kos dan dokumentasi kepada pengekspor apabila memohon layanan keistimewaan tarif, tetapi juga meningkatkan kecekapan penghantaran barang. Ekonomi-ekonomi APEC yang telah melaksanakan skim pensijilan sendiri termasuklah Australia, Brunei, Kanada, Chile, Jepun, ROK, New Zealand, Peru, Singapura dan AS.

Skim pensijilan sendiri akan dilaksanakan sepenuhnya oleh negara-negara anggota ASEAN bagi perdagangan intra-ASEAN, menjelang 2012. MITI telah memberi pengesahan kepada sejumlah 187,627 Borang D ATIGA pada 2010 dan 145,422 pada 2009. Skim ini mengurangkan beban kerja pihak berkuasa dan membolehkan pegawai-pegawai menumpukan perhatian kepada aktiviti-aktiviti teras. Program peningkatan kesedaran sedang dijalankan bagi meningkatkan jumlah syarikat-syarikat yang diberi kebenaran boleh melakukan pensijilan sendiri.

Pengekspor yang diiktiraf oleh MITI tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- pengekspor mesti mempunyai sistem rekod bagi tujuan pengenalpastian dan pengesahan ketepatan perisyiharan yang telah dibuat. Rekod dan akaun mesti disediakan bagi pengenalpastian dan pengesahan status asal barang di mana deklarasi invois hendaklah dibuat dalam tempoh tiga tahun daripada tarikh perisyiharan dibuat berdasarkan undang-undang dan ketetapan domestik;

- pengesport hendaklah membuat Deklarasi Invois hanya kepada barang yang mempunyai semua dokumen berkaitan yang mengesahkan status tempat asal barang tersebut, pada masa perisyiharan dibuat;
- pengekspor perlu bertanggungjawab untuk memastikan individu atau individu-individu yang bertanggungjawab melakukan Deklarasi Invois mempunyai pengetahuan dan memahami Peraturan Tempasal seperti dinyatakan di dalam perjanjian; dan
- pengesport perlu memikul tanggungjawab sepenuhnya terhadap kesemua Deklarasi Invois yang dibuat, bagi pihak syarikat termasuk penyalahgunaan.

Jika sebarang penipuan berkaitan Deklarasi Invois dikesan dan dilakukan oleh pengekspor tersebut, tindakan tegas akan diambil bagi membatalkan kemudahan yang diberikan dan pengekspor akan menghadapi hukuman seperti termaktub di dalam Akta Kastam ataupun undang-undang lain yang berkaitan di Malaysia.



WORLD TRADE
ORGANIZATION



d
DOHA
DEVELOPMENT
AGENDA



B
A
B

11

**PERKEMBANGAN
SISTEM
PERDAGANGAN
PELBAGAIHALA**

- *Malaysia terus aktif dan komited dalam rundingan DOHA*
- *Pengurangan penyelewengan subsidi dalam perdagangan meningkatkan daya saing produk pertanian Malaysia di pasaran global*

TINJAUAN

Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) merupakan sebuah pertubuhan antarabangsa utama yang mentadbir peraturan perdagangan global barang dan perkhidmatan bagi memastikan kesaksamaan dalam perdagangan melalui prinsip Layanan Negara Istimewa (MFN) dan layanan negara. WTO memantau amalan dan peraturan perdagangan, mengendali pertikaian perdagangan dan mempromosi liberalisasi perdagangan melalui rundingan perdagangan berterusan.

Buat masa kini, rundingan tertumpu kepada Agenda Pembangunan Doha yang juga dikenali sebagai Pusingan Doha. Walaupun usaha telah diperkuatkkan bagi memuktamadkan pusingan ini pada 2010, kemajuan yang ditunjukkan adalah terhad. Ketua Pengarah WTO telah mencadangkan pelan hala-tuju bagi memuktamadkan Pusingan Doha pada 2011 seperti berikut:

- Januari-April 2011: Teks semakan dikeluarkan oleh Ketua-ketua Kumpulan Rundingan;
- April-Julai 2011: Perbincangan mengenai *trade-off* merentasi isu-isu rundingan;
- Julai-Disember 2011: Penyediaan jadual komitmen; dan
- Disember 2011: Pemuktamadan dan pengesahan pakej modaliti terakhir.

Bidang-bidang rundingan utama meliputi Pertanian, Akses Pasaran Barang Bukan Pertanian (NAMA), Perkhidmatan, Fasilitasi Perdagangan, Alam Sekitar, Aspek-aspek berkaitan Perdagangan mengenai Hak Harta Intelek (TRIPs), Peraturan (termasuk Perikanan), Persefahaman Penyelesaian Pertikaian (DSU) serta Perdagangan dan Pembangunan.

Selain rundingan Pusingan Doha, bidang kerja WTO pada 2010 turut meliputi kajian semula dasar perdagangan negara-negara anggota, rundingan kemasukan anggota baru dan pemantauan berterusan terhadap pelaksanaan perjanjian-perjanjian WTO.

PERKEMBANGAN DALAM BIDANG-BIDANG RUNDINGAN UTAMA

Pertanian

Rundingan bertumpu kepada pembangunan templat dan pengenalpastian data yang diperlukan bagi melaksanakan konsesi berdasarkan draf modaliti Disember 2008 yang menggariskan formula bagi pengurangan/pemansuhan tarif dan subsidi, dan memperkuatkkan tatacara mengenai pembiayaan eksport. Malaysia terlibat secara aktif dalam rundingan bagi meningkatkan akses pasaran melalui pengurangan sekat tarif dan bukan-tarif bagi produk yang berkepentingan kepada Malaysia. Pengurangan ke atas penyelewengan subsidi perdagangan yang diberikan kepada para petani, terutama di kalangan negara maju akan meningkatkan daya saing keluaran pertanian Malaysia di pasaran global.

Akses Pasaran Barang Bukan Pertanian (NAMA)

Rundingan memberi tumpuan kepada penjelasan isu-isu teknikal serta merapatkan jurang perbezaan dalam bidang utama, terutamanya liberalisasi sektor-sektor terpilih (sektoral) dan NTB. Dalam rundingan sektoral, ahli-ahli membincangkan kaedah bagi memansuhkan tarif-tarif melampaui keseluruhan had formula yang telah dipersetujui. Jepun telah mencadangkan pembahagian produk mengikut 'kaedah bakul' (*basket approach*) berdasarkan sensitiviti produk, dan seterusnya memberi kelonggaran mengikut keperluan ahli.

Isu-isu lain termasuk penyertaan secara sukarela serta Layanan Istimewa dan Berbeza (S&D) untuk negara-negara sedang membangun. Sektor-sektor yang berkepentingan kepada Malaysia ialah E&E, jentera perindustrian dan barang permainan.

Tujuh cadangan NTB telah dibincangkan:

- Fasilitasi Penyelesaian NTB;
- Perdagangan Barang Pembuatan Semula;
- Sektor Produk Kimia dan Bahan;
- Prosedur Pematuhan Penilaian bagi Produk Automotif;
- Standard, Peraturan Teknikal dan Prosedur Pematuhan Penilaian;
- Keselamatan Elektrik dan Kesesuaian Elektromagnetik (EMC) untuk Barang Elektronik; dan
- Pelabelan produk tekstil dan pakaian serta kasut.

Penekanan telah diberikan kepada isu berkaitan badan-badan piawaian antarabangsa terutamanya berhubung pelantikan badan piawaian dan Prosedur Pengesahan Penilaian (CAP) khusus. Malaysia terlibat secara aktif dalam semua perbincangan dan rundingan bagi merapatkan jurang bagi isu-isu utama yang tertangguh serta memansuhkan sekat terhadap produk-produk yang berkepentingan eksport.

Perkhidmatan

Fokus rundingan tertumpu kepada pencapaian liberalisasi akses pasaran yang lebih tinggi, membangunkan tatacara mengenai pengawalan dan peraturan domestik (merangkumi perlindungan kecemasan, Perolehan Kerajaan (GP) dan subsidi), serta layanan istimewa kepada Negara Kurang Membangun (LDC).

Rundingan dua hala dan *plurilateral* adalah berterusan bagi meningkatkan liberalisasi sektor perkhidmatan. Australia telah mencadangkan ‘kaedah kelompok’ (*cluster approach*) untuk meningkatkan tahap liberalisasi dalam sektor ini. Di bawah kaedah ini, pelbagai aktiviti akan diliberalisasikan di dalam sub-sektor tertentu, seperti rantai logistik yang melibatkan perkhidmatan pengedaran perdagangan, perkhidmatan pengangkutan dan penghantaran ekspres. AS juga telah memperkenalkan konsep yang hampir sama melibatkan sektor ICT. Ahli-ahli termasuk Malaysia bersikap terbuka untuk membincangkan dengan lebih lanjut mengenai pendekatan kelompok ini.

Rundingan terhadap peraturan yang merangkumi langkah-langkah perlindungan kecemasan (ESM) dan GP menunjukkan kemajuan yang terhad disebabkan perbezaan pendapat dan kurang sokongan daripada negara-negara anggota. Negara-negara anggota meneruskan perbincangan mengenai jenis-jenis subsidi dalam perkhidmatan dengan sasaran untuk merangka definisi subsidi bagi sektor perkhidmatan.

Rundingan mengenai layanan keutamaan untuk LDC dalam sektor perkhidmatan berjalan lancar. Ahli-ahli pada dasarnya bersetuju untuk mengecualikan LDC daripada sebarang komitmen. Walau bagaimanapun, perbincangan teknikal akan diteruskan untuk membincangkan skop pengecualian tersebut.

Fasilitasi Perdagangan

Rundingan menunjukkan perkembangan yang sewajarnya di mana ahli-ahli bersetuju dengan pelaksanaan tiga ketetapan yang akan dilaksanakan apabila Perjanjian Fasilitasi Perdagangan ini dikuatkuasakan, berdasarkan tempoh tamat pelaksanaan sebagaimana ditetapkan oleh setiap ahli dan tertakluk kepada penerimaan bantuan teknikal dan tarikh tamat sesuatu tempoh pelaksanaan.

Perdagangan Berkaitan Aspek-aspek Hak Harta Intelek (TRIPs)

Fokus rundingan:

- penubuhan pendaftar penunjuk geografi (GI) pelbagaihala bagi wain dan *spirit*;
- hubungan antara TRIPs dan Konvensyen Mengenai Kepelbagaiaan Biologi (CBD);
- peluasan perlindungan GI yang lebih tinggi kepada produk lain sebagaimana yang diberikan kepada wain dan *spirit*; dan
- kajian semula Artikel 27(3) (b) Perjanjian TRIPs, yang menawarkan pengecualian daripada paten bagi tumbuh-tumbuhan dan pelbagai jenis haiwan.

Perbincangan tertumpu kepada aspek teknikal cadangan penubuhan pendaftar GI pelbagaihala, terutama berkaitan dengan kesan perundangan pendaftaran. Kajian teknikal telah dijalankan untuk menjelaskan terma undang-undang tertentu dalam cadangan berkaitan dengan pendaftaran dan tafsiran GI dalam perundangan WTO. Kemajuan dalam rundingan TRIPs adalah terhad disebabkan perbezaan pendirian dikalangan negara-negara Ahli.

Perdagangan dan Alam Sekitar

Perkhidmatan alam sekitar ialah satu komponen penting dalam rundingan perdagangan dan alam sekitar. Perbincangan masih di peringkat awal dengan visi untuk mempertingkatkan tahap liberalisasi perkhidmatan alam sekitar.

Rundingan memberi fokus kepada liberalisasi akses pasaran bagi barang dan perkhidmatan yang mesra alam melalui pengurangan atau pemansuhan tarif dan NTB. Perbincangan telah diadakan bagi mengenal pasti *climate goods* yang menyumbang secara langsung kepada pengurangan pemanasan global. Pelbagai pendekatan telah dipertimbangkan untuk liberalisasi perkhidmatan dan barang alam sekitar tetapi ahli-ahli berbeza pendirian dalam menentukan pendekatan terbaik untuk diguna pakai.

Rundingan diteruskan mengenai hubungan antara Perjanjian Alam Sekitar Pelbagaihala (MEA) dan Perjanjian WTO, serta status pemerhati perwakilan MEA dalam WTO.

Peraturan

Rundingan berdasarkan draf teks Disember 2008 memberi fokus kepada usaha meningkatkan disiplin di bawah Perjanjian Anti-lambakan (AD) serta Subsidi dan Langkah Timbal Balas (SCM), termasuk subsidi perikanan dan Perjanjian Perdagangan Serantau (RTA).

Ahli-ahli meneruskan perbincangan mengenai isu-isu:

- anti-lambakan termasuk pensifaran (*zeroing*), *sunset reviews*, peraturan pengurangan duti (*lesser-duty rule*) dan peruntukan mengenai kepentingan awam (*public interest provisions*);
- skop dan definisi subsidi yang dilarang, subsidi boleh dakwa (*actionable subsidies*) dan kredit ekspor;
- disiplin terhadap subsidi perikanan bagi menangani masalah lebihan kapasiti dan penangkapan ikan yang berlebihan; dan
- menyediakan peraturan yang lebih telus dan boleh dijangka pada RTA.

Persefahaman Penyelesaian Pertikaian

Perbincangan diteruskan berhubung kajian semula Persefahaman Penyelesaian Pertikaian (DSU) berdasarkan draf teks 2008. Meskipun kajian semula DSU bukan sebahagian daripada komitmen bersepada (*single undertaking*) (bagi memuktamadkan rundingan di bawah Agenda Pembangunan Doha secara serentak), negara-negara anggota berhasrat untuk menyempurnakan kajian tersebut apabila rundingan Pusingan Doha dimuktamadkan.

KAJIAN SEMULA DASAR PERDAGANGAN

Mekanisme Kajian Semula Dasar Perdagangan (TPRM) bertujuan mempertingkatkan ketelusan amalan perdagangan anggota WTO dan dasar serta langkah-langkah berkaitan perdagangan. Semua Ahli WTO perlu menjalani proses kajian semula dasar perdagangan dan kekerapan kajian setiap negara adalah berdasarkan nilai sumbangan mereka dalam perdagangan dunia.

Negara-negara yang telah melaksanakan kajian semula dasar perdagangan ialah Malaysia, El Salvador, Croatia, Albania, PRC, Malawi, Chinese Taipei, AS, Sri Lanka, Papua New Guinea dan Hong Kong SAR. Laporan kajian semula dasar perdagangan tersebut boleh diperolehi dari laman sesawang WTO.

KEMASUKAN

Sejumlah 30 negara kini berada di pelbagai tahap penyertaan dalam WTO. Rusia dan Serbia adalah antara negara yang berada pada peringkat terakhir proses kemasukan dalam WTO. Kedua-dua negara telah melaksanakan reformasi domestik yang menyeluruh dalam usaha mematuhi peraturan dan prosedur kemasukan yang ditetapkan WTO.

SISTEM KEUTAMAAN

PERDAGANGAN GLOBAL (GSTP)

GSTP merupakan satu sistem keutamaan perdagangan bagi meningkatkan perdagangan Selatan-Selatan melalui pengurangan atau pemansuhan duti import di kalangan negara Ahli. Perjanjian GSTP dikuatkuasa pada 19 April 1989 dengan pembabitan 48 negara. Rundingan Pusingan Pertama dan Pusingan Kedua telah dimuktamadkan pada tahun 1986 dan 1992.

Pada 15 Disember 2010, Rundingan Pusingan Ketiga yang bertujuan untuk memperluaskan skop konsesi GSTP telah dimuktamadkan dan ditandatangani di Brazil dengan penglibatan 11 negara termasuk Malaysia, Argentina, India, Indonesia, ROK and Paraguay. Negara anggota menawarkan pengurangan 20% tarif keutamaan margin untuk pelbagai produk. Konsesi ini sedang dalam proses ratifikasi dan satu kajian semula akan dibuat selepas dua tahun pelaksanaannya.

PROGRAM PEMBINAAN

KEUPAYAAN DAN OUTREACH

Program pembinaan keupayaan yang dilaksanakan adalah termasuk:

- seminar serantau berkaitan Perjanjian Am bagi Perdagangan Perkhidmatan (GATS) dan Rundingan Perkhidmatan anjuran bersama WTO dan ESCAP, Kuala Lumpur;
- Program e-pembelajaran melalui modul pengajian jarak jauh oleh WTO; dan
- program usahasama dengan institusi pengajian tinggi seperti Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Program-program tersebut bertujuan meningkatkan pemahaman berhubung prinsip peraturan perdagangan global termasuk isu-isu yang dibincangkan dalam rundingan Pusingan Doha, dan menggalakkan wacana intelektual serta perbincangan berkaitan perdagangan antarabangsa dikalangan pelajar, pensyarah dan para pegawai Kerajaan.

PROSPEK

Rundingan Pusingan Doha telah diberi mandat oleh pemimpin G20 dan APEC. Pada 21 April 2011, Ketua Pengarah WTO telah mengeluarkan laporan yang menggariskan kemajuan terkini dalam bidang-bidang yang dirundingkan. Para perunding telah dipertanggungjawabkan untuk memuktamadkan rundingan tersebut. Cabaran dalam 2011 adalah memastikan momentum bagi memuktamadkan rundingan tersebut terus dikekalkan. Pemuktamadan Pusingan Doha akan menyediakan peluang yang luas dan kebolehramalan perdagangan dan pelaburan global serta pertumbuhan ekonomi.

Malaysia komited terhadap sistem perdagangan pelbagai hala dan akan terus aktif dalam rundingan-rundingan Pusingan Doha, memandangkan terdapat pelbagai faedah yang bakal diperolehi hasil daripada proses liberalisasi perdagangan pelbagai hala. Malaysia akan terus menyokong proses rundingan ini sehingga ia dimuktamadkan.



B
A
B

12

**PERKEMBANGAN
KUMPULAN
SERANTAU**

- *StatsAPEC menyediakan pangkalan data bagi ekonomi-ekonomi APEC*
- *Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) memberi keutamaan kepada akses pasaran global bagi PKS*
- *ABAC memastikan enterpris mikro tidak ketinggalan dalam inisiatif kewangan*

TINJAUAN

Malaysia aktif membangun dan mengukuhkan rangkaian pelaburan serta kerjasama ekonomi dan teknikal menerusi pelbagai kumpulan serantau. Komitmen Malaysia terhadap inisiatif perdagangan dan kerjasama ekonomi serantau boleh dilihat melalui penyertaannya dalam Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC), Kumpulan Lapan Negara-negara Membangun (D-8) dan Pertubuhan Lingkaran Pantai Lautan Hindi Bagi Kerjasama Serantau (IOR-ARC).

KERJASAMA EKONOMI ASIA PASIFIK (APEC)

APEC menyumbang 77% daripada jumlah perdagangan Malaysia, manakala jumlah perdagangan Malaysia dengan APEC meningkat 18.7% kepada RM900 bilion. Ekonomi APEC menyumbang RM23.06 bilion (79.3%) daripada FDI yang diluluskan dalam sektor pembuatan negara. Pelabur utama dikalangan APEC termasuk AS, Jepun dan Hong Kong SAR.

APEC 2010 yang bertemakan Perubahan dan Tindakan (*Change and Action*) telah diadakan di Jepun dengan memberi tumpuan kepada perkara-perkara yang meliputi memperkuuhkan integrasi ekonomi serantau, membangunkan Strategi Pertumbuhan APEC, meningkatkan keselamatan manusia, memperkuuhkan kerjasama ekonomi dan teknikal (ECOTECH), mengurangkan ketidakseragaman dikalangan ekonomi serantau dan juga menyumbang kepada pertumbuhan lestari.

Malaysia telah terlibat secara aktif dalam mesyuarat APEC 2010. Timbalan Perdana Menteri Malaysia mengetuai delegasi ke Mesyuarat Ketua-Ketua Ekonomi APEC Ke-18 (AELM) di Yokohama, Jepun. Menteri MITI telah mengambil bahagian dalam Mesyuarat Menteri-menteri Perdagangan yang telah diadakan di Sapporo, Jepun. Malaysia juga terlibat dalam Mesyuarat Menteri-menteri APEC (AMM) Ke-22, Mesyuarat peringkat Menteri APEC bagi PKS Ke-17, Mesyuarat Menteri Tenaga Kesembilan, Mesyuarat peringkat Menteri bagi Pembangunan Sumber Manusia, Mesyuarat peringkat Menteri-menteri Pelancongan Keenam, Mesyuarat Menteri Kewangan APEC Ke-17, Mesyuarat kali pertama Menteri bagi Keselamatan Makanan dan Mesyuarat peringkat Menteri bagi Industri Telekomunikasi dan Maklumat.

Memandangkan Matlamat Bogor (*Bogor Goals*) mensasarkan kearah mencapai perdagangan dan pelaburan bebas dan terbuka di Asia Pasifik bagi ekonomi industri menjelang 2010 dan ekonomi membangun pada 2020, 13 negara termasuk Malaysia telah dinilai berkaitan pencapaian matlamat ini.

Sorotan APEC 2010

Perkembangan Rundingan Agenda Pembangunan Doha

Menerusi MRT, AMM dan AELM, Malaysia menyatakan keimbangan mengenai rundingan Pusingan Doha yang telah berlanjutan terlalu lama sejak 2001 dan telah melepas beberapa tarikh akhir, yang bukan merupakan amalan yang baik bagi sistem perdagangan pelbagaihal. Walaupun Malaysia memahami kerumitan isu-isu rundingan dan perbezaan kepentingan bagi negara-negara anggota, Malaysia merasakan WTO perlu berusaha untuk mencari penyelesaian kreatif bagi memuktamadkan Pusingan Doha secepat mungkin.

Menyedari bahawa 2011 menyediakan peluang yang luas kearah pemuktamadkan Pusingan Doha, ekonomi APEC bersetuju untuk memberikan lebih kuasa kepada wakil-wakil pegawai mereka di Geneva untuk mengadakan rundingan komprehensif dengan segera.

Penolakan Dasar Perlindungan

Malaysia menegaskan bahawa walaupun dalam keadaan pasaran yang kurang baik, langkah berhati-hati telah diambil bagi memudahkan perdagangan dan meningkatkan daya saing dalam persekitaran perniagaan. Malaysia menyeru semua ekonomi untuk mengekalkan pasaran terbuka dan menolak sebarang bentuk tekanan daripada perlindungan pasaran.

Pasaran ekonomi terbuka adalah penting untuk pertumbuhan yang kukuh dan lestari serta pewujudan peluang pekerjaan terutama selepas krisis kewangan global 2009 di mana ekonomi berikrar untuk meneruskan pasaran terbuka dan menentang sebarang bentuk perlindungan pasaran.

Laporan mengenai trend utama dan pembangunan berkaitan perdagangan dan langkah-langkah pelaburan serta impaknya ke atas rantau APEC, mendedahkan bahawa terdapat penurunan terhadap sekatan/halangan perdagangan dan peningkatan ketara dalam langkah-langkah baru bagi memudahkan perdagangan. Ekonomi APEC bersetuju untuk mengekang peningkatan halangan-halangan baru kepada pelaburan atau perdagangan barang dan perkhidmatan atau mengenakan sekatan baru eksport sehingga hujung 2013.

Penilaian Matlamat Bogor

Lima ekonomi maju iaitu Australia, Kanada, Jepun, New Zealand dan AS telah dinilai tahap pencapaian Matlamat Bogor. Penilaian antara lain meliputi tarif, langkah-langkah bukan tarif, perkhidmatan, pelaburan, piawaian dan pematuhan, prosedur kastam, hak harta intelek dan fasilitasi perdagangan. Lapan ekonomi membangun, iaitu Chile, Hong Kong SAR, ROK, Mexico, Peru, Singapura, Chinese Taipei dan Malaysia telah menyertai penilaian tersebut secara sukarela.

Penemuan utama penilaian tersebut:

- purata bagi pelaksanaan di bawah MFN di seluruh rantau APEC telah menurun daripada 16.9% pada 1989 kepada 6.6% pada 2008. Purata tarif MFN bagi Malaysia adalah 7.4% pada 2009.
- senarai produk *zero-tariff* di rantau APEC meningkat 40% pada 2008 berbanding 29% pada 1996. Sejumlah 60.3% barisan tarif Malaysia telah dimansuhkan pada 2009.
- NTB serantau juga telah diturunkan.
- nilai nominal bagi perdagangan perkhidmatan komersil bagi rantau APEC (1994-2009) meningkat purata tahunan 7% mencapai jumlah AS\$2.4 trilion.
- eksport barang dan perkhidmatan terdiri daripada 26.5% KDNK negara-negara anggota APEC pada 2008 berbanding 15.7% pada 1994. Import bagi barang dan perkhidmatan meningkat kepada 27.4% daripada KDNK pada 2008 berbanding 16% KDNK pada 1994. Eksport barang dan perkhidmatan merangkumi 89.2% KDNK pada 1994 dan 107.4% pada 2009. Import barang dan perkhidmatan merangkumi 90.8% KDNK pada 1994 dan 93.8% KDNK pada 2009.
- Dari segi pelaburan:
 - aliran masuk FDI ke rantau APEC meningkat 13% setiap tahun sehingga 2008 mencecah AS\$804.9 bilion tetapi menyusut kepada AS\$440.4 bilion pada 2009, kesan daripada krisis kewangan global;
 - aliran keluar FDI meningkat 12.7% setiap tahun dari 1994 dan mencecah tahap tertinggi AS\$785.2 bilion pada 2008 tetapi menyusut kepada AS\$579.7 bilion pada 2009; dan
 - aliran masuk FDI ke Malaysia pada 2008 berjumlah AS\$7.3 bilion atau 1% daripada keseluruhan aliran masuk FDI bagi APEC tetapi menyusut kepada AS\$1.4 bilion atau 0.3% daripada keseluruhan FDI ke APEC pada 2009. Aliran keluar FDI Malaysia pada 2008 berjumlah AS\$14.9 bilion atau 1.9% daripada keseluruhan aliran keluar FDI APEC tetapi menyusut kepada AS\$8 bilion atau 1.4% pada 2009.
- Bagi tempoh 1994-2008, KDNK benar bagi rantau APEC berkembang 54%, menyumbang 62% kepada pertumbuhan dunia, manakala bagi Malaysia, ia meningkat kepada 105.9%.
- Bagi tempoh yang sama, KDNK benar per kapita bagi rantau APEC meningkat 37% dan Malaysia 53.2%.

Di sebalik kemajuan yang dicapai, penilaian mendapati bahawa halangan seperti tarif bagi pakaian, tekstil dan produk pertanian masih tinggi, sama seperti yang terdapat dalam sub-sektor perkhidmatan kewangan dan telekomunikasi. Pergerakan ahli perniagaan menghadapi sekatan yang paling ketara diantara keempat-empat mod penawaran perkhidmatan.

Dari segi pelaburan, ekonomi-ekonomi APEC masih mengekalkan sekatan pelaburan sektoral pada tahap berbeza seperti larangan ataupun had modal dalam sektor tertentu. Fasilitasi perdagangan dan kemudahan menjalankan perniagaan boleh dipertingkatkan dalam bidang standard dan pematuhan dan prosedur kastam juga melalui pelaksanaan isu di sebalik sempadan dengan memudah cara pembaharuan struktur.

Semasa AMM dan AELM, Malaysia menekankan kepentingan aliran perdagangan yang berterusan dan menggesa ekonomi APEC supaya mengambil langkah-langkah konkret untuk mengurangkan kadar tarif dan NTB secara sistematik dan teratur. NTB mestilah telus dan standard yang dikenakan tidak membebankan perdagangan. Malaysia juga menyeru ekonomi APEC supaya memberi keutamaan kepada sektor perkhidmatan untuk mempertingkatkan kapasiti domestik ekonomi untuk turut serta dalam persekitaran liberalisasi perdagangan.

StatsAPEC

'StatsAPEC' merupakan portal statistik yang baharu dilancarkan untuk menyediakan pangkalan data yang bersepadu dan meluas bagi ekonomi-ekonomi APEC. Portal ini boleh diakses melalui <http://statistics.apec.org/> dan terdiri daripada dua pangkalan data berikut:

- Pangkalan Data Petunjuk Utama yang merangkumi lebih daripada 120 petunjuk berkaitan perdagangan, kewangan dan sosio-ekonomi bagi memudahkan analisis trend di rantau APEC; dan
- Pangkalan Data Rangkaian Dua Hala yang merangkumi kemudahan analisis bagi aliran perdagangan dan pelaburan dikalangan ekonomi-ekonomi APEC dan diantara APEC dengan dunia.

Kawasan Perdagangan Bebas Rantau Asia Pasifik (FTAAP)

Ekonomi-ekonomi APEC bersetuju untuk mengambil langkah-langkah konkret bagi merealisasikan FTAAP untuk mempertingkatkan agenda integrasi ekonomi serantau. FTAAP akan dilaksanakan di luar skop APEC sebagai satu FTA yang komprehensif dengan membangun dan membina inisiatif serantau sedia ada seperti ASEAN+3, ASEAN-6 dan TPP.

Malaysia mengutarakan agar integrasi ekonomi serantau dilaksanakan secara berperingkat dengan mengambil kira tahap pembangunan dan kemajuan ekonomi-ekonomi. FTA serantau harus memberi penekanan kepada kerjasama serta menganggap liberalisasi perdagangan sebagai satu cara untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan tidak terhenti setakat itu sahaja, tanpa bercanggah dengan pemuaafakan antarabangsa dalam bidang-bidang seperti kesihatan, kestabilan kewangan dan perlindungan alam sekitar.

Pelaburan

Inisiatif-inisiatif pelaburan yang telah dilaksanakan:

- Strategi Pelaburan APEC yang menyediakan rangka kerja untuk panduan pelaburan masa depan berkaitan fasilitasi, promosi dan prinsip-prinsip pelaburan;
- Pelan Tindakan Fasilitasi Pelaburan (IFAP), yang telah mencapai kemajuan ketara dalam bidang e-ketelusan, pengurangan risiko kepada pelabur dan mempermudahkan peraturan perniagaan; dan
- e-portal Panduan kepada Tatacara Pelaburan APEC bagi menyediakan maklumat pelaburan utama merentasi ekonomi-ekonomi APEC.

Perkhidmatan

Inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan termasuk:

- mempromosikan perdagangan merentasi sempadan bagi perkhidmatan seperti perundangan, perakaunan dan alam sekitar;
- Pangkalan Data Perkhidmatan Rintis APEC bagi lima sektor perkhidmatan utama iaitu kewangan, tenaga dan perlombongan, pengangkutan dan logistik, profesional dan telekomunikasi sedang dalam perancangan untuk pelaksanaan pada 2011. Ia mengandungi maklumat akses pasaran perkhidmatan dan peraturan di sebalik sempadan yang memberi kesan kepada kemasukan pasaran bagi perdagangan perkhidmatan.

Hubungan Rantaian Bekalan

Rangka Kerja dan Pelan Tindakan Hubungan Rantaian Bekalan APEC yang bertujuan menangani halangan-halangan utama dalam rantaian bekalan serantau telah dipersetujui. Ia bertujuan bagi mencapai sasaran APEC, iaitu kemajuan 10% dalam rantaian bekalan melalui pengurangan masa, kos dan ketidaktentuan, menjelang 2015.

Inisiatif-inisiatif lain termasuk:

- Kajian 'Economic Impact on Enhanced Multi-modal Connectivity in the APEC Region';
- Laman sesawang APEC mengenai 'Transparency for Ease of Doing Logistics Business' (<http://www.logistics.apec.org>) yang bertindak sebagai tempat penyimpanan maklumat mengenai peraturan logistik;

- *APEC Guidelines for Advanced Rulings* mengenai klasifikasi tarif, tempasal dan/atau penilaian untuk meningkatkan kepastian dan kebolehramalan pergerakan barang di rantau ini; dan
- Penubuhan sistem *Single Window* bagi setiap ekonomi yang sedang dilaksanakan.

Halangan Teknikal Kepada Perdagangan

APEC meneruskan usaha bagi mempromosi penyeragaman standard, pelabelan dan prosedur penilaian pematuhan bagi menyokong inovasi keselamatan dan jaminan. Inisiatif-inisiatif yang telah diambil meliputi pewujudan mekanisme kerjasama peraturan bagi standard berkaitan perdagangan dan peraturan teknikal untuk mempromosi kerjasama huluhan (*upstream*) antara pengawal dan pegawai perdagangan tentang isu-isu baharu peraturan untuk mencegah halangan teknikal yang tidak wajar.

Ekonomi Digital

Malaysia menyertai secara aktif dalam inisiatif *APEC Digital Opportunity Center (ADOC)* yang bertujuan mengurangkan perbezaan digital serantau. Pada 2010, sebanyak 45 pusat ADOC telah beroperasi di sembilan ekonomi APEC. Pusat ADOC di Malaysia terletak di Kampung Gadek, Melaka dan Guntung Luar, Setiu, Terengganu akan meningkatkan tahap celik ICT di kalangan komuniti luar bandar.

Pada 2011, dua lagi pusat akan ditambah bagi meningkatkan kemahiran ICT kepada usahawan mikro dan kecil akan ditubuhkan di MITI dan SME Corp. Malaysia.

Inisiatif-inisiatif lain termasuk:

- penubuhan APEC Cross-border Enforcement Arrangement sebagai mekanisme kepada Lembaga Pengukuasaan Privasi untuk berkongsi maklumat; dan

- menyediakan bantuan data penguatkuasaan privasi merentasi sempadan; dan usaha berterusan untuk memajukan matlamat APEC untuk mencapai akses kepada jalur lebar kelajuan tinggi generasi hadapan menjelang 2020 sebagai usaha mempromosikan ekonomi berdasarkan pengetahuan di rantau ini.

Hak Harta Intelek (IPR)

APEC melancarkan IPR dalam talian bagi membolehkan PKS mempunyai pemahaman yang lebih baik mengenai harta intelek (IP) dalam perniagaan dan strategi yang boleh diguna pakai bagi memodalkan aset-aset yang tidak ketara. Aplikasi ini (<http://intellectualpropertyexplorer.com/>) disediakan secara percuma, selamat dan mudah serta mengandungi siri-siri soalan diagnostik interaktif yang direka untuk menilai semula setiap IP perniagaan.

APEC telah mewujudkan laman sesawang sehenti sebagai kemudahan kepada pengguna paten. Pengguna boleh memuat turun borang permohonan dan menghantar permohonan ke pejabat IP bagi membolehkan pemeriksaan lanjut dengan merujuk kepada keputusan atau penilaian yang dibuat oleh pejabat IP yang lain. APEC juga melancarkan Inisiatif Kerjasama Akademi Harta Intelek (inisiatif iPAC), yang melibatkan pewujudan platform berdasarkan talian bagi memudahkan perkongsian dan penyebaran maklumat yang efektif dikalangan Akademi Harta Intelek (IP).

Barangan dan Perkhidmatan Berasaskan Alam Sekitar (EGS)

Usaha di bawah Rangka Kerja Program EGS APEC diteruskan dengan pengemaskinian pemetaan latihan bagi mengenal pasti bidang kerja, forum dan aktiviti yang bersesuaian yang sedang dilaksanakan APEC. Usaha akan dijalankan untuk mempromosi penggunaan EGS, mengurangkan halangan kepada perdagangan dan pelaburan dalam EGS dan meningkatkan keupayaan ekonomi bagi membangunkan sektor EGS.

Laman sesawang Pertukaran Maklumat EGS (EGSIE), <http://egs.apec.org> sentiasa dikemaskini bagi meningkatkan ketelusan, perkongsian maklumat kerjasama dan penyebaran EGS. Kajian kes ke atas sektor EGS bagi ekonomi APEC akan dijalankan untuk meningkatkan pemahaman tentang EGS dan menyumbang kepada peningkatan kapasiti melalui penambahbaikan rangka kerja domestik EGS. Kajian kes pertama ke atas sektor EGS telah dijalankan di Malaysia pada September 2010.

Peraturan Tempasal (RoO)

APEC menjalankan analisis mengenai keutamaan RoO dalam FTA ekonomi-ekonomi dan akan menjalankan kerja-kerja meringkaskan dokumen dan mempermudahkan prosedur berkaitan RoO. Program-program bina upaya yang telah dijalankan atau dirancang pada 2010/2011 bertujuan meningkatkan pemahaman mengenai *APEC Self-certification of Origin Pathfinder Initiative*. Bengkel-bengkel tersebut membolehkan ekonomi berkongsi pengalaman, mekanisme dasar dan strategi yang lazim diterima pakai bagi menangani cabaran pelaksanaan, amalan terbaik bagi membina keyakinan dan pengurusan risiko. Bengkel pertama telah diadakan di Kuala Lumpur pada 11-12 Oktober 2010.

Laman Sesawang Tarif dan RoO (WebTR) telah dilancarkan bagi menyediakan pautan maklumat tarif keutamaan dan RoO ekonomi APEC.

Penambahbaikan Persekutaran Perniagaan

APEC telah melaksanakan tujuh program bina upaya menerusi Pelan Tindakan *Ease of Doing Business* dalam lima bidang utama, iaitu Memulakan Perniagaan, Mendapatkan Kredit, Perdagangan Merentasi Sempadan, Menguatkuasakan Kontrak dan Pengendalian Urusan Permit. Pelan ini mensasarkan matlamat menjadikannya 25% lebih murah, pantas dan mudah untuk menjalankan perniagaan dalam kalangan ekonomi APEC menjelang 2015 dan mencapai penambahbaikan 5% menjelang 2011. Seramai 16 peserta daripada sektor awam dan swasta Malaysia telah menyertai program bina upaya tersebut.

PEMBAHARUAN STRUKTUR

APEC meneruskan usaha bagi memajukan *Leader's Agenda to Implement Structural Reform (LAISR)* dengan penekanan kepada lima tema, iaitu pembaharuan peraturan, pengukuhan ekonomi dan prasarana undang-undang, tadbir urus korporat, tadbir urus sektor awam dan dasar persaingan. Pencapaian-pencapaian lain termasuk:

- Laporan Dasar Ekonomi APEC bagi tadbir urus korporat, pertumbuhan ekonomi yang lestari dan asas undang-undang dan institusi bagi tadbir urus korporat dalam ekonomi APEC yang boleh didapati menerusi portal APEC;
- Laporan '*Taking Stock of the Progress in the LAISR Initiative and Structural Policies in APEC Economies*'; dan
- Strategi Baharu bagi Pembaharuan Struktur APEC (ANSSR) di mana tumpuan diberikan kepada Dasar Persaingan, Undang-Undang dan Tadbir Urus Korporat, *Ease of Doing Business*, Tadbir Urus Sektor Awam dan Pembaharuan Peraturan.

PERTUMBUHAN LESTARI DAN KEMAKMURAN SERANTAU

Pemimpin ekonomi menggunakan pakai Strategi Pertumbuhan APEC (2011-2015) bagi menyediakan rangka kerja jangka panjang yang komprehensif bagi mempromosi pertumbuhan berkualiti tinggi di rantau ini. Strategi ini merupakan panduan bagi program kerja di bawah APEC berdasarkan pertumbuhan yang seimbang, inklusif, lestari, inovatif dan selamat.

Pelaksanaan Strategi Pertumbuhan APEC melengkapi inisiatif pembaharuan Malaysia menerusi program transformasi Kerajaan dan ekonomi yang mensasarkan pertumbuhan yang inklusif dan lestari. Malaysia akan memberi keutamaan kepada pembaharuan peraturan, pembangunan sumber manusia dan keusahawanan serta pertumbuhan hijau.

DIALOG-DIALOG INDUSTRI

Dialog Kimia

Rangka Kerja Strategik Kimia bagi 2010-2012 telah diluluskan. Rangka kerja ini bertujuan meningkatkan kefahaman pihak industri sebagai satu penyelesaian bagi menangani isu-isu seperti meningkatkan kecekapan tenaga, mengurangkan kesan rumah hijau dan meningkatkan keselamatan makanan. Inisiatif lain termasuk pengemaskinian berterusan pelaksanaan *Globally Harmonized System (GHS)* dan projek *GHS Reference Exchange and Tool (GREAT)*.

Dialog Automotif

Isu-isu yang telah diberikan perhatian termasuk teknologi kenderaan hijau, penyeragaman bagi standard teknikal dan penetapan hala tuju. Anggota APEC bersetuju menimbang cadangan penggunaan tarif boleh ubah dan/atau yang bersesuaian, satu daripada dua kandungan model asas nilai serantau sebagai *pathfinder* dalam RoO automotif.

INISIATIF SEKTORAL

Sebanyak lapan mesyuarat sektoral peringkat menteri berkaitan Tenaga, Pembangunan Sumber Manusia, Pelancongan, PKS, Samudera, Telekomunikasi dan Maklumat, Keselamatan Makanan dan Kewangan telah diadakan. APEC melaksanakan program kerja mengenai isu-isu khusus termasuk memerangi keganasan, keselamatan kesihatan dan makanan. Isu-isu utama yang dibangkitkan semasa mesyuarat boleh didapati menerusi laman sesawang APEC, <http://www.apec.org>.

KERJASAMA EKONOMI DAN TEKNIKAL (ECOTECH)

APEC telah melaksanakan 44 projek bina upaya ECOTECH, dengan penyertaan seramai 74 peserta daripada sektor awam dan swasta Malaysia di dalam program-program tersebut. Sebanyak enam program telah diadakan di Malaysia:

- APEC Workshop on *Self Certification of Origin* (11-12 Oktober);
- The 34th APEC Expert Group Meeting on *New and Renewable Energy Technologies (EGNRET)* (26-27 April);
- APEC Conference: *SME Development and Financing at the Threshold of the Next Decade-Review, Re-strategise, Revamp* (16 Julai);
- The Asia Pacific Trade Facilitation Forum: *Trade Facilitation for Regional Connectivity: Advancing Paperless Trade* (5-6 Oktober);

- APEC Workshop on *Enhancing Food Security through A Regional Approach and Wide Stakeholder Participation in Plant Bio-security* (1-3 Disember); dan
- APEC Financial Regulators Training Initiative: *Market Supervision (Securities)* (13-17 Disember).

MAJLIS PENASIHAT PERNIAGAAN APEC (ABAC)

Tema ABAC 2010 ialah 'Working Towards Sustainable Growth for All'. Usul-usul oleh ABAC dengan Ketua-ketua ekonomi di Yokohama adalah seperti berikut:

- menyatakan iltizam untuk mencapai Matlamat Bogor dan membangunkan visi baharu kearah integrasi ekonomi;
- berusaha kearah mencapai FTAAP dan mengenal pasti keutamaan perniagaan dalam FTA; dan
- menolak sebarang langkah perlindungan dan memuktamadkan Agenda Pembangunan Doha.

ABAC Malaysia mengulangi bahawa pentingnya penglibatan PKS dalam bidang pertumbuhan tinggi. Justeru itu, APEC perlu memberi lebih keutamaan kepada akses PKS ke pasaran global bagi memastikan pertumbuhan dan pembangunan PKS termasuk enterpris mikro yang lebih kukuh. Malaysia memberi penekanan bahawa program bina upaya PKS dan bantuan kewangan dalam APEC hendaklah merangkumi enterpris mikro. ABAC turut mencadangkan amalan yang lebih fleksibel dan pematuhan peraturan yang dilonggarkan bagi menggalakkan pembangunan enterpris mikro serta menggalakkan ABAC memastikan inisiatif kewangan merangkumi enterpris mikro.

PERTUBUHAN NEGARA-NEGARA ISLAM (OIC)

Malaysia memainkan peranan aktif sebagai anggota OIC dan telah menyertai Sesi ke-26 Jawatankuasa Tetap bagi Kerjasama Ekonomi dan Komersil (COMCEC) disamping mesyuarat-mesyuarat lain. Malaysia turut terlibat secara aktif dalam membangunkan Standard dan Prosedur Makanan Halal OIC. OIC telah menyumbang sebanyak 10.4% kepada jumlah perdagangan Malaysia pada 2010,¹ manakala jumlah perdagangan Malaysia dengan negara-negara anggota OIC telah meningkat sebanyak 20% kepada RM121.74 bilion daripada RM 101.37 bilion pada 2009.

Sesi Ke-26 COMCEC, Istanbul, Turki (5-8 Oktober 2010)

Sesi ini menilai semula pelaksanaan Program Tindakan Sepuluh Tahun OIC (TYPOA) untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh negara-negara anggota OIC dalam abad ke-21. Inisiatif Malaysia di bawah TYPOA termasuk program bina upaya yang memberi tumpuan kepada pengurangan kadar kemiskinan dan memperkuatkan pembangunan ekonomi.

Sistem Keutamaan Perdagangan dikalangan Negara-negara

Anggota OIC (TPS-OIC)

TPS-OIC adalah bertujuan untuk mencapai sasaran pertumbuhan sebanyak 20% perdagangan barang intra-OIC menjelang 2015 dan keutamaan yang disediakan termasuklah konsesi tarif dan bukan tarif. TPS-OIC akan beroperasi selepas Protokol Skim Tarif Keutamaan bagi TPS-OIC (PRETAS) dan Peraturan Tempasal TPS-OIC (TPS-OIC RoO) ditandatangani oleh sekurang-kurangnya 10 ahli OIC. Malaysia adalah antara sembilan anggota OIC yang telah menandatangani protokol tersebut.

Standard dan Prosedur Makanan Halal OIC

Statut bagi Institut Standard dan Metrologi Negara-Negara Islam (SMIIC) telah dikuatkuasakan pada 27 Mei 2010 setelah ditandatangani oleh 12 negara anggota OIC, yang seterusnya menjadikan SMIIC sebagai sebuah badan gabungan OIC. Negara-negara yang telah menandatangani terdiri daripada Algeria, Cameroon, Guinea, Jordan, Libya, Mali, Maghribi, Pakistan, Somalia, Sudan, Tunisia dan Turki.

Walau bagaimanapun, Malaysia dan negara-negara anggota lain termasuk UAE, Arab Saudi dan Mesir telah menyatakan bantahan kepada usul menjadikan SMIIC sebagai badan pelaksana standard OIC berdasarkan sebab-sebab berikut:

- terlalu awal untuk SMIIC melaksanakan standard OIC. Negara-negara anggota OIC masih kurang yakin akan keupayaan SMIIC untuk membangun dan menyeragamkan standard Halal, persijilan dan akreditasi termasuk semua standard, persijilan dan akreditasi dalam prasarana sedia ada negara Anggota OIC; dan
- Pengesahan SMIIC oleh hanya 12 negara anggota dan tarikh penguatkuasaan SMIIC tidak menggambarkan penglibatan komprehensif dari 47 negara anggota OIC yang lain.

Usul telah dibangkitkan supaya perbincangan mengenai SMIIC ditunda, memandangkan negara-negara anggota lain memerlukan penjelasan yang lebih mendalam mengenai liputan, pelan kerja dan perincian mengenai mekanisme pelaksanaan bagi Sistem Makanan Halal OIC.

Malaysia juga telah menyertai Mesyuarat Ke-10 bagi Kumpulan Pakar Standard (SEG). Mesyuarat telah menekankan keperluan OIC SEG untuk memperjelaskan isu-isu teknikal yang masih tertangguh dan mengemukakan cadangan terperinci bagi mekanisme pelaksanaan Sistem Makanan Halal OIC.

KUMPULAN PEMBANGUNAN LAPAN (D-8)

Sidang Kemuncak D-8 Ketujuh

(8 Julai 2010)

Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah mengetuai delegasi ke Sidang Kemuncak D-8 Ketujuh di Abuja, Nigeria di mana Malaysia telah menyerahkan tugas sebagai pengerusi D-8 kepada Nigeria. Beliau telah mengutarakan inisiatif-inisiatif untuk mengaktifkan semula D-8 semasa tempoh Malaysia sebagai Pengerusi:

- Penubuhan Sekretariat D-8, Hala Tuju D-8 bagi Kerjasama Ekonomi dan Sosial (2008-2018) dan Pelan Tindakan 10 Tahun D-8;
- Penggunaan Senarai Kerjasama dalam Bidang Keutamaan termasuk perdagangan, pertanian dan keselamatan makanan, kerjasama industri dan PKS;
- Menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Pertama Peringkat Menteri-Menteri D-8 bagi Keselamatan Makanan di Kuala Lumpur kearah mempertingkatkan kerjasama dalam projek-projek pertanian untuk menangani isu berkaitan keselamatan makanan. D-8 mengiktiraf Inisiatif Kuala Lumpur untuk mengukuhkan kerjasama dalam pengeluaran dan pengagihan input berkualiti terutamanya biji benih, makanan haiwan dan baja, serta perjanjian untuk menujuhkan Kompleks Usahasama Baja di Mesir;

- Menandatangani tiga perjanjian:
 - Meringkaskan Prosedur Visa bagi Ahli Perniagaan di kalangan anggota D-8;
 - Perjanjian Keutamaan Perdagangan di kalangan Negara Anggota D-8; dan
 - Perjanjian Pelbagaihal bagi Bantuan Pentadbiran dalam Hal-hal berkaitan Kastam.

Mesyuarat Ke-11 Pegawai Tinggi Perdagangan (HLTO) bagi Negara-Negara Anggota D-8 (9-10 Oktober 2010)

Malaysia telah menghadiri mesyuarat HLTO di Istanbul, Turki dan telah membincangkan Perjanjian Keutamaan Perdagangan (D-8 PTA), RoO bagi D-8 PTA dan cara bagi menggalakkan intra-perdagangan di kalangan negara anggota D-8. Negara-negara D-8 telah menyumbang sebanyak 6.2% kepada jumlah perdagangan Malaysia pada 2010 manakala jumlah perdagangan Malaysia dengan negara-negara D-8 telah meningkat sebanyak 21.9% kepada RM71.99 bilion daripada RM59 bilion pada 2009.

Hasil utama daripada Mesyuarat Ke-11 HLTO adalah seperti berikut:

- D-8 PTA: Kesemua negara anggota D-8 telah membentangkan Senarai Tawaran masing-masing. Anggota diminta membuat semakan semula senarai tawaran berdasarkan format Malaysia.
- RoO D-8: Anggota bersetuju untuk mempertimbangkan pelaksanaan peraturan tambahan bagi Peraturan Nilai Ditambah sebanyak 40% kandungan tempatan.
- Negara Anggota D-8 digesa untuk menangani isu-isu berkaitan pembiayaan perdagangan, pengangkutan, NTB dan fasilitasi perdagangan termasuk menandatangani Perjanjian D-8.

Mesyuarat Kumpulan Kerja bagi Kerjasama Industri (WGIC) Kelima (28 Februari 2010 – 1 Mac 2010) dan Mesyuarat Menteri-menteri D-8 bagi Industri (2 Mac 2010)

Malaysia telah menyertai kedua-dua mesyuarat di Tehran, Republik Islam Iran. WGIC kelima memulakan perbincangan mengenai Pelan Tindakan Kerjasama Industri D-8 WGIC. Perbincangan lanjut mengenai Pelan Tindakan D-8 WGIC akan diteruskan pada mesyuarat yang dijadualkan pada 2011 di Turki.

Mesyuarat Badan-badan Kerajaan D-8 Pertama (7 Disember 2010)

Malaysia telah menyertai mesyuarat ini di Tehran, Republik Islam Iran dan mencapai persetujuan dalam hal-hal berikut:

- Rangkaian Komunikasi bagi melaksanakan penyelarasan, tindakan susulan, pelaksanaan perjanjian dan perancangan mesyuarat selanjutnya Badan Kerajaan D-8 bagi PKS dengan kerjasama negara anggota dan Sekretariat D-8;
- Penjenamaan bersama (*co-branding*) untuk membantu kemasukan PKS ke pasaran melalui pembinaan pusat pemasaran dan penjualan dalam D-8;
- Badan Perundangan untuk memastikan pelaburan antarabangsa, insurans, mengatasi kelemahan PKS dan risiko kewangan kesan daripada perkongsian diantara PKS/IKS negara anggota D-8; dan
- Memperuntukkan sebahagian daripada Taman Industri PKS sedia ada/baharu yang menjalankan aktiviti atau perniagaan antarabangsa.

PROSPEK

APEC akan memberi tumpuan kepada memperkuuhkan integrasi ekonomi serantau, memperluaskan perdagangan, mempromosi pertumbuhan hijau, memperluaskan kerjasama regulatori dan mempertingkatkan kesepaduan regulatori. Program-program yang akan dilaksanakan termasuk mengenal pasti, membentuk dan menangani isu-isu berkaitan perdagangan dan pelaburan generasi baharu; mengurangkan NTB bagi perdagangan; menggunakan pakai dasar dan peraturan yang menggalakkan inovasi serta mempromosi penggunaan ICT; mempertingkatkan hubungan rantai bekalan; memajukan pembaharuan struktur; dan menjadikannya lebih murah, mudah dan cepat untuk perniagaan, khususnya perdagangan serantau untuk PKS.

Malaysia menyokong keutamaan APEC pada 2011, selaras dengan agenda nasional dan melengkapkan usaha-usaha kearah ekonomi ke peringkat seterusnya. Bidang-bidang tumpuan meliputi pembaharuan struktur, inisiatif di sebalik sempadan, inisiatif sektor yang sedang dilaksanakan, pertumbuhan hijau khususnya teknologi karbon rendah, barang dan perkhidmatan berdasarkan alam sekitar, inovasi dan penggunaan ICT, pembangunan PKS dan keusahawanan serta hubungan rantai bekalan.

Malaysia akan menerajui usaha bagi mempromosi pembangunan keusahawanan terutama di kalangan usahawan-usahawan muda. Forum Usahawan Muda APEC akan diadakan dan bakal menjadi batu loncatan bagi memupuk budaya dan semangat keusahawanan di kalangan belia serta membantu usahawan mengenal pasti peluang-peluang perniagaan yang berpotensi untuk diusaha sama.

OIC dan D-8 akan terus memastikan agenda berkaitan kerjasama ekonomi dan penggalakkan perdagangan di kalangan negara-negara anggota kekal sebagai fokus utama. Tumpuan akan diberikan kepada liberalisasi perdagangan barang di kalangan negara-negara anggota menerusi PTA, sebagai instrumen untuk meningkatkan intra-perdagangan di bawah pelan tindakan masing-masing. Malaysia akan terus menggunakan kumpulan ekonomi serantau sebagai platform untuk memperkuuh dan mempromosi kepentingan ekonomi serta menyumbang kepada kemajuan dan keharmonian di kalangan negara-negara anggota.

Artikel 12.1: Kajian Kes APEC Mengenai Industri Barang dan Perkhidmatan Berasaskan Alam Sekitar di Malaysia (September 2010)

Tujuan

- Untuk mengenal pasti barang dan perkhidmatan berdasarkan alam sekitar (EGS) yang menyumbang kepada pengurangan kesan perubahan iklim dan menerajui pembangunan ekonomi lestari; dan
- Untuk meningkatkan pemahaman berkenaan ciri-ciri utama pasaran dengan menilai situasi pasaran domestik, termasuk dasar-dasar utama dan penggerak pasaran serta cabaran yang dihadapi bagi memahami dan mempromosi EGS dan pertumbuhan pasaran domestik EGS.

Kajian tersebut meneliti segmen pasaran tradisional ataupun segmen teras EGS dalam peralatan dan perkhidmatan termasuk segmen baru muncul yang merangkumi projek tenaga boleh diperbaharui, perkhidmatan dan peralatan tenaga yang lebih efisien.

Ciri-ciri Utama Industri EGS Malaysia Pada 2009

- Struktur yang tersusun dan teguh telah menjana pendapatan sebanyak RM7.06 bilion (1.38% KDNK) dan menyediakan peluang pekerjaan kepada 29,700 pekerja dalam 2,700 syarikat swasta.
- Segmen baru muncul (peralatan tenaga solar yang lazimnya berorientasikan eksport) mencatat hasil RM3.76 bilion. Jumlah hasil keseluruhan bagi EGS dan segmen baru muncul ialah RM10.8 bilion (2.1% KDNK) dan sel solar photovoltaic mencatat 8% daripada jumlah pengeluaran global.
- Penyumbang terbesar kepada pendapatan dan peluang pekerjaan ialah syarikat perkhidmatan infrastruktur alam sekitar terdiri daripada utiliti air, rawatan air kumbahan dan pengurusan sisa pepejal yang merupakan 76% daripada jumlah hasil EGS sementara segmen peralatan berjumlah 19% daripada pasaran EGS.
- Import menurun manakala eksport meningkat bagi peralatan-peralatan rawatan air, penapisan udara dan pengurusan sisa pepejal.
- Firma-firma perundingan dan kejuruteraan (C&E) alam sekitar telah terlibat dalam hampir semua sektor sebagai penyedia analisis awal dan akhir; pereka dan penetap penyelesaian dan teknologi, serta pengurus projek pembinaan dan kejuruteraan awam.
- Firma-firma C&E (SME) alam sekitar Malaysia telah berubah dengan pantas ke tahap kemahiran yang mengagumkan berbanding dekad yang lepas.

Penggerak utama kepada pasaran alam sekitar Malaysia ialah undang-undang dan peraturan persekutuan; standard antarabangsa yang dilaksanakan sendiri oleh MNC; program persekutuan, negeri dan Kerajaan tempatan; dan permintaan bagi bekalan atas perkhidmatan infrastruktur alam sekitar. Tiada halangan terhadap import peralatan berdasarkan alam sekitar atau penubuhan syarikat subsidiari perkhidmatan tempatan. Duti import ke atas peralatan berdasarkan alam sekitar adalah diantara 0% ke 10%. Kesedaran dan penguatkuasaan undang-undang dan standard adalah tidak mencukupi dan telah menyekat pembangunan industri EGS.

R&D dalam teknologi alam sekitar didapati kurang penyelarasan dan diterajui terutamanya oleh institusi penyelidikan tempatan dengan penglibatan minimum sektor swasta. Firma-firma kecil Malaysia mempunyai keupayaan yang terhad untuk melabur dalam R&D atau membangunkan rangkaian pemasaran. Syarikat-syarikat berdasarkan alam sekitar, makmal ujian dan firma perkhidmatan pemantauan kebiasaannya menggunakan khidmat kakitangan teknikal berpendidikan tempatan manakala dalam C&E dan pembangunan tenaga, kebanyaknya kakitangan teknikal mendapat latihan luar negara.

Sektor EGS Yang Mempunyai Peluang Pertumbuhan Terbaik

- Teknologi hijau dan kecekapan tenaga seperti pencahayaan LED, photovoltaic, biomass dan pengurusan sisa pepejal;
- Pembekalan sistem pengurusan sisa kumbahan, peralatan pemantauan, peralatan kitar semula air kumbahan; pengeringan sisa buangan dan sistem pembersihan industri;
- Pembekalan peralatan dan loji rawatan pembetungan perbandaran;
- Teknologi meminimumkan sisa, pengitaran semula sisa berbahaya dan teknologi pelupusan dan teknologi bioremediasi;
- Teknologi pemulihan minyak terpakai dari industri dan sisa buangan kapal;
- Vehicle emission-monitoring equipment, industrial air scrubbers, stack emission analysers and control equipment, dust collector, indoor air pollution control systems dan air-monitoring equipment for power generation stations and boiler plants; dan
- Sistem pengauditan dan pengurusan alam sekitar.

Laporan lengkap Kajian Kes EGS boleh didapati menerusi Portal MITI.

PERTUBUHAN DAN KUMPULAN KEAHLIAN

Pertubuhan/ kumpulan	Negara Ahli/Ekonomi
APEC	Australia, Brunei Darussalam, Kanada, Chile, Hong Kong SAR, Indonesia, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, PRC, Peru, Filipina, ROK, Russia, Singapura, Taiwan, Thailand, Amerika Syarikat dan Viet Nam.
ASEAN	Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Viet Nam.
ASEAN-CER	ASEAN, Australia dan New Zealand.
CEFTA	Bulgaria, Republik Czech, Hungary, Poland, Romania, Republik Slovak dan Slovenia.
